

**AMALAN ISTERI MEMBERI NAFKAH KEPADA SUAMI: KAJIAN  
DI DESA SARI GALUH, KECAMATAN TAPUNG, KABUPATEN  
KAMPAR, WILAYAH RIAU, INDONESIA**

**MUHAMMAD AMIRUL HASBI**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2018**

**AMALAN ISTERI MEMBERI NAFKAH KEPADA SUAMI: KAJIAN  
DI DESA SARI GALUH, KECAMATAN TAPUNG, KABUPATEN  
KAMPAR, WILAYAH RIAU, INDONESIA**

**MUHAMMAD AMIRUL HASBI**

**DISERTASI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI  
SEBAHAGIAN KEPERLUAN BAGI  
IJAZAH SARJANA SYARIAH**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERESITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2018**

**AMALAN ISTERI MEMBERI NAFKAH KEPADA SUAMI: KAJIAN  
DI DESA SARI GALUH, KECAMATAN TAPUNG, KABUPATEN  
KAMPAR, WILAYAH RIAU, INDONESIA**

**ABSTRAK**

Nafkah merupakan tanggungjawab suami terhadap isteri, kerana adanya ikatan perkahwinan yang sah. Isteri wajib taat kepada suami, mengatur rumah tangga, memelihara dan mendidik anak-anaknya. Begitu pula, suami berkewajipan memenuhi keperluan, dan memberi belanja kepada isteri sesuai dengan kemampuannya. Walaupun begitu, di Desa Sari Galuh isteri yang memberikan nafkah kepada suami dan amalan ini sudah diamalkan bertahun-tahun sehingga saat ini. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis amalan isteri memberikan nafkah kepada suami perspektif undang-undang perkahwinan di Indonesia. Fokus utama kajian ini ialah faktor-faktor yang menyebabkan isteri memberikan nafkah kepada suami dan kesan buruk bagi masyarakat yang ada di Desa Sari Galuh. Kajian ini menggunakan kaedah temu bual mendalam dengan para responden yang terdiri dari ketua adat, ketua kampung dan isteri-isteri yang memberikan nafkah kepada suami. Analisis dilakukan secara deskriptif berdasarkan data yang dikumpul dan diperolehi. Hasil kajian mendapati bahawa isteri terpaksa memberikan nafkah kepada suami kerana sebahagian mereka masih mempercayai adat yang dibawa oleh nenek moyang mereka yang mewajibkan isteri memberikan nafkah kepada suami. Akibatnya suami menjadi malas dan tidak mahu bekerja mencari nafkah dan memberikan impak buruk kepada masyarakat lainnya. Selain itu, kurangnya kefahaman masyarakat Desa Sari Galuh tentang hukum Islam terutama tentang tanggungjawab suami isteri sehingga mereka lebih mempercayai yang dibawa oleh nenek moyang mereka. Oleh yang demikian, pengetahuan tentang tanggungjawab suami isteri perlu diperjelaskan kepada masyarakat Desa Sari Galuh agar mereka mengamalkan sesuai dengan al-qur'an dan sunnah.

*Keywords: Adat, Nafkah Isteri, Hukum Islam, Undang-Undang*

**AMALAN ISTERI MEMBERI NAFKAH KEPADA SUAMI: KAJIAN  
DI DESA SARI GALUH, KECAMATAN TAPUNG, KABUPATEN  
KAMPAR, WILAYAH RIAU, INDONESIA**

**ABSTRACT**

Provision of *nafkah* is a responsibility of the husbands towards their wives following a legal bond of marriage. The wife must obey to her husband, manages the household, nurtures and educates their children. On the other hand, the husband is obliged to fulfil the needs and to provide for expenses of his wife in accordance to his ability. Conversely, in Sari Galuh, it is the wives who provide *nafkah* to their husbands and this has been practiced for years to date. This study aims to analyze this particular practice from the perspective of marriage law in Indonesia. The main focus of this study is the causal factors of wives providing *nafkah* for the husbands and its negative impacts in the community of Sari Galuh. This study uses an in-depth interview method with the respondents comprising of the head of custom, the village chief and the providing wives. The analysis is conducted descriptively based on the collected and obtained data. The findings of this study show that the wife has to provide *nafkah* to the husband because some of them still believe the custom of wife providing for the family, brought down by their ancestors. This consequently made the husbands unproductive and refusing to work to provide and results in negative impact towards the rest of community. Besides, the lack of comprehension in Sari Galuh community on the Islamic law, particularly of the responsibilities of husband and wife such that they have more belief towards the customs brought by their ancestors. Therefore, the knowledge regarding responsibilities of husband and wife should be clarified to the Sari Galuh community so that they can practice in accordance to the Quran & Sunnah.

*Keywords: Adat, Live lihoods wife, Islamic law, legislation*

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah Syukur ke hadrat Ilahi diatas segala limpah kurnia, petunjuk dan bantuan yang tidak pernah henti. Kajian ini dapat disiapkan. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhamamad SAW, kaum keluarga serta sahabat.

Saya mengambil kesempatan ini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih yang tidak terhingga *Dr. Mohd Norhusairi bin Mat Hussin* dan *Prof. Datin Dr. Raihanah Abdullah* selaku penyelia kajian serta diatas kerjasama, tunjuk ajar, perkongsian buah fikiran, maklumat dan motivasi yang diberikan sepanjang proses kajian ini dijalankan. Semoga segala panduan yang beliau curahkan mendapat ganjaran yang besar disisi Allah SWT.

Ucapan terima kasih juga ditunjuk buat Ketua Jabatan Syari'ah dan Undang-undang *Prof. Dato' Dr. Ahmad Hidayat Buang*, barisan pensyarah yang dihormati, *Prof. Madya Dr. Ruzman Bin Md Noor*, *Prof Madya Dr Siti Masyitoh Mahamood*, *Prof. Madya Dr. Siti Zubaidah Binti Ismail*, *Dr. Narizan Binti Abdul Rahmanm*, *Dr. Mohd Zaidi Bin Daud* dan kaki tangan akademik JSU dan APIUM yang lain, serta staf pentadbiran, puan *Nurfazlien*, kaki tangan ijazah tinggi, *Puan Zahiyan*, kaki tangan perpustakaan dan semua pihak yang terlibat dalam menyiapkan kajian ini. Penghargaan dan terima kasih juga dipanjangkan kepada kedua *orang tua saya H.Syukur dan Hj.Dasmiwati Mz* dan juga kepada *mudir serta guru-guru sekolah SMA Integrasi Smart Furqan*. Hanya doa yang dapat saya titipkan saban hari agar Allah senantiasa merahmati kalian dan membalasnya dengan ganjaran yang besar di sisinya.

Tidak dilupakan juga penghargaan yang amat istimewa ditunjukkan buat isteri tercinta *Rizky Mardhatillah Salim. S.Pd. Kons* dan anakku tersayang *Hilyah Nafisa Hasbi* serta tidak lupa juga kepada abang *Mhd.Hadi Rosyidi Kamal*, dan adik *Rafika Rahmi*, *Ardinal khairi*, *Salsabila* dan *Muthia Kamila* yang telah memberikan semangat

kepada saya dalam mengerjakan kajian ini. Tidak dilupakan juga buat sahabat *Ahamad Maulidi Zein, Mohd, Abdul Rois, Amir Haritsha* yang telah memberikan dorongan semangat yang tidak pernah putus-putus diberikan. Tiada kata yang dapat diungkapkan melainkan sekalung do'a dengan harapan Allah s.w.t menempatkan kita di surga firdaus kelak.

Akhir kalam pengkaji berdo'a semoga kajian ini bermanfaat bagi banyak pihak dan semoga segala usaha yang dilakukan diterima Allah dan mendapat ridhanya.

**Muhammad Amirul Hasbi** (*muhammadamirahasbi14gmail.com*)

Bangsar, Kuala Kumpur

## SENARAI KANDUNGAN

ABSTRAK .....	iii
ABSTRACT.....	iv
PENGHARGAAN.....	v
SENARAIKANDUNGAN.....	vi
SENARAI SINGKATAN.....	x
PANDUATRANSLITERASI.....	x
<b>BAB 1: PENDAHULUAN .....</b>	<b>1</b>
1.1 Pengenalan.....	1
1.2 Latar Belakang Masalah.....	3
1.3 Persoalan Kajian.....	5
1.4 Objektif Kajian.....	5
1.5 Kepentingan Kajian.....	6
1.6 Skop Kajian.....	7
1.7 Sorotan Kajian Lepas.....	7
1.7.1 Konsep Nafkah.....	7
1.7.2 Undang-undang keluarga.....	9
1.7.3 Isteri bekerja.....	10
1.8 Metodologi Kajian.....	12
1.9 Sistematika Penulisan.....	16
<b>BAB 2: KONSEP NAFKAH ISTERI DALAM ISLAM.....</b>	<b>18</b>
2.1 Pendahuluan.....	18
2.2 Nafkah Isteri.....	18

2.3 Dalil Pensyariatan Nafkah Isteri.....	20
2.3.1 Dalil daripada al-Quran.....	20
2.3.2 Dalil daripada Hadis.....	20
2.3.3. Dalil daripada Qiyās.....	21
2.3.4 Dalil daripada Ijma.....	21
2.4 Pendapat Fuqaha Tentang Sebab Wajibnya Nafkah Isteri .....	21
2.5 Syarat-Syarat Wajib Nafkah Isteri .....	23
2.5.1 Perkahwinan yang sah.....	23
2.5.2 Penyerahan diri sepenuhnya kepada suami.....	23
2.5.3 Tidak menderhakai suami .....	24
2.6 Jenis-Jenis Nafkah Menurut Syarak .....	26
2.6.1 Makanan.....	27
2.6.2 Pakaian.....	30
2.6.3 Tempat tinggal .....	31
2.6.4 Nafkah <i>Khadam</i> .....	33
2.6.5 Peralatan Rumah .....	36
2.6.6 Nafkah Perubatan.....	36
2.6.7 Nafkah isteri yang ditinggalkan suami.....	38
2.7 Asas Penentuan Kadar Nafkah Isteri .....	39
2.7.1 Teori pertama: Berasaskan kepada kedudukan pasangan suami isteri .....	39
2.7.2 Teori kedua: Melihat keadaan Suami Sahaja .....	41
2.8 Sebab-Sebab Gugurnya Nafkah Isteri .....	42
2.9 Keengganan Suami Membayar Nafkah.....	43
2.10 Nafkah Isteri yang Ditinggalkan Suami .....	49



2.10.1 Pengembalian Nafkah Setelah Dicerai Dan Berlaku Kematian.....	50
2.10.2 Nafkah Isteri Disegerakan .....	51
2.10.3 Nafkah hutang .....	52
2.10.4 Nafkah isteri ketika iddah.....	52
2.11 Isteri yang Tidak Berhak Mendapatkan Nafkah.....	53
Kesimpulan.....	57

**BAB 3: NAFKAH DALAM PERSPEKTIF UNDANG -UNDANG PERKAHWINAN NO.1 TAHUN 1974 DAN KOMPILASI HUKUM ISLAM INDONESIA .....**

3.1 Pendahuluan .....	59
3.2.1 Peruntukan Nafkah Dalam Undang-undang perkawinan No.1 Tahun 1974.....	60
3.2.2 Hak dan kewajiban suami isteri undang-undang perkahwinan .....	62
3.2.3 Hak dan kewajiban suami isteri .....	62
3.3 Kompilasi Hukum Islam.....	65
3.3.1 Kompilasi Hukum Islam Bab XII Hak dan Kewajiban Suami Isteri.....	66
3.4 Akibat Hukum Pengabaian Nafkah Terhadap Isteri menurut Undang-undang Perkahwinan No. 1 Tahun 1974 .....	70
Kesimpulan.....	75

<b>BAB 4 : ANALISIS AMALAN ISTERI MEMBERIKAN NAFKAH KEPADA SUAMI DI DESA SARI GALUH WILAYAH RIAU INDONESIA PERSPEKTIF UNDANG-UNDANG PERKAHWINAN NO.1 TAHUN 1974.....</b>	<b>76</b>
4.1 Pengenalan.....	76
4.1.2 Kaedah Kajian.....	76
4.1.2.1 Kaedah Temu bual Mendalam .....	76
4.2.2. Instrumen Kajian.....	76
4.1.2.3: Reka bentuk soalan .....	77
4.1.2.4 Saiz Sampel.....	77
4.1.2.5 Prosedur Kajian .....	78
4.2 Keadaan Geografi.....	78
4.2.2 Sosial dan budaya (adat) Desa Sari Galuh .....	80
4.2.3 Faktor Pemilihan Lokasi Kajian .....	84
4.3 Analisis Amalan Masyarakat Sari Galuh Isteri Memberikan Nafkah kepada suami.....	84
4.3.1 Maklumat Demografi Responden .....	88
Pertama: Kerelaan isteri .....	88
Kedua: Isteri terpaksa memberikan nafkah.....	88
Ketiga: Kefahaman masuk syurga .....	90
Keempat : Terjadinya Pergaduhan Suami Isteri .....	91
Kelima Memberikan Gambaran Buruk Kepada Masyarakat Lainnya.....	92

4.4 Analisis Undang-undang Perkahwinan No.1 tahun 1974 dan Kompilasi Hukum Islam (KHI).....	93
4.4.1 Isteri boleh mengajukan Cerai ke Pengadilan Agama Indonesia .....	95
4.4.2 Akibat Hukum Suami melalaikan tanggungjawab kepada isteri .....	95
Kesimpulan.....	97
<b>BAB 5 PENUTUP</b> .....	98
5.1 Pengenalan.....	98
5.2 Penutup .....	98
5.3 Cadangan .....	99
5.3.1 Majelis Ulama Indonesia (MUI) Kabupaten Kampar.....	99
5.3.2 Pendidikan .....	100
5.3.3 Pemerintah.....	100
BIBLIOGRAFI.....	101

## SENARAI SINGKATAN

KEMENAG	Kementerian Agama
KHI	Kompilasi Hukum Islam
KDRT	Kekerasan Dalam Rumah Tangga
MUI	Majelis Ulama Islam
PKK	Pembinaan Kesejahteraan Keluarga
PA	Pengadilan Agama
RT	Rukun Tetangga
RW	Rukun Warga

University of Malaya

## PANDUAN TRANSLITERASI

### a. Huruf-huruf Konsonan

Huruf Arab	Huruf Rumi
ا	-
ء	'
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	h
خ	kh
د	d
ذ	Dh
ر	R
ز	Z
س	S
ش	Sh
ص	ṣ

Huruf Arab	Huruf Rumi
ض	ḍ
ط	ṭ
ظ	ẓ
ع	'
غ	gh
ف	f
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
هـ	h
و	w
ي	y
ة	h,t

**b. Vokal**

Vokal Pendek	Tranliterasi
اَ	A
اِ	I
اُ	U

Vokal Panjang	Tranliterasi
آ, اِي	ā
يِي	ī
وِي	ū

**c. Diftong**

Diftong	Tranliterasi
اَو	aw
اَي	ay
اُو	uww
اِي	iyy, ī

University of Malaya

University of Malaya

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 PENGENALAN

Nafkah merupakan tanggungjawab seorang suami kepada isterinya. Tanggungjawab ini akan berterusan diterima oleh isteri selagimana tidak timbulnya perkara menggugurkan hubungan mereka berdua mengikut syarak. Nafkah yang dimaksudkan disini meliputi perbelanjaan makan dan minum, pakaian, penyediaan tempat tinggal dan apa-apa sahaja yang diperlukan dalam kehidupan suami isteri tanpa berlebihan dan berkurangan.<sup>1</sup> Hak-hak ini telah diperuntukkan atau dijelaskan melalui firman Allah SWT:

أَسْكِنُوهُنَّ مِنْ حَيْثُ سَكَنْتُمْ مِنْ وَجَدِكُمْ وَلَا تَضَارُوهُنَّ لِتَضَيَّقُوا عَلَيْهِنَّ  
وَأِنْ كُنَّ أَوْلَاتٍ حَمَلٍ فَانْفِقُوا عَلَيْهِنَّ حَتَّى يَضَعْنَ حَمْلَهُنَّ فَإِنْ أَرْضَعْنَ لَكُمْ  
فَاتُوهُنَّ أَجُورَهُنَّ وَأَتَمُّوا بَيْنَكُمْ بِمَعْرُوفٍ وَإِنْ تَعَاَسَرْتُمْ فِستَرِ ضِعْ لَهُ أُخْرَى

Tempatkanlah isteri-isteri itu ditempat kediaman kamu sesuai dengan kemampuanmu, dan janganlah kamu menyakiti mereka dengan tujuan hendak menyusahkan kedudukan mereka mereka. Dan jika mereka sedang mengandung berikanlah kepada mereka nafkah sehingga mereka melahirkan kandungannya, jika mereka menyusahkan anak kamu, maka beriaknlah kepada mereka upahnya, dan berundinglah diantara kamu dengan cara yang baik. Dan jika kamu mengalami kesulitan, maka bolehlah perempuan lain menyusahkannya.

( Surah at-Thalaq ayat 6)

Nafkah yang diterima oleh isteri dan anak adalah suatu hak yang telah ditetapkan oleh syarak bergantung kepada kemampuan suami atau bapa. Im m al-Ghaz l

<sup>1</sup> Mus afa al-Siba'i, *Syarh al-Qānūn al-Aḥwāl al-Syakhsiyyah*, jil.1, (Mesir: Al-Maktab al-Islam, 1997), 146-147.



berpendapat bahawa suami tidak sepatutnya makan makanan yang istimewa seorang diri kerana boleh menimbulkan sakit hati. Jika tetap ingin meneruskan niatnya, maka perlulah dirahsiakan sehingga tidak diketahui oleh si isteri. Seandainya suami mampu membeli nasi daging untuk dirinya, maka isteri jugalah untuk menikmati makanan yang sama. Seorang isteri berhak mendapatkan nafkah mengikut kemampuan suami.

Allah SWT berfirman:

لِيَنْفِقَ ذُو سَعْتِهِ وَمَنْ قَدَرَ عَلَيْهِ رِزْقَهُ فليَنْفِقْ مِمَّا آتَاهُ اللَّهُ لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا مَا  
آتَاهَا سيجعل الله بعد عسر يسرا

Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya dan sesiapa yang disempitkan rezekinya hendaklah ia menafkahkan dari apa yang diberikan Allah kepadanya. Allah tidak memberati seseorang melainkan sekadar yang diberikan Allah kepadanya. Allah akan memberikan kesenangan sesudah berlakunya kesusahan.

( Surah at-Thalāq ayat 7)

Daripada hadis ini jelas menunjukkan bahawa hukum memberi nafkah kepada isteri dan anak-anak adalah wajib. Nafkah dalam pengertian lain ialah isteri dan anak-anak berhak meminta sekiranya tidak diberi oleh suami atau bapa. Bahkan dalam Islam, seorang isteri dibolehkan mengambil harta suaminya tanpa pengetahuannya untuk nafkah diri dan anak.

Islam telah menetapkan beberapa prinsip yang mesti dilaksanakan oleh suami bagi memenuhi tanggungjawab dan kewajipan terhadap isterinya seperti maskahwin, nafkah, bergaul dengan cara yang baik iaitu tanpa memudaratkan serta berlaku adil terhadap isteri.<sup>2</sup> Jika seorang isteri telah menyerahkan dirinya kepada suaminya dan

<sup>2</sup>Ab W lid Mu ammad bin A mad bin Mu ammad bin A mad bin Rushd al-Qurtub , *Bidāyah al-*

suami itu telah bersenang-senang kepadanya, sedangkan suami isteri tersebut termasuk orang yang *ahlul istimta'* dalam perkahwinan yang sah, maka suami mesti memberikan nafkah dengan sewajarnya.<sup>3</sup>

## 1.2 LATAR BELAKANG MASALAH

Kedudukan suami dalam keluarga sebagai ketua keluarga, dimana suami wajib memberikan nafkah kepada isteri berupa makanan, pakaian dan tempat tinggal. Begitu pula dengan isteri yang berkewajipan melayani suami, mendidik anak dan mengatur kewangan dalam rumah tangga yang diperoleh daripada suami. Sebagaimana yang diaturkan di dalam fasal 79 Kompilasi Hukum Islam(KHI) : Pertama, Suami adalah ketua keluarga dan isteri ibu rumahtangga. Kedua, hak dan kedudukan isteri adalah seimbang dengan hak dan kedudukan suami dalam kehidupan rumahtangga dan pergaulan hidup bersama dengan masyarakat.<sup>4</sup>

Di Indonesia, masyarakat Desa Sari Galuh Kecamatan Tapung majoritinya beragama Islam yang berasal dari Pulau Jawa yang merantau sejak beberapa generasi. Adat istiadat yang diamalkan dalam masyarakat suku Jawa di Desa Sari Galuh tetap berpegang teguh dengan adat istiadat yang diwariskan nenek moyang mereka. Terdapat rangkaian acara adat di dalam masyarakat Desa Sari Galuh seperti pada majlis perkahwinan dan sebelum majlis perkahwinan berlangsung. Secara umum pelaksanaannya memerlukan waktu yang cukup panjang, sama ada sewaktu pelaksanaan majlis perkahwinannya

---

*Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtasid*, vol.2 (Bair t: D r al-Qalam, 1988), 147.

<sup>3</sup>Al-Shaykh al-Im m al-Zahid al-Muwaffiq Ab Ish q Ibr him bin Al binY suf Al Fairuz Zabad al-Sh raz , *al-Muhadhdhab* (Beir t:A mad bin Nab ah, 1999), 150.

<sup>4</sup>Nuansa Aulia, *Kompilasi Hukum Islam*, (Bandung :CV. Karya Bersama, 2009), 25.

Menurut Rusdi, sebelum berlakunya majlis perkahwinan, biasanya yang terlebih dahulu dilakukan adalah majlis peminangan (tukar cincin), daripada permintaan perwakilan calon pengantin lelaki atau orangtuanya sendiri kepada calon pengantin perempuan. Setelah itu, akan dilakukan perasmian perkahwinan yang ada didalamnya kegiatan Islamik misalnya Majlis Tahlil dan bacaan Yasin yang bertujuan untuk memohon keselamatan kedua-dua pengantin (lelaki dan perempuan).<sup>5</sup>

Menurut Tuan Budiman, di Desa Sari Galuh Kecamatan Tapung sebahagian isteri yang memberikan nafkah kepada suaminya. Mereka menyebutnya sebagai pertalian darah menurut garis keturunan ibu (*matrilineal*) dan bentuk perkahwinan dinamakan “Kahwin Samando” iaitu perkahwinan yang bertujuan meneruskan garis keturunan ibu. Sedangkan dalam bentuk perkahwinannya yang berlaku adalah perkahwinan eksogami, iaitu perkahwinan seorang lelaki dan perempuan yang dimulai dengan calon atau marga yang berbeza di Desa Sari Galuh.<sup>6</sup>

Menurut tuan Agus Salim, semasa akad nikah, pihak yang memberi mahar adalah calon isteri kepada calon suami dan setelah mereka hidup bersama sebagai suami isteri, maka yang memberi nafkah adalah isteri. Isteri berkewajipan memberi nafkah kepada suami kerana mengikut adat yang mereka pegang dari zaman nenek moyang mereka dan suami berdiam diri di rumah dengan melaksanakan aktiviti (pekerjaan) isteri.<sup>7</sup>

Sedangkan didalam al-Qur’ n sudah dijelaskan bahawa yang wajib mencari nafkah adalah suami.

وَعَلَى الْمَوْلُودِ لَهُ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ لَا تُكَلَّفُ نَفْسٌ إِلَّا وُسْعَهَا..

---

<sup>5</sup>Temu bual dengan Rusdi (Tokoh Masyarakat) Di Desa Sari Galuh Kecamatan Tapung, pada tarikh 16 Jun 2016.

<sup>6</sup>Temu bual dengan Budiman ( Ketua Kampung) Desa Sari Galuh Kecamatan Tapung, pada tarikh 16 Jun 2016

<sup>7</sup>Temu bual dengan Agus Salim (Ketua Rukun Warga/RW) Desa Sari Galuh Kecamatan Tapung, pada tarikh 17 Jun 2016.

Dan kewajiban bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya. Tidaklah diberatkan seseorang melainkan menurut kemampuannya”.

( Surah Al Baqarah ayat 233)

Oleh sebab itu, melihat fenomena yang terjadi dalam masyarakat di Desa Sari Galuh, maka penulis tertarik untuk merangkaikan permasalahan tersebut melalui tulisan dalam bentuk Tesis dengan tajuk, “Amalan Isteri Memberikan Nafkah kepada Suami Kajian di Desa Sari Galuh Kecamatan Tapung Kabupaten Kampar, Provinsi Riau, Indonesia.

### **1.3 PERSOALAN KAJIAN**

Permasalahan mengenai pelaksanaan tanggungjawab suami isteri terutama tentang kewajiban nafkah perlu dikaji. Oleh yang demikian, kajian ilmiah ini akan cuba mendalami beberapa persoalan yang timbul seperti:

1. Apakah konsep nafkah isteri menurut pandangan Islam?
2. Bagaimanakah kedudukan nafkah dalam perspektif Undang-Undang Perkahwinan no.1 Tahun 1974 dan Kompilasi Hukum Islam Indonesia?
3. Bagaimanakah amalan isteri memberikan nafkah kepada suami di Desa Sari Galuh wilayah Riau Indonesia Perspektif Undang-Undang Perkahwinan No.1 Tahun 1974?

### **1.4 OBJEKTIF KAJIAN**

Perancangan ialah suatu proses yang mampu membantu seseorang membuat keputusan yang bijak dalam memastikan sesuatu maklumat yang ditetapkan tercapai dengan jayanya.<sup>8</sup> Bagi mencapai matlamat kajian ini, beberapa objektif telah ditetapkan iaitu:

---

<sup>8</sup>Sabri Husin et. al., *Pengurusan* (Kuala Lumpur:Thomsan, 2004), 131-132.

1. Mengenal pasti konsep nafkah isteri menurut pandangan Islam.
2. Mengkaji kedudukan nafkah dalam perspektif Undang-Undang Perkahwinan No.1 Tahun 1974 dan Kompilasi Hukum Islam (KHI).
3. Menganalisis amalan isteri memberikan nafkah kepada suami di Desa Sari Galuh Wilayah Riau Indonesia Perspektif Undang-Undang Perkahwinan No.1 Tahun 1974.

### **1.5 KEPENTINGAN KAJIAN**

Kajian ini merupakan kajian yang signifikan dalam mengenal pasti jenis-jenis sumbangan dalam kewajipan isteri memberikan nafkah kepada suami di Desa Sari Galuh. Dengan kajian tentang amalanan kefahaman masyarakat bahawa isteri wajib memberikan nafkah kepada suami di Desa Sari Galuh, kajian ini juga dapat digunakan sebagai maklumat bagi pihak Pengadilan Agama (PA) Bangkinang Kabupaten Kampar Riau. Sekaligus memberikan pengetahuan dan kesedaran kepada masyarakat awam.

Begitu juga dengan dapatan analisis terhadap pengamalan masyarakat Desa Sari Galuh tentang kewajipan isteri memberikan nafkah kepada suami. Pihak Pengadilan Agama (PA) dapat memberikan pencerahan kepada masyarakat Desa Sari Galuh terutama dalam persidangan mahkamah apabila terjadi tuntutan cerai bagi pihak suami isteri dalam hal pembahagian nafkah. Seterusnya, para agamawan dapat memberikan informasi kepada masyarakat Desa Sari Galuh tentang tanggungjawab suami kepada isteri, khususnya tentang nafkah. Hal ini sangat penting kerana dalam hukum syarak dan juga undang-undang sivil, pihak yang wajib memberikan nafkah adalah suami.

Akhirnya, kajian ini merupakan satu kajian lanjutan dalam menambah penyelidikan dan memperkayakan tradisi keilmuan dalam bidang undang-undang kekeluargaan Islam di Indonesia. Perkara ini diharapkan mampu menambah kefahaman serta pengetahuan para penyelidik dan meluaskan pengetahuan serta penguasaan dalam

bidang kemasyarakatan khususnya berkaitan hukum kekeluargaan Islam di Indonesia.

## 1.6 SKOP KAJIAN

Kajian ini memberi fokus kepada Desa Sari Galuh Kecamatan Tapung Kampar Riau. Amalan masyarakat Desa Sari Galuh di Kecamatan Tapung ini berbeza dengan hukum Islam serta undang-undang hukum keluarga Islam Indonesia. Hal ini kerana masyarakat Desa Sari Galuh Kecamatan Tapung Kabupaten Kampar merupakan masyarakat yang masih ramai menganut adat *matrilineal* dan kepercayaan kepada nenek moyang mereka.

Kajian ini telah mengenalpasti bidang kajian dengan membuat tinjauan tentang amalan masyarakat Desa Sari Galuh yang mewajibkan isteri memberikan nafkah kepada suami di lokasi kejadian. Turut di dalam faktor-faktor yang menyebabkan kewajipan isteri memberikan nafkah kepada suami dan apakah hukumnya isteri memberikan nafkah kepada suami menurut hukum Islam serta berdasarkan kompilasi Hukum Islam.

## 1.7 SOROTAN

Memandangkan hal nafkah bukanlah suatu yang baharu dan iamerupakan suatu hak yang mutlak dalam perkahwinan, maka hal ini telah banyak dibincangkan oleh para cendekiawan Islam dulu dan kini. Malah banyak juga yang telah dibukukan.

### 1.7.1 Konsep Nafkah

Para fuqaha bersepakat bahawa nafkah adalah tanggungjawab suami dan hak seorang isteri. Perbincangan konsep nafkah telah dibincangkan secara terperinci dalam kalangan fuqaha terdahulu iaitu *Ibnu Rūsyd* dalam kitabnya *Biḍāyatul mujtahīd wa Nihayah al Muktasid*,<sup>9</sup> *Sayyid Bakri Syaṭhā*<sup>10</sup> dalam kitabnya *Ḥanāṭh Ṭholibin*,<sup>11</sup> *Al*

---

<sup>9</sup>Ab W lid Mu ammad bin A mad bin Mu ammad bin A mad bin Rushd al-Qurtub , *Bidāyah al-*

*Kasani* dalam kitabnya *Baḍā'i al Sana'i*, Syeikh Muhammad al al Zūhri Gahamrawi didalam kitabnya *āl Sirāj al wahhāj*.<sup>12</sup> Syamsuddin al Sarakhsi dalam kitabnya *al Mabsūt*.<sup>13</sup>

Semua penulisan tersebut mengambil pendekatan yang sama iaitu membincangkan mengenai konsep nafkah menurut hukum Islam serta menghuraikannya menurut mazhab masing-masing. Perbincangan konsep nafkah ini merangkumi nafkah pakaian, makanan, dan tempat tinggal. Namun terdapat perbezaan pandangan antara mereka dari sudut penentuan jumlah nafkah. Perbezaan ini adalah berkait dengan isu dan amalan setempat yang di tulis oleh Abdul Kadir Muhammad,<sup>14</sup> Nurnazli, Subaid.<sup>15</sup>

Mengenai nafkah tertunggak, terdapat hakim yang tegas menganggap nafkah-nafkah tersebut sebagai hutang yang wajib di jelaskan oleh suami. Tanggungjawab ini tidak gugur walaupun tunggakan hutang tersebut, memakan masa selama beberapa tahun, ataupun isteri yang dikatakan telah reda terhadap hutang tersebut pada masa lalu. Selagi mana isteri mahu menuntut tunggakan nafkah tersebut maka tunggakan itu adalah dikira sebagai hutang keatas suami. Hal sedemikian boleh dilihat dalam kes Norizam binti Lazim, Halim Azman Hj Sulaiman.<sup>16</sup>

Bukan hanya sekedar nafkah isteri yang wajib diberikan oleh suami tetapi nafkah anak juga merupakan satu kewajipan keatas suami. Kajian ini ditulis oleh Badruddin Hj.

---

*Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtasid*, vol. 2, ( Beirut: ar Risalah Muassasah), 54-57.

<sup>10</sup>Sayyid Bakri Syatha, *I'anaḥ ath Tholibin*, Juz 3(Beirut: Dar Ma'rifah,1996),180-200.

<sup>11</sup>Al Kasana'i, *Baḍā'i al Sana'i*, Juz 4 (Beirut, Lubnan. Maktabah al Ilmiyyah.1989), 15-40.

<sup>12</sup>Syeikh Muhammad al Zuhri al Ghamrawi, *al Ṣiraj al Wahhaj*, Cet 1,(Lubnan: Dar al Kutub, 1988), 451-46.

<sup>13</sup>Syamsuddin al Syarakhsi, *al Mābsut*, Juz. 5, Cet. 3. (Beirut:Dar al Islamiyyah, 1986), 180-229

<sup>14</sup>Abdul Kadir Hj Muhammad. "Nafkah Hak anak dan Kewajipan Bapa" *Jurnal Monograf Syariah*, Bil 4, (1996), 90.

<sup>15</sup>Nurnazli, Nafkah Dalam Pendekatan Interdisipliner "*Jurnal al Risalah*" Makasar, (2000), 130-140

<sup>16</sup>Halim Azman hj Sulaiman, *Jurnal Hukum ;X;BHG(1)*, (Putra Jaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 1995), 65-78

Ibrahim, Azizah Mohd.<sup>17</sup> yang membincangkan tentang hak-hak anak dan tempoh yang berhak menerima nafkah.

### 1.7.2 Undang-undang Keluarga

Sejak dari penggubalan undang-undang keluarga Islam di beberapa negara Islam, konsep nafkah serta peruntukan nafkah dalam undang-undang keluarga telah mendapat tempat dalam kalangan penyelidik, antaranya *Azizah Mohd & Badruddin Hj Ibrahim*,<sup>18</sup> dan *Raihanah Abdullah*<sup>19</sup> yang menyentuh tentang peruntukan-peruntukan nafkah yang termaktub dalam undang-undang keluarga Islam samping nukilan-nukilan pendapat daripada fuqaha. Mereka masih membincangkan konsep nafkah yang tidak banyak beza dengan apa yang dibahaskan oleh fuqaha terdahulu tetapi membuat analisis dari segi perundangan Islam. Namun ada perbezaan undang-undang pengadilan agama di Indonesia yang menggunakan Kompilasi Hukum Islam. Kajian ini membincangkan tentang nafkah isteri yang berlaku nusyuz yang ditulis oleh Nurasih,<sup>20</sup> Hairul Huda<sup>21</sup>. Isteri yang berlaku nusyuz tetap berhak mendapatkan nafkah daripadasuami meskipun tidak terdapat di dalam nas al Quran dan hadis.

Di Pengadilan agama Indonesia yang menggunakan Undang-undang Perkahwinan No.1 Tahun 1974 dan Kompilasi Hukum Islam Indonesia mengenai hutang adalah kerana ketidakmampuan suami memberikan nafkah seperti yang tulis oleh Khairani<sup>22</sup>.

---

<sup>17</sup>Badruddin Hj Ibrahim & Azizah Mohd, "Hak Anak Terhadap Nafkah dalam Perundangan Islam: Sejauh Manakah Bapa Bertanggungjawab Menanggung Nafkah Anaknya," *Jurnal Kanun*, vol. 25, no.2 (Disember 2013), 255-271.

<sup>18</sup>Azizah Mohd & Badruddin Hj. Ibrahim, "Nafkah Isteri Bekerja dalam Undang-undang Islam Malaysia," *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, vol.23, no.2 (2011), 134-147.

<sup>19</sup>Raihanah Hj Abdullah, "Peruntukan Kewangan Bagi Wanita Islam Dalam Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan)," *Jurnal Syariah*, vol.2, no.2 (1984), 209.

<sup>20</sup>Nurasih, "Hak Nafkah, Mut'ah dan Nusyuz Isteri: Studi Komperatif Undang-undang Hukum Keluarga di Berbagai Negara Muslim," *Jurnal Gender*, vol. 4, no. 1 (2008), 75-116.

<sup>21</sup>Hairul Huda, "Hak Nafkah Isteri (Perspektif Hadis dan Kompilasi Hukum Islam)," *Jurnal Mu'adalah: Jurnal Studi Gender dan Anak*, vol. 1, no. 1 (2013), 25-35.

<sup>22</sup>Khairani, "Penelantaran Ekonomi dalam Keluarga (Tinjauan Fiqh dan KDRT)," *Jurnal Studi Gender dan Islam serta Perlindungan Anak*, vol. 1, no.1 (2012), 100-115



Dalam perbincangan ini, isteri dapat membebaskan suami daripada kewajipan membayar hutang. Namun isteri juga diperkenankan untuk membuat perjanjian mengenai pemisahan harta hak milik bersama.

Dalam Pengadilan Agama Indonesia, ada juga yang menyentuh tentang nafkah isteri yang bercerai seperti yang ditulis oleh Eka Susylawati, Mohd. Masyur Abadi, dan H.M. Latief Mahmud<sup>23</sup> di mana mereka membincangkan tentang pembayaran nafkah isteri dan anak. Hakim akan menunda pelaksanaan ikrar(kata talak) bagi suami yang belum membayar nafkah kepada isteri sehingga 6 bulan kerana nafkah yang diberikan oleh suami tidak selamanya berjalan dengan baik.

### 1.7.3 Isteri bekerja

Sebelum ini para fuqaha telah membincangkan tentang isteri yang bekerja menurut syarak yang ditulis oleh Sayyid Sābiq didalam kitabnya *fiqh al Sunnah*,<sup>24</sup> Dr. Wahbah al Zuhayli dalam kitabnya *Fiqh al Islam wa Adillātuh*,<sup>25</sup> dan Imam Muhammad Abu Zuhradalam kitabnya *al Ahwal al Syakhsiyyah*.<sup>26</sup>

Terdapat ramai juga penyelidik tempatan dan luar negara yang memberi tumpuan kepada hal berkaitan isteri bekerja. Di peringkat antara bangsa dalam salah satunya kajian yang dilakukan di barat, peranan wanita bekerja dalam membantu keluargasangat membantu lelaki seperti ditulis oleh Davidson dan Copper<sup>27</sup> dan juga Powell dan Graves.<sup>28</sup> Tidak kalahnya juga penyelidik tempatan yang menyentuh peruntukan nafkah serta keadaan isteri terhadap nafkah gugur sama sekali dalam undang-undang yang

<sup>23</sup>Eka Susylawati, Moh. Masyhur Abadi & H.M. Latief Mahmud, "Pelaksanaan Putusan Nafkah Isteri Pasca Cerai Talak di Pengadilan Agama Pamekasan," *Jurnal Ihkam*, vol. 8, no. 2 (2013), 65-77

<sup>24</sup>Sayyid Sabiq, *Fiqh al-Sunnah*, vol. 2 (Qahirah: Dar al-Fat li al-I'lam al-'Arabi, 1999), 160-165

<sup>25</sup>Wahbah alZu ayli, *al-Fiqh al-Islamiyyah wa Adillatuh*, vol. 7 (Beirut: Dar al-Fikr, 2002), 792-793.

<sup>26</sup>Mu ammad Abu Zahrah, *al-Ahwal al-Shakhsiyyah* (Qahirah: Dar al-Fikr al-'Arabi, 2001), 237.

<sup>27</sup>Davidson MJ, Cooper CL, *Shattering the Glass Ceiling: The Woman Manager* (London: Paul Chapma Publishing Ltd., 2006), 117.

<sup>28</sup>Powell G.N., Graves L.M., *Women and Men in Management* (London: Sage Publication, 2003), 66.

terpakai bagi orang-orang Islam Malaysia seperti yang ditulis oleh Azizah Mohd, Badruddin, Said Mohd.<sup>29</sup>

Meskipun nafkah tanggungjawab suami tetapi tidak menghalangi isteri untuk bekerja selama tidak menggabaikan tanggungjawabnya sebagai isteri seperti yang di tulis oleh Mashita Mohd. Yatim<sup>30</sup> yang membincangkan isu-isu berkaitan dengan pekerjaan wanita dan pembangunan keluarga. Beliau mendapati bahawa bekerja tidak menghalang wanita berperanan dalam rumahtangga. Isteri yang mempunyai pendidikan tinggi lebih memilih untuk bekerja daripada mengurus rumahtangga seperti yang ditulis Noor Rahmah Hj. Abu Bakar.<sup>31</sup> Mereka berpendapat perempuan juga boleh membantu suami dalam memenuhi keperluan rumah tangga.

Kelamahan ekonomi keluarga membuatkan isteri bekerja untuk membantu suami untuk mencari nafkah seperti ditulis oleh Susiana<sup>32</sup> didalam tulisan ini membicarakan faktor-faktor keterpaksaan isteri bekerja dalam memenuhi tuntutan kehidupan rumah tangga. Tetapi, ada juga sebahagian daripada para isteri yang mempunyai pendidikan yang tinggi maka mereka lebih memilih bekerja daripada mengurus rumah kerana dapat hidup bekerjaya dengan perkerjan pilihan yang sesuai dengan pendidikannya.

---

<sup>29</sup> Azizah Mohd & Badruddin Hj. Ibrahim, "Nafkah Isteri Bekerja dalam Undang-undang Islam Malaysia," *Jurnal undang-undang*. vol. 2.160-175.

<sup>30</sup> Mashita Mohd Yatim. Employment of Women And Family Devolopment Colloqium Population Movements, economic Development and Family Change, *Journal Family Law*. (2002). 103-117

<sup>31</sup> Noor Rahmah Hj. Abu Bakar, "Wanita Bekerja dan Pengurusan Keluarga", *Malaysia Journal of Society and Space*, vol. 8, no. 7 (2012), 155-162.

<sup>32</sup> Susiana, "Pemeberian Izin dari Suami terhadap Isteri yang Bekerja Perspektif Hukum Islam," *Jurnal Tamaddun Ummah*, vol. 1, no. 1 (2015), 1-12.

Sungguhpun begitu, ada juga kajian yang membincangkan tentang isteri yang memberi nafkah seperti yang ditulis oleh Dahlia Lubis,<sup>33</sup> Fitri Marlina,<sup>34</sup> Eus Sunarti dan Krisnatuti, serta Faradhila Papatungan Lusy Asa Akhrani. Tulisan-tulisan ini membincangkan tentang para isteri yang bekerja untuk mencari nafkah kerana mengnggap suami belum mampu untuk memberikan nafkah yang cukup bagi keluarga.

Tidak dinafikan bahawa penulisan dan kajian berkaitan tentang isteri bekerja telah banyak dilakukan mutakhir ini. Umumnya penulisan berkaitan isteri bekerja ini akan membincangkan:

- i. Persoalan isteri bekerja yang diamalkan dalam masyarakat serta pengiktirafan hukum syarak dan perundangan.
- ii. Faktor-faktor yang mempengaruhi isteri bekerja

Penulisan dan kajian yang telah dilakukan ini telah memberikan sumbangan yang besar dalam hal peruntukan nafkah dari segi perundangan dan syarak. Sungguhpun begitu, terdapat perbezaan antara kajian sebelumnya yang hanya membincangkan tentang isteri bekerja. Akan tetapi, penulisan ini akan membincangkan tentang kewajipan isteri memberikan nafkah kepada suami, suatu kewajipan bagi isteri untuk memberikan nafkah kepada suami menurut hukum adat di Desa Sari Galuh.

## **1.8 METODOLOGI KAJIAN**

Metodologi merupakan elemen yang amat penting dan sangat diberi perhatian supaya kualiti sesebuah kajian yang dijalankan lebih sistematik dan tersusun rapi. Penggunaan metode yang sesuai dan tepat juga dapat menghasilkan satu penyelidikan

---

<sup>33</sup> Dahlia Lubis, "Persepsi Pemuka Agama Terhadap Bias Gender Di tinjau Dari Latar Belakang Suku", *Journal of Contemporary Islam and Muslim Societies*, vol. 1, no. 1 (2017), 124-137.

<sup>34</sup> Fitri Meliani, Euis Sunarti & Diah Krisnatuti, "Faktor Demografi, Konflik Kerja Keluarga, dan Kepuasan Perkawinan Isteri Bekerja," *Jurnal Ilmu Keluarga dan Konsling*, vol 7, no. 3 (2014), 133-142.

yang baik serta mencapai objektif yang telah digariskan dalam kajian. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan dua metodologi utama kajian iaitu metode pengumpulan data dan metode penganalisaan data.

Kajian ini merupakan kajian berbentuk deskriptif yang menggunakan pendekatan kualitatif sepenuhnya. Reka bentuk kualitatif digunakan untuk mentafsirkan data daripada analisis kandungan dokumentasi dan temubual. Dalam kajian ini, pengkaji ingin melihat dan membuat satu penilaian (analisis) terhadap amalan masyarakat Desa Sari Galuh berkenaan kewajipan isteri memberikan nafkah kepada suami.

Metodologi yang digunakan adalah bertujuan untuk menjelaskan dan mendapatkan maklumat mengenai permasalahan yang dikaji. Oleh sebab itu, maklumat yang secukupnya telah diambil bagi memastikan kajian ini memperoleh dapatan yang menyeluruh melalui usaha pengumpulan data.

### **1.8.1 Metode Pengumpulan Data**

#### **a. Perpustakaan**

Penyelidikan perpustakaanialah penyelidikan yang melibatkan proses pembacaan dan penelitian terhadap bahan-bahan ilmiah sebagai sumber asas dalam memperoleh data atau maklumat dalam kajian ini. Ini merupakan kaedah penyelidikan utama yang digunakan dalam kajian. Buku-buku perundangan Islam yang ditulis oleh sarjana semasa, artikel-artikel jurnal dalam dan luar negara juga diteliti. Antara perpustakaan yang telah pengkaji kunjungi bagi tujuan penyelidikan ini ialah:

1. Perpustakaan Utama Universiti Malaya.
2. Perpustakaan Ahmad Ibrahim, Universiti Malaya.
3. Perpustakaan Za'ba, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
4. Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

5. Perpustakaan Wilayah Provinsi Riau Indonesia.
6. Perpustakaan Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau Indonesia.

## **b. Observasi**

Observasi adalah teknik pengumpulan data yang dilakukan secara sistematis melalui pengamatan dan penghitungan jumlah yang diselidiki. Umumnya keseluruhan pemerhatian dibuat dari semasa ke semasa, dan secara spesifiknya dilakukan mengikut jadual yang telah dirangka. Pengumpulan data sahaja tidak lengkap tanpa pemerhatian. Pemerhatian adalah metode yang sangat penting dalam penyelidikan kualitatif.<sup>35</sup> Penyelidik menggunakan kaedah demi menggambarkan sebenar-benarnya keadaan seperti yang terjadi di lapangan.

### **a) Metode Temu bual**

Metode ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat dan keterangan secara lisan daripada responden dengan cara menebual (*interview*) responden tersebut. Proses temubual ini berjalan secara informal melalui perbualan sosial serta penyooalan lisan yang dijadikan sebagai metode untuk mengumpulkan maklumat daripada responden tersebut. Penggunaan metode ini, mendatangkan manfaat dalam memberikan kefahaman yang jelas tentang pelaksanaan nafkah dan tanggungjawab suami isteri. Temu bual yang dimaksudkan adalah bertumpu kepada masyarakat yang berada di sekitar Desa Sari Galuh untuk mendapatkan data-data yang akan dibincangkan dalam bab keempat.

Berikut merupakan antara responden yang ditemubual bagi mendapatkan maklumat berkaitan dengan nafkah ini:

---

<sup>35</sup>Othman Lebar, "*Penyelidikan Kualitatif Pengenalan kepada Teori dan Metod*", (C.2, Universiti Perguruan Sultan Idris, 2007), 109.

1. Ketua Desa Sari Galuh.
2. Ketua Adat di Desa Sari Galuh.
3. Ketua Urusan Agama Islam di Desa Sari Galuh.
4. Penyuluh Agama Islam di Desa Sari Galuh.
5. Ulama di Desa Sari Galuh.
6. Isteri yang memberikan nafkah kepada suami.

Dalam temu bual ini penyelidik akan merancang beberapa hal seperti berikut:

- i. Rencana pelaksanaan temubual.
- ii. Menyediakan soalan-soalan yang akan dikemukakan.
- iii. Mengehendkan aspek-aspek daripada masalah yang akan diselidik.

Walaupun temubual ini menggunakan soalan yang telah disediakan lebih awal namun tidak menafikan kemungkinan adanya pelbagai pertanyaan yang bersesuaian dengan situasi semasa temubual tersebut berlangsung dan bertujuan supaya arah temubual tidak menyimpang daripada panduan yang telah ditetapkan. Temubual dilakukan secara langsung untuk mendapatkan data yang tepat dan pasti.

### **1.8.2 Metode Analisa Data**

Metode utama yang digunakan dalam tujuan penganalisan penyelidikan ini ialah huraian kandungan secara analisis yang merujuk kepada satu bentuk analisis terhadap bahan-bahan media cetak seperti jurnal, buku, kitab dan sebagainya. Metode ini dapat digunakan dalam mengkaji beberapa istilah, perkataan, konsep, tema, atau ayat yang terdapat dalam bahan-bahan tersebut. Terdapat dua jenis metode yang digunakan untuk mengaplikasi analisa kandungan dalam kajian iaitu penyelidikan metode induktif dan metode deduktif.<sup>36</sup>

---

<sup>36</sup>S.F.Baker, *Introduction and Hypothesis* (New York: Cornell University Press, 1957), 44.

### **a) Metode Induktif**

Metode induktif ialah satu cara berfikir untuk menganalisis data melalui pola berfikir dengan cara pembuktian daripada hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil-dalil yang bersifat umum. Dalam metode ini, maklumat akan dikumpul secara berterusan bagi menjelaskan suatu perkara yang dikaji. Secara umumnya, faktor-faktor atau keterangan yang terkumpul akan digunakan untuk mengenali bentuk-bentuk dan merumuskan gagasan pemikiran.

Dalam metode ini juga, data yang terhad dan bersaing secara umum akan terus dikumpulkan dan diteliti sehingga intervensi tentang persoalan yang dikaji dapat dibuat bagi maklumat yang telah dikumpulkan. Kaedah ini merupakan kaedah analisis data yang bersifat khusus untuk mendapatkan satu kesimpulan umum berhubung dengan persoalan teori elemen sumbangan tidak langsung dalam perundangan Islam.

### **b) Metode Deduktif**

Metode deduktif ialah satu cara pola berfikir untuk mencari pembuktian dengan berpandukan dalil-dalil terhadap hal-hal khusus. Dalam konteks ini proses membuat kesimpulan adalah daripada fakta atau data yang bersifat umum kepada yang khusus. Contohnya persoalan tentang kewajipan isteri memberikan nafkah kepada suami. Kewajipan ini timbul kerana masyarakat Desa Sari Galuh mengamalkan adat matrilineal. Berdasarkan perkara ini pengkaji akan menyelidiki pemahaman masyarakat di Desa Sari Galuh Kecamatan Tapung.

## **1.9 SISTEMATIK PENULISAN**

Kajian ini dibahagikan kepada lima bab, bab pertama tentang pengenalan, latar belakang masalah, pernyataan masalah, objektif kajian dan kepentingan kajian. Selain itu, bab ini juga menyatakan skop atau batasan kajian yang dilakukan, kajian lepas,

metodologi kajian dan sistematik penulisan. Pada dasarnya kajian terdiri daripada lima bab.

Dalam bab kedua, pengkaji menjelaskan pengertian nafkah isteri dan kewajipan suami memberikan nafkah kepada isteri, dalil-dalil pensyariaan nafkah isteri, pendapat fuqaha tentang sebab wajibnya menafkahkan isteri, syarat-syarat wajib nafkah isteri, jenis nafkah, nafkah isteri yang di tinggalkan, asas penentuan kadar nafkah isteri, sebab gugurnya nafkah isteri, keengganan suami membayar nafkah, nafkah isteri dipercepatkan, serta isteri yang tidak berhak mendapatkan nafkah.

Dalam bab ketiga pula pengkaji akan membincangkan tentang peruntukan undang-undang nafkah keluarga, nafkah menurut undang-undang keluarga (Perkahwinan) No.1 Tahun 1974, hak dan kewajipan suami isteri dalam Undang-Undang perkahwinan No.1 Tahun 1974, Kompilasi Hukum Islam, dan akibat hukum terhadap pengabaian nafkah isteri menurut Undang-Undang Perkahwinan No.1 Tahun 1974.

Bab keempat, pengkaji mengemukakan laporan kajian dan analisis berdasarkan hasil kajian dan maklumat daripada temu bual dan pemerhatian yang dilakukan mengenai kewajipan isteri memberi nafkah kepada suami dan pelaksanaannya dalam masyarakat Desa Sari Galuh Kampar Riau, Indonesia. Kemudian pengkaji membuat satu analisis sebagai penjelasan hukum atas amalan yang dilakukan oleh masyarakat yang berkenaan melalui maklumat yang diperolehi.

Bab kelima adalah untuk merumuskan kajian. Pengkaji membuat rumusan berkaitan keseluruhan kajian ini. Selain itu, pengkaji akan membuat cadangan dan saranan telah dinyatakan oleh pengkaji untuk sebarang penambahbaikan berkaitan kaedah penyelesaiannya. Disamping itu, pengkaji turut membuat kesimpulan secara umum dalam bab ini.



## BAB II

### KONSEP NAFKAH ISTERI DALAM ISLAM

#### 2.1 PENDAHULUAN

Dalam bab ini, pengkaji akan menerangkan definisi nafkah isteri secara lebih terperinci. Pengkaji juga akan menjelaskan konsep nafkah isteri dalam Islam.

#### 2.2 NAFKAH ISTERI

Nafkah ialah salah satu daripada hak-hak yang diperolehi oleh seseorang individu dalam hidupnya. Antara sebab hak ini diperolehi adalah melalui perkahwinan. Islam telah menetapkan bahawa tanggungjawab untuk menyediakan nafkah diserahkan kepada suami memandangkan fitrah suami itu sebagai seorang lelaki yang mempunyai beberapa kelebihan berbanding perempuan. Firman Allah SWT:

الرِّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ وَبِمَا أَنْفَقُوا مِنْ أَمْوَالِهِمْ فَالصَّالِحَاتُ قَنَاطٌ لِّغَيْبِ مَا حَفِظَ اللَّهُ ..

Kaum lelaki adalah pemimpin bagi kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan sebahagian mereka (laki-laki) atas sebahagian yang lain (wanita), dan kerana mereka (laki-laki) telah menafkahkan sebahagian daripada harta mereka. Sebab itu maka wanita yang soleh, ialah yang taat kepada Allah lagi memelihara diri.

( Surah al Nisaa' ayat 34)

Menurut Zakariyah, kata *qawn* terdiri tiga huruf iaitu *qaf*, *waw* dan *mim*, bermakna kelompok orang, berdiri tegak dan mempunyai keinginan yang kuat.<sup>37</sup> Menurut al Razi, *qawwamunah* diertikan sebagai kelebihan lelaki daripada perempuan,

<sup>37</sup>Zakariyah, *Maqayis al Lughah*, Juz VI (Beirut : Maktabah Lubnan), hal. 43.

ada dua iaitu ilmu pengetahuan (al-'ilm) dan kemampuan fizikal (al qudrah). Akal dan pengetahuan lelaki melebihi daripada pengetahuan perempuan dan untuk pekerjaan berat lelaki lebih sanggup daripada perempuan.<sup>38</sup> Sedangkan menurut Yūsuf al Qardawi, *qawwamuna* diertikan sebagai pemimpin dalam keluarga. Perempuan (isteri) dilarang menjadi ketua keluarga (memberikan nafkah) kerana, pertama, perempuan makhluk yang lemah dan kewajipan isteri ialah mendidik anak dan melayan suami. Kedua perempuan tidak boleh menjadi pemimpin atau pemberi nafkah kerana fizikalnya lemah.<sup>39</sup> Al Qurtubi dalam menafsirkan ayat 34 surah an Nisa iaitu aktiviti lelaki (suami) sebagai pemikul tanggungjawab di dalam keluarga dan memberikan nafkah kepada isteri dan anaknya.<sup>40</sup>

Nafkah kepada isteri diwajibkan ke atas suami yang berdasarkan nas syarak hanya meliputi makanan, pakaian dan tempat tinggal. Walau bagaimanapun, di dalam perbincangan para fuqaha, nafkah tidak terhad kepada tiga perkara asas tersebut. Termasuk juga dalam pengertian nafkah, segala keperluan isteri pembantu rumahtangga, perkakas rumah, alat-alat kebersihan dan perkhidmatan rawatan kesihatan.<sup>41</sup>

Sehubungan itu, keperluan isteri ini perlu disediakan oleh suami selama mana perkahwinan berlangsung dan tidak berlaku sebab-sebab yang menggugurkan kewajipan nafkah tersebut. Nafkah yang dikeluarkan hendaklah dalam perkara yang diharuskan oleh syarak serta dapat diterima oleh adat kebiasaan sesebuah masyarakat. Ia hendaklah

---

<sup>38</sup> Fakhr al-Dīn al-Rāzī, *al-Tafsīr al-Kitāb*, vol. 10 (Tehran: Dār al-Kutub al-Ilmiyah, 1993), 88.

<sup>39</sup> Yūsuf al-Qarḍāwī, *Fiqh al-Dawlah fī al-Islāmī* (Beirut: Dār al-Fikr, 1999), 121.

<sup>40</sup> Abu 'Abdullah Muhammad bin Ahmad bin Abu Bakr Al-Anshari al-Qurṭhubī, *Al-Jami' li ahkam al-Qur'an wa al-Mubayyin Lima Tadhammanahu Min as-Sunnah wa Ayi al-Furqan* (Beirut: Muassasah al-Risalah, 1997), 533.

<sup>41</sup> Muḥammad Uqlah, *Nizām al-Usrah fī al-Islām* (Ammān: Maktabah al-Risalah al-Adabiyyah, 1994), 67.

datang daripada sumber yang halal dan hanya dikeluarkan untuk perkara yang dapat memberi manfaat sahaja, secara sederhana dan tanpa berlaku pembaziran.<sup>42</sup>

## 2.3 DALIL-DALIL PENSYARIATAN NAFKAH ISTERI

Menurut Ibn Rusyd, para fuqaha bersepakat bahawa antara hak-hak isteri terhadap suami ialah mendapat nafkah makanan dan pakaian. Kesepakatan ini asasnya adalah berdasarkan dalil-dalil al-Qur' n, ad th, ijma' dan qiy s.<sup>43</sup>

### 2.3.1 Dalil daripada al-Quran

Firman Allah SWT:

وَعَلَى الْمَوْلُودِ لَهُ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ لَا تُكَلَّفُ نَفْسٌ إِلَّا وُسْعَهَا..

Dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya. Tidaklah diberatkan seseorang melainkan menurut kemampuannya.

(Surah al-Baqarah, ayat 233)

### 2.3.1 Dalil daripada Hadis

Rasulullah SAW bersabda semasa baginda menunaikan haji Wida':

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : دِينَارٌ أَنْفَقْتَهُ فِي رِقَبَةٍ وَدِينَارٌ تَصَدَّقْتَ بِهِ عَلَى مِسْكِينٍ وَدِينَارٌ أَنْفَقْتَهُ عَلَى أَهْلِكَ أَعْظَمَ أَجْرًا الَّذِي أَنْفَقْتَهُ عَلَى أَهْلِكَ.

Daripada Ab Hurairah, Rasulullah SAW bersabda: "Satu dinar yang engkau belanjakan untuk perang ke jalan Allah satu dinar yang engkau belanjakan untuk memerdekakan hamba, satu dinar yang engkau sedekahkan kepada orang, miskin dan satu dinar yang engkau belanjakan

<sup>42</sup>Umar' Abd All h, *Ahkām al-Sharī'ah al-Islāmiyyah fī al-Aḥwāl al-Shakhsiyyah* (Beirūt: D r al-Ma' rif, 1963), 332.

<sup>43</sup>Ab W lid Mu ammad bin A mad bin Mu ammad bin A mad bin Rusyd al-Qurtub , *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtasid*, vol. 2, ( Bayrūt: ar Risalah, 1999), 78.

untuk ahli keluargamu, maka terlebih besar pahalanya ialah satu dinar yang engkau belanjakan untuk ahli keluargamu”.<sup>44</sup>

(Riwayat Muslim).

### 2.3.2 Dalil daripada Qiyās

Seseorang yang telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan tugas demi kepentingan orang lain, maka dia wajib mendapatkan nafkah daripada harta orang tersebut. Contoh, mufti, *qāḍī*, pegawai dan kakitangan kerajaan yang dibayar gaji oleh kerajaan disebabkan mereka bekerja untuk kerajaan. Oleh sebab itu, suami wajib memberikan nafkah isteri dengan secukupnya kerana isteri telah menetapkan dirinya untuk menguruskan rumah tangga dan keperluan suami dan isteri terhalang daripada bekerja kerana dirinya adalah khas untuk suami. Oleh itu, nafkah adalah sebagai balasan bagi ketaatan isteri terhadap suami.<sup>45</sup>

### 2.3.4 Dalil daripada Ijma'

Kaum Muslimin telah bersepakat sejak zaman Nabi hingga sekarang tentang kewajipan suami memberikan nafkah kepada isteri yang cukup umur atau belligh, kecuali isteri yang derhaka.

## 2.4 Pendapat Fuqaha Tentang Sebab Wajibnya Nafkah Isteri

Para fuqaha berselisih pendapat tentang sebab-sebab disabitkan hukum wajib nafkah kepada isteri. Menurut Mazhab Hanafi, sebab wajib nafkah isteri ialah semata-mata penahanan yang *thābit* melalui akad nikah yang sah. Maka isteri-isteri yang ditahan dengan tahanan perkahwinan merupakan hak bagi suami untuk menghalangnya

---

<sup>44</sup> Riwayat Muslim daripada ayahnya, *Kitāb al-Zakat*, bab (13), hal, 451. Lihat juga Muhammad bin Al bin Muhammad al-Shawkān, *Nayl al-Awṭār Sharḥ Muntaqa al-Akhbar* (Beirut: Dar al-Jil, 1973), 359.

<sup>45</sup> Badr al-Din Mahmud Ibn Ahmad Al-'Aini, *al-Bidayah fi Syarḥ al-Hidayah*, (Beirut: Dar al-Fikr, 1990), 299.

daripada keluar bekerja (mencari rezeki). Maka imbuhan daripada penahanan isteri akan kembali kepada suami.

Dalam pengertian lain, isteri itu terikat dengan suaminya dan segala kegiatan lain juga turut tersekat dengan berlakunya akad nikah. Antara imbuhan atau manfaat yang diperoleh suami daripada isteri yang *thābit* melalui perkahwinan yang sah ialah berseronok (berjimak) dengan isteri dengan cara yang berlandaskan syarak dan dapat memelihara daripada bergaul bebas antara lelaki dan perempuan.

Seorang isteri dituntut supaya mentaati suami dan tinggal dirumah yang disediakan, disamping melaksanakan tugas-tugas untuk suaminya seperti mengurus, mendidik anak-anak dan sebagainya. Sebagai balasan, suami wajib menyediakan nafkah secukupnya buat isterinya selagi mana isterinya itu tinggal bersama-samanya dan tidak menderhakainya atau melakukan perkara-perkara yang dapat menghalangnya daripada menerima nafkah.<sup>46</sup>

Oleh sebab itu, akad perkahwinan yang sah adalah asas wajibnya nafkah isteri, dengan syarat wujudnya ketaatan isteri, maka sebaliknya akad yang f sid atau yang sah tetapi berlakunya n sy z, maka isteri tidak berhak sama sekali untuk mendapat nafkah daripada suaminya.

Manakala mazhab al-Syafi'i pula berpandangan bahawa suami wajib memberi nafkah kepada isteri disebabkan akad perkahwinan dan juga penyerahan dirinya yang sempurna kepada suami. Seterusnya mazhab M liki mengatakan sebab wajib nafkah isteri di sisi mereka adalah persetubuhan. Mazhab anbali pula menyebut bahawa suami wajib memberi nafkah kepada isterinya disebabkan penyerahan dirinya yang sempurna kepada suami dimana isteri tersebut hendaklah menjadi orang yang sanggup untuk disetubuhi.<sup>47</sup>

---

<sup>46</sup> Ab W lid Mu ammad bin A mad bin Mu ammad bin A mad bin Rushd al Qurtub , *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtasid*, vol.2 (Q hirah: Maktabah al-Kulliyat al Azhariyyat, 1997), 233.

<sup>47</sup> Wahbah al Zuhayli, *al Fiqh Islam wa Adillatuh*, vol. 10 ( Beirut: Dar al Fikr, 2007), 136.

Walau bagaimanapun, menurut Muhammad Uthman al Khuth pendapat yang *rājih* (kuat) antara pendapat fuqaha tersebut adalah pandangan mazhab Hanafi kerana pandangan ini mengambil kira akad perkahwinan yang sah dalam pensabitan hukum wajib nafkah isteri sebagai balasan kepada penahanan isteri. Hak tahanan isteri tidak akan diperoleh melainkan melalui akad perkahwinan yang sah.<sup>48</sup>

## 2.5 Syarat-syarat Wajib Nafkah isteri

Menurut jumhur fuqaha kecuali M liki, suami wajib memberikan nafkah kepada isterinya berdasarkan syarat-syarat berikut:<sup>49</sup>

### 2.5.1 Perkahwinan yang sah

Disyaratkan akad nikah yang sah sebagai wajibnya pemberian nafkah terhadap isteri kerana dengan adanya akad nikah yang sah, maka adanya penahanan yang diberikan kepada suami terhadap isteri. Oleh sebab itu, sekiranya perkahwinan itu f sid, suami tidak ada hak penahanan terhadap isterinya. Dalam pengertian lain suami tidak wajib memberi nafkah kepada isterinya.

### 2.5.2 Penyerahan diri sepenuhnya kepada suami

Syarat ini bermaksud isteri sentiasa bersedia menyerahkan dirinya kepada suami untuk disetubuhi atau *istimta'* dengan mengelakkan segala halangan yang timbul sama ada di pihaknya atau dipihak selain daripada suaminya. Begitu juga penyerahan diri yang dihukum terhasil apabila isteri bersedia untuk berpindah kerumah suaminya atas permintaan suami.<sup>50</sup>

---

<sup>48</sup>Mu ammad Uthm n al-Khuth, *Fatā wā al-Mar'ah Muslimah fī al-bādah wa al- Muāmalah* (Q hirah: Maktabah, 2002), 242.

<sup>49</sup>*Ensiklopedia Hukum Islam*, juz., 4, hal. 1282.

<sup>50</sup>Abd al-Kar m Zayd n, *al-Mufaṣṣal fī Ahkām al-Mar'ah wa al-Bayt al-Muslim fī al-Shariah al-Islāmiyyah*, vol.7 (Beir t: Muassasah- Ris lah,1996), 156.

Menurut Imam al-Kasani, apabila seorang wanita yang baligh, telah berkahwin dan berpindah ke rumah suaminya, maka dia wajib diberi nafkah kerana adanya sebab dan syarat-syarat yang mewajibkan. Demikian juga apabila dia tidak berpindah dan diminta supaya berpindah sedangkan dia tidak ada halangan untuk berpindah, maka dia wajib diberi nafkah iaitu hak penahanan dan syaratnya ialah penyerahan dirinya.<sup>51</sup>

Seterusnya, jika isteri menegah suaminya daripada menikmati sebahagian daripada pergaulan yang diharuskan oleh syarak tanpa sebarang halangan, maka dia tidak wajib atau tidak berhak memperoleh nafkah.<sup>52</sup> Hal ini kerana *nūsyūz* itu tidak disyaratkan enggan semuanya, memadai kalau isteri enggan *waṭ'i* atau tidak memungkinkan suami untuk bersetubuh dengannya, maka gugurlah nafkah. Sebaliknya jika isteri menghalang suami daripada menggaulinya disebabkan adanya halangan syarak seperti haid, tidak membayar mahar dengan segera, berpindah kerumah yang dirampas, menghalang suami daripada masuk ke dalam rumahnya (isteri). Apabila suami tidak membayar sewa yang diminta atau rumah yang diduduki tidak mendatangkan ketenangan, maka perbuatan tersebut tidak menghalang isteri daripada menerima nafkah. Apabila isteri masih kecil dan tidak sanggup disetubuhi maka tidak diwajibkan nafkah kepadanya kerana kewajipan nafkah itu disebabkan kesanggupan berlakunya hubungan suami isteri itu hendaklah seorang yang telah dewasa yang layak dan sanggup disetubuhi.<sup>53</sup>

### 2.5.3 Tidak menderhakai suami

Maksud isteri derhaka menurut fuqaha ialah isteri yang melakukan dosa atau maksiat kepada suaminya dalam perkara yang menjadi hak suami terhadap isteri dengan sebab akad nikah, seperti isteri menghalang daripada tidur bersama, atau isteri yang

---

<sup>51</sup>Abu Bakar bin Mas'ud al Kasani, *Bada'i Ash - Shana'i fi Tartib Asy Syara'i* (Kaherah: Maktabah al-Jamaliyyah, 2001), 126.

<sup>52</sup>Ibid. 160.

<sup>53</sup>Abd al-Karim Zaydan, *al-Mufaṣṣal fī Ahkām al-Mar'ah wa al-Bayt al-Muslim fī al-Shari'ah al-Islāmiyyah*, vol. 7, 162.

keluar rumah tanpa izin, atau isteri enggan berpindah rumah bersama-sama suami atau isteri enggan bermusafir bersama-sama suami.

Menurut Ibn Qud mah al- anbali, apabila berlakunya keadaan tersebut, maka isteri tidak berhak untuk memperoleh nafkah daripada suaminya, dan begitu juga dengan tempat tinggal mengikut pandangan umum atau kebanyakan ahli ilmu.<sup>54</sup> Apabila isteri keluar dari rumah suami tanpa izin suaminya, dimana keluarnya itu disebabkan keuzuran syarak, maka dia tidak dikira sebagai *nūsyūz* yang boleh menggugurkan nafkah menurut pandangan al-Syafi'i. Oleh sebab itu, menurut al-Syafi'i, isteri yang keluar dari rumah suami tanpa izin adalah *nūsyūz* kecuali dengan keuzuran. Antara keuzuran syarak yang membolehkan isteri keluar rumah tanpa izin suaminya menurut al-Syafi'i ialah seperti keluar rumah kerana takut rumah runtuh atau keluar rumah untuk mendapatkan keperluan-keperluan dimana keluarnya itu diterima bahawa dia akan kembali semula.<sup>55</sup>

Begitu juga sekiranya isteri menghalang suaminya daripada *istimta'* seperti sentuh, kucup, bersetubuh dan sebagainya tanpa uzur maka isteri tidak berhak mendapat nafkah daripada suaminya.<sup>56</sup> Manakala isteri derhaka menurut mazhab Hanafi ialah isteri yang keluar dari rumah suaminya tanpa hak atau tanpa keuzuran syarak. Oleh sebab itu, seorang isteri tidak dikira derhaka apabila dia keluar tanpa izin suaminya, tetapi yang diambil kira ialah keuzuran syarak kerana keluar disebabkan keuzuran syarak adalah keluar secara hak.<sup>57</sup> Manakala mazhab M liki membezakan syarat wajib nafkah isteri dalam dua keadaan iaitu sebelum disetubuhi dan selepas disetubuhi.

---

<sup>54</sup>Ibn Qud mah, *Al-Mughnī*, juz. 7. 611.

<sup>55</sup>Hassan Salleh, *Asas Kekeluargaan Islam*, 115.

<sup>56</sup>Sayyid S biq , *Fiqh al-Sunnah*, vol.2, 229.

<sup>57</sup>Ibid., 230.



Syarat-syarat isteri sebelum disetubuhi adalah seperti berikut:

1. Ada kemungkinan untuk disetubuhi. Apabila suami mengajak isteri untuk melakukan hubungan suami isteri tetapi isteri menolak, maka dia tidak berhak menerima nafkah.
2. Isteri ialah seorang yang layak untuk disetubuhi. Apabila isteri tersebut belum layak disetubuhi, seperti masih kecil, maka dia tidak berhak menerima nafkah kerana tidak berlaku penyerahan yang sempurna.
3. Suami hendaklah seorang lelaki yang telah baligh, jika suami belum baligh sehingga belum mampu melakukan hubungan suami isteri secara sempurna, maka dia tidak wajib membayar nafkah.

Manakala syarat-syarat nafkah bagi isteri yang telah disetubuhi ialah:

1. Suami itu hendaklah orang yang mampu untuk membayar nafkah, maka selama mana dia tidak mampu, tidak wajib baginya membayar nafkah isterinya.
2. Isteri tidak bersikap *nūsyūz* terhadap suaminya. Apabila isteri *nūsyūz*, maka suami tidak wajib memberi nafkah kepadanya. Sebaliknya apabila suami *nūsyūz*, maka dia tetap wajib membayar nafkah isterinya.

## 2.6 JENIS NAFKAH

Nafkah terbahagi kepada nafkah asasi dan beberapa nafkah lain. Menurut syarak, nafkah asasi merangkumi makanan, minuman dan tempat tinggal.<sup>58</sup> Selain nafkah asasi tersebut terdapat beberapa nafkah yang perlu diberi perhatian dimana nafkah-nafkah ini tidak dipersetujui oleh fuqaha tentang hukum wajibnya terhadap suami. Nafkah-nafkah tersebut ialah penyusuan, pembantu, perubatan, alat-alat perhiasan serta peralatan rumah.

---

<sup>58</sup>Wahbah al-Zu ayl , *al-Fiqh al-Islāmiyyah wa Adillatuh*, 786.

## 2.6.1 Makanan

Makanan yang dimaksudkan ialah makanan asasi bagi sesuatu tempat iaitu negeri pasangan suami isteri. Para ulama mempunyai dua pandangan yang berbeza mengenai nafkah makanan, minuman dan lauk-pauk.

1. Jumhur fuqaha selain daripada al-Syafi'i berpendapat bahawa nafkah tidak ditetapkan dengan kadar tertentu kecuali nafkah itu diberikan secukupnya. Mereka tidak mengemukakan jumlah tertentu bagi nafkah tersebut tetapi hanya menetapkan sesuai dengan kemampuan suami.

Pandangan ini berasaskan firman Allah SWT dalam surah al-q ayat 6, surah Al-Baqarah ayat 233 dan hadis-hadis Rasulullah SAW.<sup>59</sup> Rasulullah SAW bersabda:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ : دَخَلَتْ هِنْدُ ابْنَةُ عُتْبَةَ امْرَأَةً أَبِي سُفْيَانَ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَتْ : يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّ أَبَا سُفْيَانَ رَجُلٌ شَحِيحٌ لَا يُعْطِينِي مِنَ التَّفَقَّةِ مَا يَكْفِينِي وَيَكْفِي بَنِيَّ إِلَّا مَا أَخَذْتُ مِنْ مَالِهِ بِغَيْرِ عِلْمِهِ ، فَهَلْ عَلَيَّ فِي ذَلِكَ مِنْ جُنَاحٍ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : خُذِي بِالْمَعْرُوفِ مَا يَكْفِيكَ وَيَكْفِي بَنِيكَ ( متفق عليه )

Daripada Aisyah r.a berkata: Hindun binti Utbah istri Abu Sufyan masuk menemui Rasulullah SAW bahawa Hindun berkata: “Ya Rasulullah, sesungguhnya Ab Sufyan yang kedekut dan dia tidak memberikan nafkah yang cukup bagiku dan anakku, kecuali yang aku ambil tanpa pengetahuannya”. Maka sabda Rasulullah, “Ambillah yang cukup bagimu dan anakmu secara patut”(HR. Muttafaqun ‘Alai).<sup>60</sup>

<sup>59</sup>Ensiklopedia Hukum Islam. juz.4, 1282.

<sup>60</sup>Riwayat Muttafaqun ‘Alai ( Bukahri dan Muslim), No. 374. Lihat kitab Ibn Daqiq al ‘Abdu, *Al Ihkam Syarh ‘Ammadatul al Ihkam* . juz I ( Beirut: Maktabah al Ilmiyah, 1995), 112 .

Menurut jumbuh fuqaha, perkataan *ma'rūf* dalam ayat atau hadis lebih menekankan kepada 'urufatau adat kebiasaan setempat. Hal ini bermaksud nafkah yang wajib diberikan oleh suami kepada isterinya hendaklah disesuaikan dengan kedudukan kewangan suami dan juga dalam keadaan setempat.<sup>61</sup>

Hadis ini juga menunjukkan perintah supaya mengambil apa yang mencukupi(wajar) atau kadar yang patut tanpa adanya penentuan kadar tertentu. Menurut Yusuf Qardawi nafkah adalah berbeza mengikut perbezaan waktu dan tempat, keadaan dan peribadi masing-masing. Nafkah semasa suburinya tanah pertanian tidak sama dengan yang nafkah yang patut diberikan pada musim kemarau. Nafkah yang diberikan kepada orang kampung tidak sama dengan nafkah orang bandar dan nafkah orang yang kaya tidak sama dengan nafkah orang yang kurang mampu. Begitu juga nafkah yang patut bagi pemimpin berbeza dengan nafkah yang diberikan oleh orang awam. Oleh sebab itu, pengertian nafkah yang patut adalah relatif, berbeza berdasarkan pelbagai pertimbangan.<sup>62</sup>

Pandangan jumbuh fuqaha ini disokong oleh Imam al-Syawkan. Beliau mengatakan tidak adanya penentuan kerana perbezaan masa, tempat dan keadaan. Keadaan ini berlaku kerana kadang-kadang makanan itu diperlukan berbeza mengikut tempat, masa dan keadaan. Contohnya terdapat penduduk yang biasa makan sehari, dua kali, tiga kali dan empat kali. Perubahan iklim atau cuaca juga mempengaruhi permintaan terhadap makanan dimana makanan dimusim hujan adalah lebih daripada keperluannya pada musim kering. Begitu juga dengan penduduknya ada yang makan banyak, ada yang sederhana dan adapula yang sedikit.<sup>63</sup>

---

<sup>61</sup>Abu Isha Ibrahim bin Ali bin Yusuf al Fairuz, *Al muhazzab* (Beirut : Dar al Fikr, 2003), 139.

<sup>62</sup>Yusuf Qaradawi, *Fatāwa Qardawi; Permasalahan, Pemecahan, dan Hikmah. Al-Ustāz 'AbdRaḥmān 'Alī Banzīr, t..t* (Selangor: Al-Baz Publishing., 1997), 241.

<sup>63</sup>Muhammad bin Ali bin Muhammad bin Abdullah Asy-Syaukani, *As-Sailul Jarar al-Mutadaffiq ala Hada'iqil Azhar,*( Beirut : Dar al Ma'arifah, 1995), 111.

Menurut jumhur fuqaha, nafkah hendaklah mengikuti keadaan ‘uruf dan adat di suatu tempat atau mengikut perbezaan tempat, masa dan suasana dari segi harga, jenis dan keperluan. Pemberian nafkah di sesuatu tempat adalah berasaskan kebiasaan penduduk. Seorang hakim harus memerhatikan kewajaran dalam nafkah itu sesuai dengan waktu dan tempatnya, keadaan dan peribadinya, disamping mengamati keadaan suami dari sudut senang dan susahya.<sup>64</sup>

Im m al-Syafi‘i menetapkan nafkah makanan dengan kadar tertentu bukanlah berdasarkan kedudukan isteri sebaliknya berdasarkan kemampuan suami dari sudut ekonomi kaya. Maka bagi suami yang mampu hendaklah memberikan kepada isterinya setiap hari dua cupak makanan yang miskin cukup satu cupak dan yang sederhana satu setengah cupak. Disamping itu, ketetapan ini juga diqiy skan kepada memberi makanan dalam *kifarat* iaitu bayaran maksima yang wajib dalam *kifarat* ialah memberi setiap orang miskin dua cupak makanan iaitu *kifarat haji* dan sekurang-kurang *kifarat* ialah satu cupak makanan seperti *kifarat zihar*.<sup>65</sup>

Di samping makanan asasi ini, terdapat juga lauk-pauk yang biasa dimakan bersamanya termasuk buah-buahan. Menurut al-Syafi‘i tidak dinamakan *mu‘āsyarah bi al-ma‘ruf* apabila isteri dipertanggungjawabkan supaya bersabar untuk memakan makanan asas tanpa lauk. Walaubagaimanapun, makanan asas adalah sama dengan lauk dan jenisnya adalah bergantung kepada kebiasaan masyarakat kepada persetujuan bersama suami isteri. Sekiranya mereka tidak bersependapat, maka penetapan kadar lauk pauknya bergantung kepada penetapan *qāḍī* dengan ijtihadnya. Berbeza dengan daging tidak ditetapkan kadar tetapi kadar biasa menurut kemampuan suami seperti yang

---

<sup>64</sup>Wahbah al-Zu ayl , *al-Fiqh al-Islāmiyyah wa Adillatuh*, 238.

<sup>65</sup>Sayyid Bakhri Syata, *I‘anah ath Tholibin*, Juz 3 ( Beirut, Lubnan: Dar al-Ma‘rifah, 1996), 202.

diamalkan dalam kalangan rakyat dinegerinya. Daging juga tidak ditetapkan berdasarkan timbangan tetapi adalah bergantung kepada persetujuan suami isteri.<sup>66</sup>

Menurut al-Syafi'i apabila isteri makan bersama suaminya seperti biasa tanpa memiliki, maka gugurlah nafkahnya kerana perkara ini berlaku pada zaman Rasulullah SAW dan zaman selepasnya tanpa tentangan dan tanpa *khilāf*. Maka dengan sebab itu isteri tidak boleh mengambilnya dengan makan bersama suaminya, kerana nafkah makanan ini terlaksana apabila suami memberi milik atau menyerahkan sama ada dalam bentuk wang atau lain-lain termasuklah makan bersama suami. Pendapat yang lebih *rājih* antara dua pendapat ini ialah pendapat jumhur yang menyatakan bahawa tidak ada penetapan tentang kadar nafkah makanan.<sup>67</sup>

## 2.6.2 Pakaian

Ulama bersepakat bahawa pemberian pakaian adalah merupakan kewajipan suami kepada isteri. Sekiranya isteri seorang yang berada dalam kekuasaan suami yang kaya, dia patut mendapat pakaian mahal seperti sutera dan jenis lain yang halus. Isteri yang kurang mampu atau miskin berpada memakai pakaian dari jenis yang agak kasar. Manakala pasangan suami isteri yang berpendapatan sederhana pula perlu memakai pakaian menurut kebiasaan mereka dalam berpakaian.<sup>68</sup>

Secara umumnya suami wajib memberi pakaian kepada isteri yang diukur menurut kemampuannya dan pakaian tersebut hendaklah sesuai dengan isteri. Sekurang-kurangnya sehelai baju, seluar dan tudung yang boleh menutupi seluruh badan dan sepasang kasut. Pakaian tersebut wajib diberikan sebanyak dua kali dalam setahun berasaskan kepada keperluan musim sejuk dan panas.<sup>69</sup>

---

<sup>66</sup>Muhammad abu Zahra, *al Ahwal al- Syahsiyyaah* ( Kaherah : Dar al Fikr al 'Arabi, 2001), 103.

<sup>67</sup>Muhammad bin Ahmad bin Rusyd Al-Qurthubi, *Bidayatul Mujtahid wa Nihayatul Muqtashid*, (Beirut: Dar al Fikr, 2001), 245.

<sup>68</sup>Muhammad al-Syarbin (*Mughnī al-Muhtāj ila Ma 'rifah Ma 'ānī Alfāz al-Minhāj*, juz.3. (Beirut: Dar al-Fikr, 1993), 425.

<sup>69</sup>Lihat Al-Ghamraw , .452 dan 'Abd al-Kar m, 195.

Menurut Maliki dan Hanbali, pakaian tersebut wajib diberikan pada setiap awal tahun. Manakala al-Syafi'i dan Hanafi menyatakan pakaian tersebut hendaklah diberikan kepada isteri setiap enam bulan sekali kerana pakaian itu biasanya lusuh dalam tempoh tersebut. Oleh itu, jika pakaian itu rosak kurang dari tempoh tersebut, maka tidak wajib digantikan dengan yang baru.

### **2.6.3 Tempat tinggal**

Menurut fuqaha al-Syafi'iyah, tempat tinggal ini tidak disyaratkan mesti dimiliki oleh suami tetapi boleh diperoleh sama ada disewa, dipinjam atau diperoleh daripada sumber wakaf. Sekiranya suami isteri tinggal bersama dirumah yang dimiliki isteri dengan izin isteri, maka hak nafkah tempat tinggal adalah gugur terhadap suami dan isteri tidak boleh menuntut supaya suami membayar sewa kerana tinggal bersamanya. Hal ini kerana keizinan yang mutlak itu tidak mengambil tempat sewaan sebagai ganti.<sup>70</sup>

Menurut fuqaha, tempat tinggal hendaklah sesuai dari segi syarak iaitu:

1. Hendaklah sesuai dengan pendapatan suami. Menurut Abdul al-Kar m Zaydan, apabila kedua-dua suami isteri terdiri daripada orang kaya, maka suami wajib menyediakan sebuah rumah yang sesuai dengan kedudukan dari segi keluasan rumah, binaan, lokasi keperluan asas dan sebagainya. Sekiranya kedua-duanya daripada golongan yang sederhana, maka suami wajib menyediakan sebuah rumah yang kecil sedikit atau tinggal di bangunan flat yang sesuai dengan mereka. Sebaliknya apabila kedua-duanya suami isteri daripada golongan miskin, maka suami wajib menyediakan sekurang-kurangnya satu bilik pada dalam sebuah rumah. Seterusnya apabila suami adalah seorang yang kaya, sedangkan isteri seorang yang miskin, maka suami wajib menyediakan rumah sendiri walaupun kecil atau tinggal di bangunan flat sesuai dengan mereka sama

---

<sup>70</sup>Abu al-Latih Nasr bin Muhammad bin Ibrahim al-Samarqandi, *Bar al-'Ulum* (Beirut: Dar al-Fikr, 2000), 179.

seperti golongan yang sederhana.<sup>71</sup> Sebaliknya pula apabila suami seorang yang miskin, sedangkan isteri seorang yang kaya, maka suami wajib mendapat satu bilik yang sesuai dengan sebuah rumah beserta dengan barang-barang keperluan asas tertentu atau di kongsi bersama dengan bilik-bilik yang lain. Sesungguhnya suami tidak bertanggungjawab lebih daripada kemampuannya.<sup>72</sup>

2. Hendaklah tidak dihuni oleh penghuni lain di dalam rumah berkenaan sekalipun dalam kalangan keluarga isteri sendiri seperti anaknya daripada suami yang lain, sama ada dia faham tentang jimak atau tidak kerana suami tidak wajib mendapatkan anak isterinya (anak tirinya) di rumahnya. Begitu juga dengan keluarga suami sendiri seperti isteri-isteri lain, saudara mara, kedua ibu bapa suami (mertua) dan anak-anak perempuannya daripada isteri lain sebelumnya, kecuali sekiranya isteri bersetuju membenarkan mana-mana ahli keluarga suami untuk tinggal bersama mereka. Namun begitu sekiranya suami mempunyai anak lelaki daripada isteri yang lain, dibolehkan untuk tinggal bersama mereka atas persetujuan isteri dengan syarat dia masih kecil dan tidak faham tentang jimak. Kewujudan penghuni lain ini dikira tidak sesuai mengikut syarak sekiranya mereka boleh mengganggu ketenteraman serta boleh mendatangkan mudharat kepada isteri sama ada melalui perkataan atau perbuatan, sama ada kehadiran mereka itu disyaratkan atau tidak. Tindakan ini bertujuan untuk memberikan kebebasan secukupnya kepada isteri dan menghindarkan dirinya daripada sebarang gangguan dan perbalahan kerana antara ciri-ciri tempat tinggal menurut syarak ialah diwajibkan terhindar daripada sebarang mudharat.<sup>73</sup>

---

<sup>71</sup>Abd al-Karīm Zayd n, *Nazarah fī al-Sharāh al-Islāmiyyah*, vol.1 ( Kairo: Maktabah al- Ris lah, 2004), 200.

<sup>72</sup>Abd al-Karīm Zayd n, *Nazarah fī al-Sharāh al-Islāmiyyah*, vol. 1, 204-205.

<sup>73</sup>*Ibid.*

3. Hendaklah terletak berdekatan dengan jiran-jiran yang baik supaya diri dan harta isteri terjamin selamat. Sekiranya tempat tinggal tersebut terletak antara jiran-jiran yang tidak baik, maka suami hendaklah berpindah ke tempat lain. Begitu juga tempat tinggal yang tanpa jiran atau jauh daripada jiran, tidak dikatakan sebagai tempat tinggal menurut syarak kerana boleh mengundang bahaya terhadap isteri apabila isteri tinggal bersendirian ketika suami keluar bekerja atau ketika suami ke rumah isteri-isterinya yang lain.<sup>74</sup>

#### 2.6.4 Nafkah Khadam (upah bagi pembantu isteri)

Nafkah ataupun upah bagi pembantu isteri sama ada kepada pembantu yang merdeka ataupun pembantu hamba (khadam) merupakan satu bahagian daripada nafkah isteri yang wajib ditunaikan oleh suami sama ada suaminya seorang yang kaya ataupun yang miskin. Ia merupakan pandangan majoriti fuqaha al-Syafi'iyah dan sebahagian pandangan ulama al-Hanafiyyah.<sup>75</sup> Walaupun begitu, ulama bersetuju bahawa kewajipan untuk menyediakan pembantu bagi isteri adalah tertakluk kepada beberapa syarat:

1. Isteri tidak bisa bekerja menguruskan rumah sendiri.<sup>76</sup>
2. Status sosioekonomi isteri melayakkan untuk mendapat pembantu rumah seperti berstatus sosial tinggi dalam masyarakat seperti anak raja ataupun kerana pekerjaan dan kedudunya yang melayakkannya mendapat pembantu.<sup>77</sup>
3. Isteri yang sakit.<sup>78</sup>
4. Isteri yang memerlukan pembantu pada waktu-waktu tertentu bagi menguruskan kerja-kerja berat.<sup>79</sup>

---

<sup>74</sup>Ibn al-Qayyim, *al-Durr al-Mukhtār*, vol.2 (Beirut: Dar al-Fikr, 2002), 202.

<sup>75</sup>Muhyi al-Din abi Zakariyyah Yahaya bin Syarf al-Nawawi, *al Maj-mu' Syarh al-Muhaddhab* (Madinah al-Munawwarah: al Maktabah al-Salafiyah, 2006), 256

<sup>76</sup>Lihat al Nawawi, 18:256

<sup>77</sup>Al-Buhuti, 2817

<sup>78</sup>Al Ramli, 7: 197.



5. Isteri beranak ramai.<sup>80</sup>

Al-Buhuti al-Hanabali meluaskan bagi konsep pembantu rumah bukan hanya terhad kepada pembantu manusia, bahkan juga apa sahaja yang boleh melancarkan lagi pekerjaan menguruskan rumahtangga seperti penggunaan peralatan-peralatan dan kelengkapan yang memudahkan tugas isteri seperti alatan memasak dan memanaskan.<sup>81</sup>

Menurut fuqaha al-Syafi'iyah dan M likiyya berpendapat bahawa wajib keatas suami memberi nafkah kepada isterinya termasuk nafkah orang gajinya. Mereka berhujah dengan firman Allah SWT yang bermaksud: “.. dan pergaulilah mereka (para isteri) dengan cara yang patut (baik).” Secara umumnya para fuqaha bersepakat bahawa isteri wajib diberikan *khadam* atau orang gaji jika suaminya berkemampuan dan dia sendiri pula biasa dilayani orang gaji semasa dirumah bapanya dulu. Tambahan pula, isteri tidak mampu untuk menyelesaikan sendiri tugasnya disebabkan dia orang yang berada atau menderita menanggung sesuatu penyakit. Oleh sebab itu, menyediakan *khadam* atau orang gaji adalah termasuk pergaulan dengan cara yang baik.<sup>82</sup>

Menurut fuqaha (Ab an fah, al-Syafi'i, dan A mad), suami tidak wajib menyediakan orang gaji lebih daripada seorang untuk membantu meringankan kewajipan dalam urusan rumah tangga. Memadai dengan seorang sahaja, itupun dengan syarat orang gaji itu hendaklah seorang wanita atau kanak-kanak yang belum baligh (lelaki) atau kerabat yang jadi *mahramnya*. Ab Y s f dan Ab ur pula berpendapat bahawa suami hendaklah menyediakan dua orang pembantu, iaitu untuk menjalankan urusan-urusan di dalam rumah dan di luar rumah. Manakala mazhab M liki pula

---

<sup>79</sup>Al-Buhuti, 2817.

<sup>80</sup>Muhammad Salih 'Uthaimin, 389-390.

<sup>81</sup>Al-Buhuti, 2815.

<sup>82</sup>Abdal-Fatta Mu ammad Ab al-Aynayn, *Al-Islām wa Usrah* .(Kaherah:Maktabahal-Alamiyyah, 1987), 409.

berpendapat bahawa suami wajib menyediakan pembantu lebih daripada seorang sekiranya isteri adalah orang yang layak akan perkara tersebut.<sup>83</sup>

Al- abar menyatakan suami bertanggungjawab untuk membayar segala perbelanjaan pembantu rumah. Tetapi ini bukanlah sesuatu yang mesti baginya, dengan alasan apabila Fa imah r.a. meminta seorang *khadam* daripada ayahandanya, baginda tidak menyuruh 'Al r.a. menyediakan *khadam* tersebut untuk isterinya. Baginda juga tidak mengatakan siapakah yang patut melakukan kerja-kerjarumah tersebut. Kemudian baginda sendiri tidak memberikan *khadam* kepada Fa imah r.a. Seandainya perkara ini wajib ke atas suami, sudah tentulah Rasulullah menyuruh 'Al r.a menyediakannya.<sup>84</sup>

Menurut Hanbali, orang gaji hendaklah diberikan pakaian dan makanan sama seperti nafkah perempuan yang miskin. Sedangkan mazhab al-Syafi'i berpendapat orang gaji hendaklah diberi nafkah sebagaimana juga isteri seperti jenis makanan, (termasuk lauk-pauk) dan pakaiannya tetapi kedua-dua mazhab ini mengecualikan alat-alat kepada orang gaji.

Sekalipun suami merupakan seorang hartawayang mampu menyediakan seorang pembantu rumah kepada isterinya, namun pasangannya tidak memerlukan khidmat tersebut dalam urusan rumahtangga disebabkan terbiasa dengan adat maka tidak mengapa. Apa yang perlu dilakukan pada masa itu ialah si isteri hendaklah melayani diri dan suaminya.

Sekiranya suami kurang berkemampuan untuk menyediakan seorang pembantu untuk isterinya, maka tidak wajib baginya memandangkan tanggungjawab mengupah pembantu tersebut kerana pembantu tidak penting. Dalam keadaan ini isteri wajib melakukan sendiri segala urusan rumah tangga mengikut kemampuannya.<sup>85</sup>

---

<sup>83</sup> Sham al-Din Muhammad bin Abi al-'Abbas al-Ramli, *Nihayah al-Muhtaj ila Syarh al-Minhaj*, (Beirut: Maktabah Musthafa, 1998), 191.

<sup>84</sup> Abu Ja'far Muhammad bin Jarir al- abar, *Jamī' al-Bayan 'an Ta'wīl ay Al-Qur'ān*, (Beirut: Dar al-Fikr, 1988), 233.

<sup>85</sup> Muhammad 'Urfah al-Dusq, *Hāsiyah al-Dusūq 'ala al-Syarh al-Kabīr*, juz. 2, (Beirut: Dar al-Fikr, 1990), 508.

### 2.6.5 Peralatan Rumah

Ulama sepakat tentang wajib ke atas suami menyediakan segala alat yang boleh menghilangkan kekotoran sama ada dibadan atau di dalam rumah. Apabila seseorang isteri itu mendapat nafkah tempat tinggal daripada suaminya, maka keperluan asas tempat tinggal juga perlu dipenuhi. Menurut fuqaha al Syafi'yyah, suami hendaklah menyediakan peralatan-peralatan asas rumah yang diperlukan oleh isteri seperti keperluan asas untuk tidur dan duduk. Menurut Imam Malik, beliau mengatakan wajib ke atas suami menyediakan alat-alat perhiasan yang biasa dipakai seperti celak, minyak rambut dan sebagainya. Menurut Hanbali, suami wajib menyediakan segala peralatan yang boleh menghilangkan kekotoran sama ada pada badan isteri atau di dalam rumahnya.<sup>86</sup>

Jelaslah bahawa, segala barang peralatan rumah sama ada barang-barang untuk membersihkan, memasak, merehatkan badan dan juga alat-alat perhiasan yang telah biasa digunakan atau dipakai adalah menjadi tanggungjawab suami. Itupun bergantung kepada kemampuan dan kedudukan pasangan serta 'uruf dan adat setempat. Semua barang ini dikira sebagai pelengkap selari dengan sabda Rasulullah SAW yang bermaksud; "*Ambillah yang cukup bagimu dan anakmu sesuai dengan keperluan yang patut*".<sup>87</sup>

### 2.6.6 Nafkah Perubatan

Para fuqaha mazhab empat bersependapat mengatakan bahawa suami tidak wajib menanggung nafkah perubatan isteri, sebaliknya menjadi tanggungan isteri sendiri daripada harta yang dimilikinya. Jika dia tidak memiliki harta, maka barulah wajib ke atas mereka yang diwajibkan untuk menafkahnya. Menurut fuqaha di kalangan

---

<sup>86</sup>Yusuf al-Fairuz b. al-Syirazi, *al-Muhadhdhab*, (Kaherah: Dar al-Kutub al-'Arabiyyah al-Kubra, 1996), hal.159.

<sup>87</sup>Muhammad al Zuhri al Ghamrawi, *al Siraj al Wahhaj*, (Lubnan: Dar al Kutab, 1998), 80.

Zaydiyah dan Ja'fariyah, kos untuk ubat dan rawatan perubatan isteri adalah ditanggung oleh suami dengan syarat isteri tidak *nūsyūz*. Nafkah itu adalah untuk memelihara badan sebagai kelangsungan kepada kehidupan, maka perbelanjaan rawatan perubatan adalah sama dengan nafkah.

Antara dua pandangan berbeza ini, pandangan yang kuat adalah pandangan yang mengatakan kos ubat-ubatan dan rawatan perubatan diwajibkan keatas suami kerana wujudnya persamaan sebab untuk memelihara isteri daripada kecelakaan dengan sebab kelaparan dan penyakit isteri dapat menguatkan lagi perintah Allah dalam al-Quran supaya bergaul dengan cara yang baik.<sup>88</sup>

Menurut al-Syawkan yang berpendapat wajibnya nafkah perubatan isteri atau yang berpendapat sebaliknya merupakan kelompok yang sama banyak. Antara yang mengatakan nafkah perubatan isteri adalah wajib terhadap suami termasuklah al-Syawkan sebahagian ulama al-Hanafiyyah dan satu pandangan ulama al-Malikiyyah. Al-Syawkan juga menegaskan bahawa hakim perlu mempertimbangkan perubatan isteri berdasarkan keperluan dan tidak boleh semata-mata menurut pandangan mazhab ditempat mereka.<sup>89</sup>

Menurut Wahbah al-Zuhayl, bahawa ubat-ubatan pada masa dahulu bukan satu keperluan yang asas. Maka dengan sebab itu manusia tidak begitu perlu kepada perubatan. Sebaliknya sekarang manusia sentiasa perlu kepada perubatan seperti perlunya mereka kepada makanan, bahkan lebih penting kerana orang sakit adalah melebihi daripada yang menyembuhkannya. Berdasarkan sebab itu, beliau berpendapat bahawa nafkah perubatan adalah wajib keatas suami seperti wajibnya nafkah asasi yang

---

<sup>88</sup>Ibnal-Humam, Al-Imam Kamal al-Din Ibn' Abdul-Rasyid al-Sirasi. *Syarh Fath al-Qadīr*, (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1970), 133.

<sup>89</sup>Muhammad bin Ali bin Muhammad al-Shawkan, *Naylal-Awtār Sharh Muntaqa al-Akhbar*, (Qahirah: Maktabah Dar al-Turath, 1990), 322-323.

lain dan juga seperti wajibnya bapa untuk memberi nafkah ubat-ubatan yang biasa kepada anak-anak.<sup>90</sup>

Menurut ijma' adalah tidak wajar suami berseronok-seronok dengan isterinya semasa sihat, kemudian memulangkannya kepada keluarganya untuk diubati semasa beliau sakit kerana tindakan ini menyalahi konsep pergaulan yang baik (*imsāk bi ma'rūf*) bersama isteri dalam keadaan suami itu mampu.<sup>91</sup>

Undang-undang kekeluargaan Islam Mesir pada mulanya tidak mewajibkan suami untuk membiayai urusan rawatan isteri (Undang-Undang 25, Tahun 1920). Tetapi undang-undang ini telah dipinda (1979) dan pada cerai 4/2, ada mengatakan bahawa nafkah kepada isteri itu termasuk memberi makan, minum, pakaian, tempat tinggal, belanja rawatan, dan segala urusan yang menjadi kebiasaan kepada keadaan setempat.<sup>92</sup>

### **2.6.7 Nafkah isteri yang ditinggalkan suami**

Bagi kes suami yang meninggalkan isteri iaitu berada dinegeri yang berlainan dari tempat tinggal isteri atau menghilangkan diri secara bersembunyi dan tidak memberikan nafkah kepada isteri, isteri berhak menuntut kepada *qāḍī* untuk mendapatkan peruntukan nafkah. Nafkah isteri tetap menjadi kewajipan suami yang meninggalkan isterinya. *Qāḍī* berhak memerintahkan isteri mengambil harta yang ditinggalkan suami mengikut kadar nafkah yang sepatutnya. Kebenaran diberikan atas alasan isteri berhak ke atas harta yang ditinggalkan oleh suami itu apabila jelas terbukti suami tidak menyediakan nafkah yang sepatutnya. Sebaliknya jika suami tidak mempunyai harta yang zahir, isteri boleh menuntut kepada *qāḍī* untuk mengizinkannya berhutang yang akan menjadi hutang tanggungan suaminya. *Qāḍī* juga boleh mengeluarkan amaran dan mengarahkan suami mengeluarkan nafkah dengan menggunakan apa cara serta

---

<sup>90</sup> Wahbah al - Zuhaily, *Fiqh Islam wa Adillatuh*, juz 6 (Beirut: Dar al Fikr, 1989), 89.

<sup>91</sup> Ibid.

<sup>92</sup> Ibn ajar al- Asqal n , *Fath al-Bārī*. Cet.1, juz.9(Beirut Lubnan: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 1997), 147.

memperuntukkan satu tempoh untuk suami menjelaskan nafkah isteri. Sekiranya suami masih gagal mengirimkan nafkah kepada isterinya sedangkan tempoh masa telah tamat, *qāḍī* boleh menjatuhkan talaq ke atas isteri.<sup>93</sup>

## 2.7 Asas Penentuan Kadar Nafkah Isteri

Nafkah dari segi syarak merangkumi makanan, lauk-pauk, pakaian, tempat tinggal, pembantu atau orang gaji dan alat-alat kosmetik serta perabot rumah. Semua jenis nafkah ini wajib disediakan oleh suami apabila dituntut oleh isteri dan cukup syarat-syaratnya. Jika suami gagal untuk menyediakannya, maka isteri boleh membuat aduan kepada *qāḍī* supaya hak-haknya dapat dipenuhi.

Menurut Yusuf Qardawi untuk menentukan kadar nafkah, asas penentuannya adalah berdasarkan kemampuan suami. Oleh kerana itu, suami yang kurang mampu tidak diwajibkan memberikan nafkah seperti suami yang mampu kerana belanja perubatan itu membebankan dirinya. Walau bagaimanapun, para ulama mempunyai dua teori berbeza dalam menentukan kadar nafkah kepada isteri.<sup>94</sup>

### 2.7.1. Teori pertama: Berasaskan kepada kedudukan pasangan suami isteri

Pandangan ini dipelopori oleh sebahagian daripada mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali dengan berhujahkan hadis Hindun, isteri Ab Sufyan. Kedudukan kedua-dua pihak suami dan isteri perlu diambil kira dalam menentukan kadar nafkah kepada isteri iaitu mengambil kira keadaan berikut:

- i) Pasangan suami isteri, kedua-duanya kaya.
- ii) Pasangan suami isteri, kedua-duanya terdiri daripada mereka yang susah.
- iii) Suami terdiri daripada orang yang susah dan isterinya kaya.
- iv) Suami terdiri daripada orang yang kaya dan isterinya susah.

<sup>93</sup>Muhammad bin al-Sahl al-Sarakhsī, *al-Mabsut*, juz 5. (Beirut: Dar al-Ma'rifah, 1988), 193.

<sup>94</sup>Yusuf Qardawi, *al-Fatwa*, (Beirut: Dar al Fikr, 2005). 114.

Bagi pasangan yang berada pada kategori yang pertama, nafkah kepada isteri adalah sebagai orang yang kaya, bagi golongan kedua pula, nafkah kepada isteri sebagai orang yang susah dan bagi golongan ketiga dan keempat, nafkah isteri secara pertengahan.<sup>95</sup>

Manakala Abū Sufyān berpendapat kadar nafkah adalah dikira berdasarkan keadaan isteri atau kadar kemampuan isteri. Sebab itu, bagi isteri kaya yang berada dibawah suami yang miskin, maka nafkahnya bukanlah nafkah orang kaya dan bukan juga sedikit daripada nafkah orang miskin, tetapi adalah berdasarkan kemampuannya nafkah orang miskin. Manakala selebihnya (nafkah wajib) dianggap sebagai hutang menurut Hanafi. Begitu juga apabila suami seorang yang kaya dan berkemampuan, sedangkan isterinya miskin, maka nafkah yang diberikan adalah lebih tinggi daripada kedudukan isteri, bukan dilihat kepada keadaan isteri.<sup>96</sup>

Teori pertama ini berdasarkan kepada sabda Rasulullah SAW kepada Hindun:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ : دَخَلَتْ هِنْدُ ابْنَةُ عْتَبَةَ امْرَأَةً أَبِي سُفْيَانَ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَتْ : يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنَّ أَبَا سُفْيَانَ رَجُلٌ شَحِيحٌ لَا يُعْطِينِي مِنَ النَّفَقَةِ مَا يَكْفِينِي وَيَكْفِي بَنِيَّ إِلَّا مَا أَخَذْتُ مِنْ مَالِهِ بغيرِ عِلْمِهِ ، فَهَلْ عَلَيَّ فِي ذَلِكَ مِنْ جُنَاحٍ ؟ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " : حُذِي بِالْمَعْرُوفِ مَا يَكْفِيكَ وَيَكْفِي بَنِيكَ ( . متفق عليه )

Daripada Aisyah r.a berkata: Hindun binti Utbah istri Abu Sufyan masuk menemui Rasulullah SAW bahawa Hindun berkata: “Ya Rasulullah, sesungguhnya Abū Sufyān yang kedekut dan dia tidak memberikan nafkah yang cukup bagiku dan anakku, kecuali yang aku ambil tanpa pengetahuannya”. Maka sabda Rasulullah, “Ambillah yang cukup bagimu dan anakmu secara patut”(HR.Muttafaqun ‘Alai).<sup>97</sup>

<sup>95</sup>Ibn al-Humam, Al-Imām Kamāl al-Dīn Ibn ‘Abd al-Rasyīd al-Sirāsī. *Syarh Fath al-Qadīr*, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1970), 167.

<sup>96</sup>Ibn Qudamah, *Al-Mughnī wa al-Syarh al-Kabīr*, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Arabi, 1972), 224.

<sup>97</sup>Riwayat Muttafaqun ‘Alai ( Bukahri dan Muslim), No. 374. Lihat kitab Ibnu Daqiq al ‘Abdu, *Al Ihkam Syarh ‘Ammadatul al Ihkam*. juz I ( Beirut: Maktabah al Ilmiyah, 1995), 112 .

Hadis ini menjelaskan keadaan isteri perlu diambil kira.

Firman Allah SWT:

لِيُنْفِقَ ذُو سَعْتِهِ وَمَنْ قَدَرَ عَلَيْهِ رِزْقَهُ فليَنْفِقْ مِمَّا آتَاهُ اللَّهُ لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا  
أَلَا مَا آتَاهَا سَيَجْعَلُ اللَّهُ بَعْدَ عُسْرٍ يُسْرًا

Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya dan sesiapa yang disempitkan rezekinya hendaklah ia menafkahkan dari apa yang diberikan Allah kepadanya. Allah tidak memberati seseorang melainkan sekadar yang diberikan Allah kepadanya. Allah akan memberikan kesenangan sesudah berlakunya kesusahan.

( Surah at-Thalāq ayat 7)

Ayat ini menggambarkan keadaan suami diambil kira. Oleh itu, kedua-dua dalil itu menjelaskan keadaan kedua-dua pasangan perlu diambil kira dalam menentukan kadar nafkah demi untuk memelihara kedudukan kedua-dua pihak.<sup>98</sup>

### 2.7.2 Teori kedua: Melihat keadaan Suami Sahaja

Teori ini menurut kepada mazhab al-Syafi'i dan sebahagian daripada mazhab Hanafi. Pandangan golongan ini melihat keadaan suami sahaja diambil kira dalam menentukan kadar nafkah kepada isteri, tanpa melihat kedudukan isteri kerana suami tidak dibebankan dengan tanggungjawab nafkah terhadap isteri daripada kemampuannya. Disebabkan nafkah wajib ke atas suami, maka isteri hendaklah redha dengan keadaan suaminya. Isteri tidak sepatutnya menuntut sesuatu yang lebih daripada kemampuan suami.<sup>99</sup>

<sup>98</sup>Sayyid S biq, *Fiqh al-Sunnah*, vol.2 (Qahirah: D r al-Fat al - Arab ,1994), 323.

<sup>99</sup>Wahbah al-Zu ayl , *al-Fiqh al-Islāmiyyah waAdillatuh* , 236.



## 2.8 SEBAB-SEBAB GUGURNYA NAFKAH ISTERI

Berasaskan akad nikah yang sah, seorang suami diwajibkan untuk melaksanakan tanggungjawab nafkah terhadap isterinya. Walau bagaimanapun, pelaksanaan tanggungjawab ini tertakluk kepada syarat-syarat tertentu seperti yang telah dibincangkan sebelum ini. Dalam pengertian lain, sekiranya syarat-syarat tersebut tidak mencukupi, maka kewajipan nafkah adalah tergugur daripada suami. Secara umumnya nafkah isteri akan gugur dengan sebab-sebab berikut:

1. Berlaluinya masa tanpa ditetapkan oleh kadi atau persetujuan antara suami isteri dan sebelum menjadi hutang suami. sebaliknya apabila nafkah telah di tetapkan oleh kadi dan menjadi hutang suami, maka nafkah tersebut tidak gugur sama sekali walaupun berlaluinya masa.
2. Sekiranya nafkah telah menjadi hutang suami sama ada dengan persetujuan suami isteri atau ditetapkan oleh kadi, maka nafkah akan gugur apabila suami melunaskan nafkah yang lalu. Oleh itu, nafkah yang lalu adalah gugur disebabkan pembayaran yang diberikan oleh suami.
3. Mati salah seorang daripada suami atau isteri, atau isteri diceraikan. Nafkah akan gugur apabila berlaku kematian atau penceraian sekiranya q tidak memutuskannya sebagai hutang suami.<sup>100</sup>
4. Nusyuz. Nafkah akan gugur disebabkan isteri yang *nūsyūz*. Contohnya isteri yang menghalang suami daripada sentuh atau bersetubuh tanpa uzur. Begitu juga apabila isteri keluar rumah atau bermusafir tanpa izin suami kecuali kerana darurat atau kerana uzur seperti keluar untuk menziarahi bapa.<sup>101</sup> Manakala isteri bermusafir dengan izin suami atau kerana keperluannya, maka nafkah tidaklah gugur daripada suami. Sebaliknya kalau kerana keperluan isteri, maka nafkah adalah gugur.

---

<sup>100</sup>Lihat 'Abd al-Kar m Zaydan, 220-222.

<sup>101</sup>Wahbahal-Zu ayl , *al-Fiqh al-Islāmiyyah wa Adillatuh*,779-780.

5. Murtad. Apabila isteri murtad, maka haknya terhadap nafkah adalah gugur kerana keluarnya daripada Islam.<sup>102</sup>

Sementara itu Ibnu Human mengatakan terdapat 10 golongan wanita yang tidak berhak mendapat nafkah sebagai berikut:<sup>103</sup>

1. Isteri yang tidak mampu bersetubuh kerana masih kecil.
2. Isteri derhaka kerana mengikut orang zalim.
3. Isteri yang ditahan atau dipenjara.
4. Isteri yang musafir menunaikan haji tanpa suami.
5. Hamaba yang enggan berkahwin dengan tuannya.
6. Perempuan yang dikahwini dengan nikah yang *fāsīd*.
7. Isteri yang murtad.
8. Isteri yang kematian suami.
9. Isteri yang melayan anak tirinya (lelaki) atau bapa mertuanya dengan syahwat.
10. Isteri yang menjadi perempuan simpanan.

## 2.9 KEENGGANAN SUAMI MEMBAYAR NAFKAH

Terdapat dalam kalangan suami yang enggan memberikan nafkah kepada isterinya bersifat bakhil atau kedekut. Dalam hal ini, isteri dibenarkan untuk mengambil harta kepunyaan suami tanpa kebenarannya sekadar yang mencukupi keperluan dirinya tanpa sebarang pembaziran. Kebenaran ini berdasarkan hadis Rasulullah SAW ketika menyelesaikan aduan Hindun binti 'Utbah mengenai tindakannya mendapatkan hak nafkah daripada suaminya yang bakhil. Sekiranya isteri tidak mampu melakukan tindakan sedemikian, isteri berhak menuntut kepada *qāḍī* agar mengelurkan arahan kepada pihak suami untuk mengeluarkan nafkah terhadapnya. Keengganan suami membayar nafkah isteri dilihat dari dua sudut iaitu: Pertama, apabila suami itu orang

---

<sup>102</sup>Wahbah al-Zu'ayl, *al-Fiqh al-Islāmiyyah wa Adillatuh*, 781.

<sup>103</sup>Ibn Humayn, *Syarh Fath al-Qadīr*, (Beirut: Dar al-Ta'lif, 1997). 221.

yang kaya dan memiliki harta. Kedua, apabila suami itu ternyata tidak mampu dan tidak memiliki harta.

Menurut jumhur fuqaha apabila suami itu ialah orang yang mampu dan memiliki harta tetapi enggan untuk membayar nafkah isteinnya, maka hakim berhak menjual harta itu secara paksa dan membayarkan nafkah isterinya yang sesuai dengan keperluannya. Apabila harta suami yang mampu itu tidak diketahui, maka nafkah itu dianggap sebagai hutang suami sehingga beliau menjelaskannya menurut Hanafi. Seterusnya apabila suami enggan juga dan isterinya menuntut kepada hakim maka hakim boleh memenjarakannya sehingga dia membayar nafkah tersebut.

Bagaimanapun, bagi suami yang miskin dan ternyata tidak mampu serta tidak memiliki harta, para fuqaha mempunyai dua pandangan sama ada suami isteri tersebut harus dipisahkan atau tidak.<sup>104</sup> Sekiranya harus dipisahkan antara keduanya, maka perpisahan itu sama ada secara *talāq (raj'ī)* atau *fasākh* dimana kedua-dua proses ini terlebih dahulu perlu diadakan kepada qāḍī atau hakim supaya mana-mana tindakan boleh diambil.

Menurut Abu Ishaq telah menyebut tentang jenis-jenis nafkah yang boleh ditsabitkan *fasākh* iaitu makanan, sekiranya suami yang miskin itu tidak mampu memberikan nafkah atau belanja setengah daripada perbelanjaan orang miskin, maka isteri boleh meminta *fasākh*. Sebaliknya apabila suami yang miskin itu mampu memberi nafkah atau belanja lebih daripada perbelanjaan orang miskin, maka isteri tidak boleh menerima *fasākh*. Jenis-jenis nafkah lain dimana isteri boleh meminta *fasākh* ialah pakaian dan tempat tinggal (pendapat terkuat daripada dua pendapat). Manakala nafkah

---

<sup>104</sup>Abd al-Raḥmān Ibn al-Asnaw, *al-Tamhīd* (Beirut: Mu'assasah al-Risalah, 2001), 152.

lauk-pauk dan nafkah khadam atau pembantu, isteri tidak boleh meminta *fasākh* disebabkan suami tidak mampu menyediakan nafkah tersebut.<sup>105</sup>

Secara umumnya, para fuqaha memberi pilihan kepada isteri sama ada bersabar untuk kekal dalam ikatan perkahwinan atau berpisah dengan suami. Kalau isteri memilih isteri bersabar, maka nafkah yang menjadi tanggungjawab suami akan tetap menjadi hutang yang harus dibayar ketika dia mampu.<sup>106</sup> Ini bererti suami tidak mampu membayar nafkah tersebut sama sekali, seterusnya apabila isteri memilih untuk berpisah dengannya, maka perpisahan itu bukanlah al q. Menurut jumhur fuqaha, isteri boleh menuntut cerai disebabkan ketidakmampuan suami memberi nafkah kepada isteri. Dalam pengertian lain isteri harus meminta *fasākh* disebabkan suami miskin kerana memberi nafkah kepada isteri adalah wajib. Rasulullah SAW bersabda bermaksud: “Dan bagi isteri-isteri itu wajib atas kamu (suami) memberi nafkah dan pakaian mereka dengan cara baik.”<sup>107</sup>

Daripada pernyataan ini menjelaskan kepada kita bahawa isteri yang disempitkan nafkah atau tidak cukup belanja harian atas kadar yang patut, harus bagi isteri tadi *fasākh*. Oleh kerana, itu secara mafhumnya, kalau isteri yang disempitkan nafkah tidak cukup belanja harian kadar yang patut, harus bagi isteri *fasākh*, maka tentu lebih *awla* (utama) lagi isteri yang tidak diberi nafkah sepanjang hari.

Pandangan jumhur fuqaha yang mengatakan apabila suami tidak mampu untuk membayar nafkah, maka isteri boleh meminta *fasākh* adalah berdasarkan kepada firman Allah SWT:

فَأْمْسَاكُ بِمَعْرُوفٍ أَوْ تَسْرِيحٌ بِإِحْسَانٍ ..

Setelah itu boleh rujuk lagi dengan cara yang ma'rif dan menceraikan dengan cara yang baik.

( Surah Al Baqarah ayat 229)

<sup>105</sup> Al-Imam Imam Abu Ishaq Ibrahim al-Syairazi al-al-Fairuz abadi, *al-Muhadhdhab fī Fiqh al-Imān al-Syafi'i*, juz.4, (Dar al-Qalam, al-Dar al-Syamiyyah, hal.1996). 165.

<sup>106</sup> Ibn Abidin, *al Durr al Mukhtar*, juz 1 ( Beirut : Dar al Fikr, 2002), 78.

<sup>107</sup> Hadis riwayat Muslim. no. 675.

Daripada ayat ini menunjukkan bahawa memegang isteri (tidak menceraikannya) padahal suami tidak mampu memberi nafkah yang asasi, bukanlah memegang isteri dengan cara yang ma'ruf, bahkan satu penganiayaan terhadap isteri yang membahayakan hidupnya. Dalil hadis riwayat al-D al-Qutn dan al-Bayhaq yang bermaksud: "*Bahawa Nabi telah ditanya oleh Sa'id bin al-Musayyab tentang seorang lelaki yang tidak mempunyai sesuatu yang dinafkahkannya untuk keluarganya. Maka sabda Rasulullah: 'Hendaklah kamu pisahkan antara keduanya'.*"<sup>108</sup>

Di samping itu jumhur fuqahatelah mengqiy skan perpisahan antara suami isteri kerana tidak mampu (miskin) dengan perpisahan antara keduanya kerana tidak mampu melakukan hubungan kelamin adalah disebabkan kedua-duanya mempunyai mudarat, dalam hal ini Ibn Munzir telah berkata: Para fuqaha kecuali Ibn Hazm telah bersepakat harus berpisah kerana mati pucuk disebabkan mudarat. Daripada dalil ini jelas menunjukkan bahawa Islam mengharuskan *fasākh* kepada isteri-isteri yang tidak mendapatkan perbelanjaandaripada suaminya kerana keburukannya lebih besar dan lebih banyak daripada kebajikannya.<sup>109</sup>

Manakala pandangan kedua iaitu pandangan yang dikemukakan oleh mazhab Hanafi, sebahagian daripadhaal-Syafi'i dan juga al- ahiri mengatakan bahawa isteri tidak harus menerima *fasākh* disebabkan suami tidak memberi nafkah kepadanya. Apabila ternyata suami itu memang tidak mempunyai harta maka ia tidak boleh dipenjarakan sekalipun isterinya membuat aduan kepada hakim kerana Allah SWT menyatakan apabila seseorang dalam kesulitan, maka harus ditunggu sehingga berkelapangan.

---

<sup>108</sup>Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Zād al-Ma'ad fī Hudā Khayr al-'Ibād*, (Beirut: Dar al-Fikr 1995), 380-384.

<sup>109</sup>Muhammad bin Ahmad bin Umar al-Syatiri, *Syarh al-Yaqt al-Nafis fi Madhab Ibn Idris*, c.2 (Saudi: Dar al-Minhaj, 2007, 668.

Manakala pandangan kedua daripada mazhab al-Syafi‘i mengatakan isteri tidak boleh menerima *fasākh* disebabkan suami miskin diqiy skan kepada suami yang tidak mampu membayar mahar selepas *dukhūl* tidak boleh *difasākh*.<sup>110</sup> Pandangan yang mengatakan perkahwinan tidak boleh *difasākhkan* apabila suami miskin adalah berdasarkan surah al- al q ayat 7. Menurut mereka bahawa suami tidak dipertanggungjawabkan untuk memberi nafkah kepada isterinya dalam keadaan dia miskin, akan tetapi dalam pengertian lain kemiskinan bukanlah sebagai sebab untuk berpisah antara suami dan isteri.<sup>111</sup> Firman Allah SWT;

وَإِنْ كَانُوا عُسْرَةً فَنَظْرَةٌ إِلَى مَيْسَرَةٍ وَأَنْ تَصَدَّقُوا خَيْرٌ لَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٢٨٠﴾

Dan jika orang yang berhutang itu dalam kesempitan hidup, maka berilah tempoh sehingga lapang hidupnya kamu sedekahkan hutang itu adalah lebih baik untukmu, kalau kamu mengetahui (pahalanya amat besar akan kamu dapati kelak).

(Surah al Baqarah ayat 280)

Berdasarkan ayat ini, orang yang berhutang diberi tempoh oleh pemberi hutang supaya menjelaskan hutang semasa dia berkelapangan. Begitu juga apabila nafkah isteri itu menjadi hutang suami, maka berdasarkan nas al-Quran isteri diperintah supaya menunggu sehingga suami lapang. Oleh sebab itu, isteri tidak boleh menuntut *fasākh*.

Golongan ini juga mengatakan bahawa dalam kalangan para sahabat ada yang kaya dan adapula yang miskin, bahkan yang miskin dikalangan mereka adalah lebih ramai daripada yang kaya dan tidak pernah berlaku *fasākh* sahabat-sahabat yang miskin dengan isteri-isteri mereka dan tidak diketahui adanya riwayat tentang salah seorang

<sup>110</sup>Dr.Harun D n.Ibid., 29-30. Lihat juga Ibn Qayy m al-Jawziyyah, 154-155.

<sup>111</sup>Wahbah al-Zu ayl , *al-Fiqh al-Islāmiyyah wa Adillatuh*, 176.

daripada mereka yang menceraikan isterinya atau isterinya menuntut *fasākh* disebabkan suaminya miskin.<sup>112</sup>

Secara umumnya pandangan kedua ini khususnya Hanafi telah memberikan alasan-alasan tertentu bahawa isteri tidak boleh di *fasākhkan* perkahwinan kerana suami tidak mampu memberi nafkah. Antara alasan tersebut ialah;

- a. Di antara sahabat ada yang kaya dan ada pula yang miskin dan tidak diketahui adanya riwayat daripada mereka bahawa Rasulullah telah memisahkan antara seorang isteri dengan suaminya kerana kemiskinan dan tidak mampu memberi nafkah kepada isteri.
- b. Isteri-isteri Rasulullah SAW kadang-kadang ada meminta sesuatu yang tidak dimilikya, maka lalu Baginda mengasingkan mereka selama sebulan sebagai hukuman ke atas mereka.<sup>113</sup>

Walaubagaimanapun alasan-alasan tersebut tidak tepat dan ditolak oleh golongan pertama(jumhur fuqaha):

1. Tidak pernah berlaku *fasākh* kahwin dalam kalangan sahabat mungkin kerana isteri-isteri sahabat tidak membuat tuntutan *fasākh* itu kepada Nabi kerana mereka berkahwin adalah kerana tuntutan akhirat dan mendapat ganjaran daripada Allah, sebaliknya bukanlah kerana kepentingan dunia. Oleh itu, mereka tidak peduli dengan kemiskinan suami-suami mereka yang miskin kerana suami-suami mereka juga demikian. Sebaliknya wanitawanita pada hari ini mereka berkahwin dengan harapan mendapat imbuhan keduniaan daripada suami-suami mereka.<sup>114</sup>

---

<sup>112</sup>Al-Maward , *al-Hāwī fī Fiqh al-Syafi'iyyah*, ( Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1994),188.

<sup>113</sup>*Ibid.*231.

<sup>114</sup>Abdul Ghani Azmi bin Haji Idris, *Hukum-hukum Perkahwinan dan Keluarga Islam, Pandangan daripada Pelbagai Mazhab*, Cet. 1( K.L: Dinie Publisher, 1994),370.

2. Rasulullah SAW menghukum isteri-isterinya kerana isteri-isteri itu meminta sesuatu yang tidak dimilikinya atau sesuatu yang diluar kemampuan, sebab seorang suami hanya wajib memberi nafkah kepada isterinya menurut kemampuannya, bukan perkara-perkara di luar kemampuan.

Pendapat yang terkuat antara dua pendapat ini ialah pendapat yang dikemukakan oleh jumhur fuqaha yang mengatakan suami isteri harus berpisah (*fasākh*) disebabkan suami miskin. Pendapat ini terpilih disebabkan alasan-alasan yang dikemukakan berasaskan dalil-dalil adalah kuat. Secara umumnya keharusan *fasākh* ini bertujuan untuk menolak bahaya yang timbul ke atas isteri daripada suami yang tidak mampu membiyai nafkahnya, tidak membebaskan atau menahannya (tidak *fasākhkan* isteri). Dalam keadaan suami tidak mampu dengan cara yang ma'ruf dan konsep bergaul dengan cara yang baik, merupakan sebab tindakan tersebut boleh menimbulkan bahaya terhadap isteri. Oleh itu, *fasākh* adalah jalan keluar kepada persoalan ini. Ia selari dengan sabda nabi Muhammad SAW terhadap seorang lelaki yang tidak mempunyai sesuatu untuk dinafkahkan kepada isterinya dengan sabdanya: "*Ceraikanlah mereka*".<sup>115</sup>

Ulama ahiriyah berpendapat bahawa isteri yang tidak menerima nafkah daripada suaminya tetap menjalankan kewajibannya sebagai isteri dan tidak boleh menolak permintaan suami untuk berhubungan (suami isteri). Isteri harus sabar menerima kenyataan ketidakmampuan suaminya.<sup>116</sup>

## **2.10 Nafkah Isteri Yang Ditinggalkan Suami**

Bagi kes suami yang meninggalkan isteri iaitu berada dinegeri yang berlainan dari tempat tinggal isteri atau menghilangkan diri secara bersembunyi dan tidak memberikan nafkah kepada isteri, isteri berhak menuntut kepada q untuk mendapatkan

---

<sup>115</sup> Riwayat al-D r al-Qutn .

<sup>116</sup> Mahmud Yunus, *Hukum Perkawinan dalam Islam*, (Jakarta: PT Hida karya Agung, 1990), 101.



peruntukan nafkah. Nafkah isteri tetap menjadi kewajipan suami yang meninggalkan isterinya. Q berhak memerintahkan isteri mengambil harta yang ditinggalkan suami mengikut kadar nafkah yang sepatutnya. Kebenaran diberikan atas alasan isteri berhak ke atas harta yang ditinggalkan oleh suami itu apabila jelas terbukti suami tidak menyediakan nafkah sepatutnya.<sup>117</sup>

Sebaliknya jika suami tidak mempunyai harta yang zahir, maka isteri boleh menuntut kepada q untuk mengizinkannya berhutang yang akan menjadi hutang tanggungan suaminya. Q juga boleh mengeluarkan nafkah dengan menggunakan apa cara serta memperuntukkan satu tempoh untuk suami menjelaskan nafkah isteri. Sekiranya suami masih gagal mengirimkan nafkah kepada isterinya sedangkan tempoh masa telah tamat, maka q boleh menjatuhkan talak ke atas isteri.<sup>118</sup>

### **2.10.1 Pengembalian Nafkah Setelah Dicerai Dan Berlaku Kematian**

Islam telah mewajibkan agar mempercepat pemberian nafkah yang diwajibkan ke atas suami terhadap isteri. Hal ini berdasarkan kepada adat yang dilakukan oleh masyarakat setempat. Oleh itu, sekiranya suami memberi nafkah menurut hari ke hari, minggu ke minggu atau bulan ke bulan, malah tahun ke tahun, pemberian nafkah mestilah dilaksanakan seumpamanya. Ulama mazhab Hanafi dan al-Syafi'i berpendapat, bahawa tidak harus dikembalikan semula nafkah yang telah diberikan kepada isteri jika isteri telah menggunakan nafkah yang diberikan oleh suami kepadanya, Walaupun kemudian mereka bercerai atau berlaku kematian ke atas suami. Al-Im m Naw w ada menyebut di dalam *Kitāb al-Rawḍah* yang bermaksud: "Sekiranya nafkah diserahkan kepada isteri satu hari, kemudian dia (isteri) diceraikan oleh suaminya atau dia meninggal dunia pada siang harinya, maka suami tidak berhak meminta dikembalikan nafkah yang telah diberikan itu, bahkan nafkah itu diberi kepada keluarga isteri tersebut, kerana

<sup>117</sup> Al-Sayyid Sabiq, *Fiqh al-Sunnah*, (Kaherah: al-Fatih li 'alam, 2002), 82

<sup>118</sup> Abdul al-'Ati, *Mudakkirāt fī al-Ahwāl al- Syakhsīyah*, (Kaherah: Jami'ah al-Azhar, 1996), 156.

nafkah itu diwajibkan pada awal waktu siang, sekiranya isteri meninggal dunia atau diceraikan oleh suaminya pada waktu siang, sedangkan suaminya belum memberi nafkah kepadanya pada hari tersebut, maka nafkah tersebut menjadi hutang yang mesti ditanggung oleh suaminya”.<sup>119</sup>

Ulama mazhab Hanafi memberalasan berkenaan permasalahan di atas dengan menyatakan bahawa nafkah yang diwajibkan itu merupakan suatu hubungan dan ikatan seperti *hibah*(pemberian). Dengan itu, pemberian tersebut tidak boleh dikembalikan semula sama ada dalam keadaan berlaku kematian pemberi atau yang menerima pemberian.<sup>120</sup>

### 2.10.2 Nafkah Isteri Disegerakan

Abū an-Nafīs dan Abū Yūsuf berpendapat, sekiranya suami mempercepatkan pemberian nafkah kepada isteri, contohnya bagi tempoh setahun yang akan datang kemudian berlaku dalam tempoh tersebut sesuatu yang boleh menyebabkan kewajipan nafkah digugurkan kepada isteri seperti isteri *nūsyūz* terhadap suami atau kematian isteri. Dalam persoalan tersebut suami dan ahli keluarga tidak berhak meminta dikembalikan semula nafkah yang telah diberikan sebelum ini. Ini kerana, pemberian tersebut dianggap sebagai pemberian yang tidak layak untuk dikembalikan semula.<sup>121</sup>

Manakala menurut Muhammad bin Hasan pula, nafkah tersebut hanya dikira semasa tempoh perbelanjaan isteri. Oleh sebab itu, suami berhak mengambil semula nafkah yang masih ada tersebut. Sekiranya tiada dan sudah digunakan, dia berhak mengambil nilai harta tersebut. Hal ini kerana, dia berhak mengambil nafkah kecuali dengan adanya penahanan sempurna (*ihtibās kāmil*). Apabila berakhir penahanan tersebut,

<sup>119</sup> Abu Zakariyyah Yahya bin Syraf al-Nawawi, *Rawdhah al-Thalibin*, (Beirut: Dar al-Risalah, 2001), 85.

<sup>120</sup> Al-Syaikh al-Imām al-Zhid al-Muwafiq Abū Ishāq Ibrahim bin ‘Alī bin Yūsuf ‘Al-Fayrīzī b. al-Sayrīzī, *Al-Muhaddhab*, (Beirut: Dar al-Kutub, 1999), 101.

<sup>121</sup> ‘Abd Malik bin ‘Abd Allāh bin Yūsuf al-Juwainī, *Nihayah al-Matlab fi Dirayah al-Madhab* (Jidāh: Dar al-Minhaj, 2008), 419.

gugur balasan sebagai ganti penahanan tersebut. Oleh sebab itu, isteri tidak berhak mengambil harta tersebut dan wajib mengembalikannya semula.<sup>122</sup>

### 2.10.3 Nafkah hutang

Nafkah hutang berlaku apabila suami tidak dapat menunaikan nafkah isteri sepanjang tempoh kewajipan nafkah tersebut. Suami bertanggungjawab ke atas hutang nafkah berkenaan. Menurut Imam Malik, al-Syafi'i dan Ahmad, masa yang sesuai untuk dikaitkan dengan nafkah hutang yang menjadi tanggungjawab suami ialah semasa suami enggan memberi nafkah kepada isteri. Keengganannya itu menyebabkan dia menanggung hutang nafkah seperti hutang lain. Oleh kerana itu, dia tidak digugurkan hutang nafkah kecuali setelah membayar atau meminta pelepasan (*al-Ibra'*) daripada hutang tersebut. Hal ini kerana nafkah merupakan hak isteri sebagai penahanan dirinya ke atas suami.<sup>123</sup>

### 2.10.4 Nafkah Isteri Ketika Iddah

Ulama bersepakat menyatakan bahawa suami wajib memberi nafkah kepada isteri yang diceraikan dengan *ṭalāq raj'i*, kerana dia masih dihukumkan isteri. Selain itu, suami juga wajib memberi nafkah kepada isteri yang hamil sehingga dia melahirkan kandungannya.<sup>124</sup>

Walau bagaimanapun, ulama bersepakat menyatakan suami tidak wajib memberi nafkah kepada isteri yang kematian suami semasa dia berada dalam *iddah*. Namun, ulama mazhab Maliki berpendapat, suami wajib menyediakan kediaman kepada isteri sepanjang tempoh *iddah* jika kediaman tersebut kepunyaan suami atau disewa sebelum meninggal dunia.

---

<sup>122</sup> Abu 'Abd Allāh Muhammad bin Hasan al-Shaibani, *al-Mabsut*. (Beirut: Dar al Fikr, 1996), 153

<sup>123</sup> Wahbah al-Zuhayli, 4:282.

<sup>124</sup> Ibid.

Namun, ulama berselisih pendapat dalam menentukan sama ada suami wajib menyediakan makanan, pakaian dan kediaman kepada isteri yang diceraikan secara *ba'in*. Menurut ulama mazhab al-Hanafi, suami wajib menyediakan kesemuanya kepada bekas isteri semasa dalam 'iddah. Pandangan ini berbeza dengan pandangan ulama mazhab Hanbali yang berpendapat, suami tidak wajib menyediakan apa-apa bentuk nafkah kepada bekas isteri. Mereka berpandukan kepada apa yang dilakukan oleh Rasulullah SAW. Baginda tidak membenarkan Fa'imah binti al-Qays meminta apa-apa nafkah daripada bekas suaminya Abu 'Amr bin Hafs kerana Fa'imah tidak berhak terhadap nafkah penceraian secara *ba'in*. Manakala ulama mazhab al-Maliki dan al-Syafi'i mengambil jalan sederhana iaitu suami hanya wajib menyediakan kediaman kepada bekas isteri.<sup>125</sup>

## 2.11 Isteri yang Tidak Berhak Mendapatkan Nafkah

Seorang isteri yang memenuhi syarat-syarat wajib nafkah berhak mendapat nafkah tanggungan nafkah daripada suaminya. Sebaliknya jika gagal memenuhi salah satu daripada syarat tersebut, maka akan menggugurkan kewajipan nafkah. Beberapa keadaan yang menggugurkan kewajipan nafkah suami ke atas isterinya adalah seperti berikut:

### 1. Akad yang *Fāsīd*

Perkahwinan yang terhasil daripada akad yang *fāsīd*, seperti seorang lelaki mengahwini saudara sesusu atau berkahwin tanpa saksi, tidak mewajibkan nafkah ke atas suami. Perkahwinan daripada akad yang *fāsīd* tidak memberi hak kepada suami untuk menguasai dan menahan daripada isteri. Malahan dalam keadaan sedemikian pasangan tersebut wajib dipisahkan dan haram melakukan perhubungan suami isteri

---

<sup>125</sup>Wahbah al-Zuhaili, 4:653

serta gugur nafkah isteri. Suami berhak untuk menuntut kemabali nafkah yang telah dikeluarkan sebelumnya, selepas diketahui pernikahannya terbatal kerana akad yang *fāsīd*.<sup>126</sup>

## **2. Isteri yang masih Kecil**

Isteri yang masih kecil ialah isteri yang pada peringkat usianya tidak sesuai untuk disetubuhi dan melakukan persetubuhan. Fuqaha berbeza pendapat dalam menentukan nafkah isteri yang masih kecil. Menurut mazhab al-Syafi'i, tidak wajib nafkah ke atas isteri yang masih kecil dan tidak boleh disetubuhi walaupun dia telah menyerahkan diri kepada suami. Hal ini disebabkan suami tidak menikmati diri isterinya melalui persetubuhan dengannya.

Menurut mazhab Hanafi, jika isteri masih kecil tetapi boleh melakukan persetubuhan, maka hukum nafkah kepadanya sepertimana isteri yang telah dewasa. Menjadi tanggungjawab suami untuk menyediakan segala keperluan dirinya. Sebaliknya jika isteri yang masih kecil itu tidak berkemampuan untuk bersetubuh, maka tidak wajib nafkah ke atas dirinya. Hal Ini kerana isteri tersebut tidak menyerahkan diri untuk tujuan persetubuhan yang menjadi syarat wajib nafkah.<sup>127</sup>

## **3. Isteri yang Sakit**

Sakit yang dimaksudkan ialah kesakitan yang boleh menghalang daripada melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang isteri seperti tidak boleh mengadakan hubungan jenis dengan suami atau tidak boleh menguruskan rumah tangga. Menurut mazhab al-Syafi'i dan Hanbali, isteri yang jatuh sakit selepas menyerahkan diri kepada

---

<sup>126</sup> Abd Malik bin 'Abd Allah bin Yusuf al-Juwaini, *Nihayah al-Matlab fi Dirayah al-Madhab* (Jidah: Dar al-Minhaj, 2008), 430.

<sup>127</sup> Ibid.

suaminya, atau sebelum dia sihat, kemudian jatuh sakit ketika bersama suami, tidak menggugurkan hak nafkah dirinya.<sup>128</sup>

Penyakit isteri aialah perkara mendatang yang tidak menggugurkan kewajipan nafkah, walaupun tidak dapat melakukan persetubuhan. Hal ini kerana isteri telah bersedia menyerahkan dirinya untuk manfaat suami yang menjadi syarat wajib nafkah isteri. Suami wajib menyediakan keperluan-keperluan walaupun isteri mengalami sakit yang menghalangnya daripada melakukan persetubuhan dengan suaminya.

Begitu juga pendapat mazhab Hanafi, yang menyatakan isteri yang sakit sama ada boleh melakukan persetubuhan atau tidak, berhak menerima nafkah dengan menyerahkan dirinya kepada suami. Penyerahan diri isteri yang memungkinkan berlaku persetubuhan terlaksana dengan adanya perpindahan isteri ke rumah suami. Penyerahan diri, isteri yang sakit yang diambil kira untuk tujuan berseronok tanpa bersetubuh, seumpama penyerahan isteri yang sedang haid dan nifas.<sup>129</sup> Dalam situasi sedemikian, isteri yang sakit juga berhak mendapat nafkah walaupun isteri mulai sakit sejak dirumah keluarganya dan tidak mampu berpindah dengan syarat ada persetujuan daripada pihak suami.

Dalam keadaan lain, isteri tidak berhak mendapat nafkah jika isteri sakit di rumah keluarga dan enggan mengikut suami balik ke rumah sedangkan isteri mampu berbuat demikian. Nafkah isteri yang sakit gugur disebabkan berlakunya *nūsyūz* dipihaknya. Dalam situasi lain pula, menurut jumhur fuqahamengatakan bahawa hak nafkah akan gugur sekiranya isteri sakit selepas berlangsungnya akad sebelum berpindah ke rumah suami dan isteri juga tidak mampu untuk berpindah kerana penyakitnya itu. Nafkah

---

<sup>128</sup>Jad al-Haq 'Ali Jad al-Haq, *Buhūth wa Fatāwa Islāmiyah fī Qadhāya Mu'asirah*, juz.4, (Mesir:Al-Azhar al-Syar f, 1995), 157.

<sup>129</sup>Ibid.

isteri gugur kerana tidak ada penyerahan diri yang menjadi syarat wajib nafkah ke atas suami.<sup>130</sup>

#### **4. Isteri yang dipenjara**

Menurut mazhab Hanafi dalam kes isteri yang dipenjara disebabkan dirinya sendiri akan mengugurkan kewajipan nafkah ke atas suami kerana tiada penyerahan diri isteri terhadap suami. Suami pula kehilangan hak menguasai diri isteri yang merupakan syarat wajib nafkah. Menurut mazhab Maliki pula berpendapat isteri yang dipenjara kerana dizalimi tidak akan kehilangan hak nafkahnya kerana kegagalan menyerahkan diri kepada suami bukan disebabkan kesalahan daripada pihaknya. Jelasnya, isteri yang dipenjara tetap berhak menerima nafkah sekiranya dipenjara kerana dizalimi. Sebaiknya, jika isteri dipenjara kerana melakukan jenayah dengan sengaja, maka tidak wajib nafkah ke atas isterinya kerana telah gugur hak suami untuk menikmati diri isteri.<sup>131</sup>

#### **5. Isteri yang Musafir**

Persoalan isteri bermusafir tanpa ditemani suami perlu dilihat dari dua sudut yang berbeza berdasarkan majoriti ulama:

##### **a) Sebelum berpindah**

Fuqaha bersependapat menyatakan tidak wajib nafkah ke atas isteri yang musafir berseorangan untuk sebarang tujuan tanpa ditemani oleh suami atau mahramnya. Suami tidak wajib menyediakan nafkah isteri dalam tempoh musafir tersebut. Hal ini

---

<sup>130</sup> Mus afa al-Siba'i, *Syarh al-Qānūn al-Aḥwāl al-Syakhsyyah*, jil.1, (Mesir: Al-Maktab al-Islam, 1993), 274.

<sup>131</sup> Mu ammad Ab Zahra', *al-Aḥwāl al-Syakhsyyah*. (Beirut: Dar al-Fikr al-Arabi, 1997), 273.

memandangkan perjalanan yang dilakukan oleh isteri akan mengesampingkan masa untuk bersama-sama dengan suami.<sup>132</sup>

#### **b) Selepas berpindah**

Keadaan isteri bermusafir selepas berpindah ke rumah yang disediakan oleh suami perlu dilihat dari beberapa sudut yang berbeza. Menurut Abū an-Nafī'ī dan Mu'ammad ibn al-Asan al-Syaybanī, isteri tidak berhak mendapatkan nafkah daripada suami sekalipun musafir tanpa izin daripada suami. Hal ini kerana, dengan sebab bermusafir tersebut boleh mengesampingkan masa untuk bersama-sama suaminya.<sup>133</sup>

Menurut Abū Yūsuf, sekiranya isteri bermusafir untuk melakukan fardhu haji selepas berpindah, suami wajib memberikan nafkah kepada isteri. Begitu juga pandangan mazhab Maliki dan Hanbali yang menyatakan, bahawa isteri tetap berhak menerima nafkah daripada suaminya jika musafir bersama mahramnya untuk menunaikan fardhu haji. Hal ini kerana menurut pendapat mereka, menunaikan fardhu haji merupakan satu keperluan dan keuzuran syar'ī dan bukan untuk tujuan maksiat.<sup>134</sup>

#### **Kesimpulan**

Didalam al-Quran dan hadis telah dijelaskan bahawa kewajipan suami adalah memberikan nafkah kepada isteri dan anak-anaknya. Para fuqaha menjelaskan nafkah yang diberikan kepada isteri berbentuk nafkah makanan, tempat tinggal, pakaian, pendidikan dan perubatan. Apabila suami telah memberikan nafkah kepada isteri maka isteri berkewajipan mantaati suami akan tetapi apabila suami tidak memberikan nafkah kepada isteri maka isteri boleh meminta cerai. Menurut para fuqaha isteri yang berlaku

---

<sup>132</sup>Jalīl al-Dīn 'Abd al-Ra'mān al-Suyūfī, *al-Asbāḥ wa al-Naẓā'ir fī Qawā'id wa Furū' Fiqh al-Syāfi'iyyah* (Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 1978), 142.

<sup>133</sup>Abū 'Abdī Allah Muhammad bin Hasan al-Syaibānī, *al-Mabsūt*. (Beirut: Dar al-Fikr, 1996), 153

<sup>134</sup>Ibid.



nusyuz kepada suami tidak berhak diberikan nafkah isteri kerana tidak mentaati suami sebagai ketua rumah tangga.

University of Malaya

## BAB III

### NAFKAH ISTERI PERSPEKTIF UNDANG-UNDANG PERKAHWINAN NO.1 TAHUN 1974INDONESIA DAN KOMPILASI HUKUM ISLAM

#### 3.1 Pendahuluan

Akad perkahwinan yang sah akan menimbulkan hak dan kewajipan antara suami isteri dengan adanya pernikahan maka suami wajib menafkahi isterinya secara zahir dan batin. Kewajipan suami adalah membimbing isteri dan anak-anaknya. Suami berkewajipan memberikan nafkah kepada isteri dan anak-anaknya sesuai dengan kemampuannya.

Jika dilihat dari pengaturan nafkah dalam fasal 34 ayat(1) sememangnya suami adalah pihak yang wajib memberikan nafkah kepada isterinya. Hal ini kerana dalam fasal tersebut mengatakan bahawa suami wajib melindungi isterinya dan memberikan segala sesuatu keperluan hidup rumah tangga yang sesuai dengan kemampuannya. Dalam erti lain, seorang suami wajib memberikan segala sesuatu keperluan rumah tangga kepada isterinya, seperti memberikan makan,pakaian,tempat tinggal dan lain-lain.

Tiada sebarang had dalam kadar pemberian nafkah suami kepada isteri. Undang-undang perkahwinan hanya menyatakan kesanggupan suami sahaja. Jika suami mampu memberikan nafkah secukupnya untuk memenuhi keperluan rumah tangga, maka si suamitelah melaksanakan tanggungjawab tersebut. Pelaksanaan tanggungjawab suami untuk melindungi isteri dan memberikan segala keperluan rumah tangga tersebut akan memperkuat kedudukan suami sebagai ketua rumah tangga .

Sesuai dengan fasal 31 ayat 3 dalam undang-undang ini. Tanggungjawab isteri sebagai ibu rumah tangga yang mengatur keperluan rumah tangga tercukupi apabila suami sebagai ketua keluarga melaksanakan kewajipannya tersebut.

Di dalam fasal 41 huruf (c) Undang-Undang Perkahwinan No. 1 Tahun 1974 mengatakan bahawa pengadilan dapat mewajibkan kepada bekas suami untuk memberikan belanja atau menentukan suatu kewajipan bekas suami atau isterinya. Hal ini menunjukkan bahawa kewajipan suami untuk memberikan nafkah tidak langsung berhenti selepas penceraian, namun suami tetap berkewajipan memberikan belanja kepada isteri selama beberapa bulan selepas terjadinya penceraian.

### **3.2 PERUNTUKAN NAFKAH DALAM UNDANG-UNDANG PERKAWINAN NO.1 TAHUN 1974**

Salah satu tujuan perkahwinan dalam Undang-Undang Perkahwinan No.1 Tahun 1974 adalah untuk mendapatkan ketenangan hidup, mendapatkan cinta dan kasih sayang, serta ramah mesra dalam rumah tangga. Dalam mewujudkan tujuan perkahwinan tersebut, iaitu membentuk satu keluarga yang bahagiadi dunia mahupun di akhirat, tentunya tidaklah mudah, sebaliknya perlukan pengorbanan dan usaha yang dapat menghantarkan kepada salah satu tujuannya iaitu memberi nafkah.

Nafkah ialah semua keperluan yang berlaku menurut keadaan dan tempat, seperti, pakaian dan rumah. Kadar nafkah yang diwajibkan adalah mencukupi keperluan serta melihat keadaan dan kemampuan orang yang berkewajipan menurut kebiasaan tempat masing-masing.<sup>135</sup>

---

<sup>135</sup>Wasman & Wardah Nuroniyah, *Hukum Perkahwinan Islam Indonesia, Perbandingan Fiqih dan Hukum Positif*, (Yogyakarta:Teras, 2011), 252.

Dalam undang-undang perkahwinan tidak didapati istilah nafkah. Meskipun tidak ditemukan tetapi didalam salah satu fasal undang-undang tersebut menyentuh tentang masalah nafkah. Tetapi undang-undang perkahwinan tidak menyentuh secara khusus dan spesifik tentangnafkah.<sup>136</sup>

Nafkah hanya diatur dalam fasal 34 ayat (1) disebutkan; Suami wajib melindungi isterinya dan memberikan segala sesuatu keperluan hidup rumahtangga sesuai dengan kemampuannya.<sup>137</sup>

Jika dilihat daripada pengaturan nafkah dalam fasal 34 ayat(1) suami ialah pihak yang bertanggungjawab memberikan nafkah kepada isterinya. Hal ini kerana dalam fasal tersebut menyatakan bahawa suami wajib melindungi isterinya dan memberikan segala keperluan hidupsesuai dengan kemampuannya. Dalam erti lain, seorang suami wajib memberikan keperluan rumah tangga kepada isterinya, merangkumi makan,pakaian,tempat tinggal dan sebagainya.

Dalam aspek kadar pemberian nafkah suami kepada isteri terebut sememangnya tiada had. Didalam undang-undang perkahwinan hanya mengatakan kesanggupan suami sahaja, ertinya jika suami mampu memberikan nafkah cukup untuk memenuhi keperluan rumahtangga maka hendaklah suami melakukan sedemikian. Kewajipan kepada suami untuk melindungi isteri dan menyediakan segala keperluan rumahtangga tersebut memperkuat kedudukan suami sebagai ketua rumahtangga.

Sesuai dengan fasal 31 ayat (3) dalam undang-undang ini, tanggungjawab isteri adalah sebagai ibu rumahtangga yang mengatur keperluan rumahtanggaagar cukup apabila suami sebagai ketua keluarga melaksanakan kewajibannya tersebut.

---

<sup>136</sup>Abdul Manan, *Penerapan Hukum Acara Perdata di Lingkungan Peradilan Agama*, (Jakarta: Prenada Media, 2005), 411.

<sup>137</sup>Jabatan Agama Republik Indonesia. *Undang-undang Republik Indonesia No. 1 Tahun 1974 Tentang Perkahwinan dan Kompilasi Hukun Islam*, (Bandung:Citra Umbara, 2007), 14.

Didalam fasal 41 huruf (C) Undang-Undang Perkahwinan No. 1 Tahun 1974 mengatakan bahawa pengadilan dapat mewajibkan kepada bekas suami untuk memberikanbelanja atau menentukan suatu kewajipan bekas suami atau isterinya. Hal ini menunjukkan bahawa kewajipan suami untuk memberikan nafkah tidak langsung berhenti selepas penceraian, namun suami tetap berkewajipan memberikan belanja kepada isteri selama beberapa bulan selepas berlakunya penceraian.<sup>138</sup>

### **3.2.2 HAK DAN KEWAJIPAN SUAMI ISTERI DALAM UNDANG-UNDANG PERKAHWINAN NO.1 TAHUN 1974**

Apabila akadnikah telah dilaksanakan dan sah memenuhi syarat dan rukunnya, maka akan berlaku hukum tetap. Oleh yang demikian, akan berlaku pula hak dan kewajipan suami isteri dalam keluarga. Yang dimaksudkan dengan hak ialah sesuatu yang diterima oleh seseorang daripada orang lain, sedangkan yang dimaksudkan kewajipan ialah sesuatu yang mesti dilakukan seseorang terhadap orang lain. Dalam rumahtangga suami mempunyai hak dan isteri juga mempunyai hak.

### **3.2.3 Hak dan kewajipan suami isteri**

Hak lelaki dan perempuan dalam lingkungan keluarga dan masyarakat menjadi dua bahagian seperti berikut:

1. Hak Thabi'i, iaitu hak manusia berlaku menurut fitrahnya. Contohnya hak hidup dan merdeka. Hak hidup ialah hak manusia menurut fitrahnya yang dianugerahkan oleh Allah kepada manusia sesuai dengan kadar ketentuan yang telah diberikan Allah. Sedangkan hak merdeka adalah hak yang merupakan fitrahnya. Kemerdekaan maknanya kebebasan noroma-norma sessuai dengan ketentuan Allah dan Rasulullah SAW.

---

<sup>138</sup> Amir Syarifudin, *Hukum Perkawinan Islam di Indonesia*, (Jakarta: Kenacana, 2009), 159.

2. Hak yang diberikan oleh undang-undang, iaitu hak yang dijamin berdasarkan peraturan yang dibuat oleh manusia. Hal ini ditentukan oleh yang membuat undang-undang dan peraturan yang harus dipatuhi oleh semua orang. Hak dan kewajiban suami isteri terdapat dua hak iaitu kewajiban yang bersifat material dan kewajiban yang bersifat bukan material. Bersifat material bererti kewajiban zahir atau merupakan harta benda termasuk mahar dan nafkah. Manakala kewajiban yang bersifat bukan material ialah kewajiban batin seorang suami terhadap isteri, misalnya memimpin isteri dan anak-anaknya serta bergaul dengan isteri secara baik.<sup>139</sup>

Hak dan kewajiban suami isteri diatur dalam Undang-undang perkahwinan No.1 Tahun 1974 dalam satu bab iaitu Bab VI sebagai berikut:

Fasal 30. Suami isteri memikul kewajiban yang luhur untuk menegakkan rumahtangga yang menjadi sendi dasar susunan masyarakat.

Fasal 31. Hak dan kedudukan isteri adalah seimbang dengan hak dan kedudukan suami dalam kehidupan rumah tangga dan pergaulan hidup bersama dalam masyarakat. Masing-masing pihak berhak untuk melakukan perbuatan hukum. Suami ialah ketua keluarga dan isteri ibu rumah tangga.

Fasal 32. Suami isteri harus mempunyai tempat kediaman yang tetap. pertama: Rumah tempat kediaman yang dimaksudkan dalam ayat (1) fasal ini ditentukan oleh suami isteri bersama. Fasal 33. Suami isteri wajib saling mencintai, menghormati, setia dan memberikan bantuan zahir dan batin antara satu sama lain.

Fasal 34. Suami wajib melindungi isterinya dan memberikan segala keperluan hidup rumahtangga sesuai dengan kemampuannya. Isteri wajib mengatur rumah tangga

---

<sup>139</sup> Ahmad Rofiq, *Hukum Perdata Islam di Indonesia* (Jakarta: PT. Raja Grafindra, 2013), 147

sebaik-baiknya. Jika suami isteri melalaikan kewajipannya masing-masing dapat mengajukan dakwaan ke pengadilan.

Daripada fasal-fasal ini jelaslah turaan tentang hak dan kewajipan suami isteri dalam undang-undang perkahwinan tersebut. Maka hak dan kewajipan dapat di bahagi kepada dua bahagian, iaitu; hak dan kewajipan yang berupa kebendaan dan yang bukan kebendaan.<sup>140</sup> Hak dan kewajipan yang berupa kebendaan, iaitu suami wajib memberikan nafkah kepada isterinya. Maksudnya, suami wajib memenuhi keperluan isteri antaranya makanan, pakaian, tempat tinggal, dan keperluan rumah tangga yang lain.

Ketentuan suami untuk memberikan nafkah kepada isteri ini telah ada dalam fasal 31 ayat (3) yang meletakkan suami sebagai ketua keluarga dan isteri sebagai ibu rumahtangga. Suami sebagai ketua keluarga yang bertanggungjawab untuk memberikan nafkah kepada isterinya sesuai dengan kemampuannya. Adapun yang menjadi hak dan kewajipan suami isteri yang bukan kebendaan, adalah seperti berikut:

1. Suami wajib memperlakukan isteri dengan baik.
2. Suami wajib menjaga isteri dengan baik.
3. Suami wajib bersikap sabar dan selalu membina dan membimbing isteri.
4. Isteri wajib melayani suami dengan baik.
5. Isteri wajib memelihara diri.

---

<sup>140</sup>Muhammad Idris Ramulyo, *Hukum Perkawinan Islam: Suatu Analisis dari Undang-undang No.1 tahun 1974 dan Kompilasi Hukum Islam* (Jakarta: Bumi Aksara), hal.63

Menurut Muhammad Khair Ash Shalih, hak –hak suami terhadap isteri adalah seperti berikut :<sup>141</sup>

1. Menghormati, mendengar dan mematuhi hal-hal yang disukai atau dibenci dalam segala aktiviti dan hal-hal yang tidak berguna kecuali suami mengajak untuk berbuat maksiat.
2. Isteri menerima ajakan suami untuk bergaul, kecuali jika isteri mengalami hal-hal yang tidak memungkinkan untuk bergaul.
3. Isteri tidak boleh membenarkan orang lain kedalam rumah.
4. Isteri harus meminta izin kepada suami jika hendak keluar dari rumah.
5. Isteri tidak berpuasa sunnah, kecuali suami mengizinkannya.
6. Semua harta yang akan diambil manfaat harus dengan izin suami
7. Isteri menjaga rumah dan mendidik anak-anak dengan pendidikan yang baik
8. Isteri tidak memintai cerai, kecuali ada alasan yang logik. Contohnya jika suami tidak memberikan nafkah.
9. Isteri tidak menceritakan aib suami kepada orang lain.

### **3.3 Kompilasi Hukum Islam**

Kompilasi Hukum Islamialah kumpulan daripada beberapa pendapat hukum Islam yang diambil dari pelbagai sumber kitab hukum (fiqh) yang mu'tabar yang dijadikan sumber rujukan atau dijadikan pedoman oleh pengadilan agama yang terdiri daripada bab nikah, waris, wakaf.<sup>142</sup>

---

<sup>141</sup>Muhammad khairil Ash Shalih, *Hukum Keluarga Islam Indonesia* ( Bandung: Pustaka Ilmu), 64.

<sup>142</sup>Amir Nuruddin & Azhari Akmal Tarigan, *Hukum Perdata Islam di Indonesia* ( Jakarta : Predana Media,2004), 193.



Kompilasi Hukum Islam berbeza dengan Undang-Undang Perkahwinan, KHI mengatur tentang hak dan kewajiban suami isteri. Pembahasan bermula dari fasal 77-78 yang mengatur hal-hal yang umum, fasal 79 mengenai kedudukan suami isteri, fasal 80 berkenaan dengan kewajiban suami terhadap isteri yang lebih dari seorang, dan fasal 83 berkenaan dengan kewajiban isteri.

### **3.3.1 Kompilasi Hukum Islam Bab XII Hak dan Kewajiban Suami Isteri di bahagi menjadi enam bahagian iaitu:**

Bahagian pertama ialah umumfasal 77 yang berisi fasal-fasal yang sama isinya materinya dengan fasal-fasal yang terdapat dalam Undang-Undang Perjahwinan No. 1 Tahun.1974 iaitu fasal 30-34.<sup>143</sup>

Bahagian kedua, kedudukan suami isteri pada fasal 78 yang menyebutkan:

1. Suami adalah ketua keluarga, dan isteri sebagai ibu rumah tangga.
2. Hak dan kedudukan isteri adalah seimbang (sepadan) dengan hak dan kedudukan suami dalam kehidupan rumah tangga dan pergaulan hidup bersama dalam masyarakat.
3. Masing-masing pihak berhak untuk melakukan perbuatan hukum.

Bahagian ketiga,kewajiban suami pada fasal 80 menyebutkan:

1. Suami ialah pembimbing isteri dan rumah tangganya. Akan tetapi mengenai hal-hal urusan rumah tangga yang penting-penting diputuskan oleh suami isteri.
2. Suami wajib melindungi isterinya dan memberikan segala sesuatu keperluan hidup rumah tangga sesuai dengan kemampuannya.

---

<sup>143</sup>Mardani, *Hukum Perkahwinan Islam & Kompilasi Hukum Islam Indonesia*(Yogyakarta: Graha Ilmu,2011), 11.

3. Suami wajib memberikan pendidikan agama kepada isterinya dan memberikan kesempatan belajar pengetahuan yang berguna dan bermanfaat bagi agama, nusa dan bangsa.
4. Sesuai dengan pendapatan suami mesti menanggung:
5. Nafkah, kishwah, dan tempat kediaman bagi isteri. Nafkah kishwah ialah nafkah berupa pakaian. Kishwah merupakan kewajipan suami terhadap isteri. Oleh kerana itu, kishwah merupakan hak isteri. Pakaian yang dimaksudkan ialah semua keperluan pakaian yang berhubungan dengan anggota badan. Suami wajib memberikan nafkah kishwah kepada isterinya berupa pakaian yang menutup aurat. Isteri berhak untuk menjaga aurat, menjaga kemaluannya dan tidak keluar rumah tanpa izin dari suaminya.
6. Biaya rumah tangga, biaya rawatan dan perubatan bagi isteri dan anak.
7. Biaya pendidikan bagi anak:

Kewajipan suami kepada isterinya, pada ayat (4) huruf (a) dan (b) di atas mula berlaku sesudah ada tahkim sempurna daripada isterinya. Isteri dapat membebaskan suaminya dari kewajipan terhadap dirinya sebagaimana tersebut pada ayat (4) huruf (a) dan (b). Kewajipan suami sebagaimana yang dimaksudkan dengan ayat (5) gugur apabila isterinya berbuat *nūsyūz*.

Bahagian keempat, tempat kediaman pada fasal 81 yang mengatakan:

1. Suami wajib menyediakan tempat kediaman bagi isteri dan anak-anaknya atau bekas isteri yang masih dalam tempoh *i'ddah*.
2. Tempat kediaman ialah tempat tinggal yang layak untuk isteri selama dalam ikatan perkahwinan atau dalam tempoh *iddah* atau *iddah* kematian.
3. Tempat kediaman disediakan untuk melindungi isteri dan anak-anak daripada gangguan dari orang lain, sehingga mereka berasa aman dan tenteram. Tempat

kediaman juga sebagai tempat menyimpan harta kekayaan, sebagai tempat mengurus dan mengatur alat-alat rumah tangga.

4. Suami wajib melengkapi tempat kediaman sesuai dengan kemampuannya serta disesuaikan dengan keadaan lingkungan tempat tinggalnya, berupa alat perlengkapan rumah tangga mahupun yang lainnya.

Bahagian kelima, kewajipan suami yang beristeri lebih daripada seorang pada fasal 82 menyebutkan:

1. Suami yang mempunyai isteri lebih daripada seorang berkewajipan memberi tempat tinggal dan biaya hidup kepada semua isteri secara berimbang menurut besar kecilnya jumlah keluarga yang ditanggung setiap isteri, kecuali jika ada perjanjian perkahwinan.
2. Apabila isteri rela dan ikhlas, suami dapat menempatkan isterinya dalam satu tempat (rumah).

Bahagian keenam, kewajipan isteri, pada fasal 83 menyebutkan:

1. Isteri dianggap sebagai *nūsyūz* sekiranya tidak mahu melaksanakan kewajipan-kewajipan sebagaimana yang dimaksudkan dalam fasal 83 ayat (1), kecuali dengan alasan yang sah.
2. Selama isteri dalam *nūsyūz*, kewajipan suami terhadap isterinya tersebut pada fasal 80 ayat (4) huruf (a) dan (b) tidak berlaku kecuali hal-hal untuk kepentingan anaknya.
3. Kewajipan suami tersebut pada ayat (2) di atas berlaku kembali sesudah isterinya tidak *nūsyūz*.
4. Ketentuan tentang ada atau tiadanya *nūsyūz* daripada isteri harus berdasarkan dengan bukti yang sah.

Menurut Sayuti Thalib terdapat lima hal yang penting. Pertama, pergaulan hidup suami isteri yang baik dan saling mencintai dan menyantuni. Suami isteri harus mewujudkan pergaulan yang ma'ruf di dalam rumah tangga atau dalam masyarakat. Kedua, suami memiliki kewajiban sebagai pemimpin dalam keluarga dan isteri juga memiliki kewajiban sebagai ibu dalam rumah tangga. Ketiga, rumah untuk tempat tinggal disediakan oleh suami dan isteri berkewajiban tinggal bersama suami. Keempat, belanja kehidupan dan keperluan rumah tangga menjadi tanggungjawab suami, sedangkan isteri harus membantu suami mencukupkan biaya hidup. Kelima, isteri bertanggungjawab mengurus rumah tangga yang dengan cara-cara yang baik dan dapat dipertanggungjawabkan.<sup>144</sup>

Menurut Muhammad Thalib, syarat bagi perempuan yang berhak menerima nafkah ada lima. Pertama, ikatan perkahwinan yang sah, Kedua, meyerahkan dirinya kepada suami. Ketiga, suami dapat menikmati dirinya. Keempat, tidak menolak apabila diajak pindah ketempat yang dikehendaki oleh suami. Kelima, isteri tidak berbuat nusyuz.<sup>145</sup>

Bila syarat-syarat di atas telah terpenuhi maka suami berhak memberikan nafkah di antaranya sebagai berikut:

1. Bila isteri telah sanggup menyerahkan dirinya (bergaul) dengan suami salah satu bukti menyerahkan diri ialah bersedia untuk pindah rumah yang telah disediakan oleh suaminya. Apabila suami belum sanggup untuk menyediakan rumah sehingga isteri masih tinggal di rumah orang tuanya maka isteri tetap berhak menerima nafkah.

---

<sup>144</sup>Sayuti Thalib, *Hukum Kekeluargaan Indonesia*, (Jakarta: Universitas Indonesia, 1974), 58.

<sup>145</sup>Muhammad Syaifuddin, Sri Turatmiyah, dan Annalisa Yahanan, *Hukum Penceraian*, (Jakarta: Sinar Grafika, 2014), 36.

2. Apabila suami belum memenuhi hak-hak isteri, misalnya belum membayar mahar, atau isteri meninggalkan rumah suaminya kerana merasa tidak aman untuk tinggal bersama, maka suami tetap wajib memberikan nafkah kepada isteri meskipun isteri tidak memenuhi kewajiban kepada suaminya. Jika suami telah memenuhi hak-hak isterinya sedangkan isteri menolak untuk hidup bersama maka isteri tidak berhak menerima nafkah.
3. Apabila isteri tidak berbuat nusyuz maka suami berkewajiban memberikan nafkah kepada isteri dan anak-anaknya sesuai dengan kesanggupannya. Tetapi apabila isteri berbuat nusyuz maka isteri tidak berhak untuk menerima nafkah.<sup>146</sup>

### **3.4 Akibat Hukum Pengabaian Nafkah terhadap isteri menurut Undang-Undang Perkahwinan No. 1 Tahun 1974**

Didalam Undang-undang Perkahwinan fasal 34 ayat (1) Tahun 1974 tentang perkahwinan: “Suami wajib melindungi isterinya dan memberikan segala sesuatu keperluan hidup rumah tangga sesuai dengan kemampuannya” yang bermaksud suami mempunyai kewajiban untuk memenuhi keperluan keluarga. Suami berkewajiban memberikan isteri makanan, pakaian, dan tempat tinggal. dan keperluan sehari-hari.<sup>147</sup>

Jika suami tidak memberikan keperluan atau melalaikan kewajiban isterinya maka isteri boleh mengajukan atau menuntut untuk cerai ke Mahkamah (Pengadilan Agama). Hal ini sudah diatur dalam fasal 34 ayat (3) Undang-Undang Perkahwinan No.1 Tahun 1974 yang menyatakan bahawa “ Jika suami atau isteri melalaikan kewajibannya maka boleh diajukan dakwaan ke pengadilan.<sup>148</sup>

---

<sup>146</sup> Sayyid Sabiq, *Fiqh Sunnah*, vol 2 (Mesir: Maktabah Dar al Turats), 229.

<sup>147</sup> Djamil Latif, *Aneka Hukum Penceraian Di Indonesia*, (Jakarta: Ghalia Indonesia, 1982), 67.

<sup>148</sup> Amir Nuruddin dan azhari Tarigan, *Hukum Perdata Di Indonesia*, (Jakarta:Kencana, 2004), 221.

Bentuk-bentuk kelalaian tanggungjawab suami atau isteri, antara lain:

1. Lalai dalam mewujudkan rumah tangga sakinah, mawaddah dan warahamah.
2. Tidak seimbang hak dan kewajipan antara suami dan isteri dalam rumahtangga hingga berakibat salahsatu dirugikan.
3. Lalai dalam hal kepemimpinan di dalam rumah tangga. Suami adalah pemimpin dalam keluarga dan isteri adalah ibu rumah tangga.
4. Tidak saling mencintai dan tidak saling menghormat, tidak saling setia dan tidak saling memberi bantuan zahir dan bathin antara suami dan isteri.
5. Lalai dalam hal penjagaan kesihatan, memelihara dan membimbing anak-anak masa pertumbuhan mahupun agamanya.
6. Salah satu melakukan perbuatan hukum yang dapat merugikan suami atau isteri.
7. Suami tidak melindungi dan tidak memberikan keperluan hidup rumah tangga, sedangkan ia berkemampuan (sanggup untuk menafkahi)
8. Suami tidak membimbing isteri, tidak memberikan pendidikan agama dan tidak memberikan kesempatan untuk belajar ilmu pengetahuan yang bermanfaat atau berguna bagi agama dan negara.
9. Suami tidak menanggung dan tidak bertanggungjawab dalam persoalan nafkah, pakaian, dan tempat tinggal, biaya rumah tangga, biaya perawatan, biaya pengobatan bagi isteri dan anak serta biaya pendidikan anak.
10. Suami tidak berlaku adil kepada isteri-isteri dan anak-anaknya, dalam soal nafkah, membagi masa untuk tidur bersama isteri-isteri ( bagi yang berpoligami) dan lainnya.

Sekiranya suami tidak melaksanakan kewajibannya maka isteri boleh membuat aduan kepada pengadilan tentang hal tersebut. Selagi dihubungkan dengan masalah pengabaian nafkah terhadap isteri, maka isteri mempunyai hak mengajukan dakwaan kelalaian atas kewajiban suami ke pengadilan agama Indonesia.<sup>149</sup>

Menurut Andi Syamsu, meskipun dibolehkan undang-undang, tetapi sebahagian masyarakat tidak mengetahui dakwaan nafkah boleh diajukan. Misalnya sekiranya si anak memerlukan pembiayaan persekolahan, namun bapanya enggan menafkahnya sedangkan dia mampu maka boleh di tuntutan di pengadilan agama. Hal ini dibolehkannya dakwaan nafkah, untuk terciptanya keluarga yang harmonis. Hakim sebagai pembuat keputusan selalu menekankan supaya isteri yang ingin bercerai harus mempunyai bukti yang jelas, jumlah pendapatan suami, serta nafkah yang layak diberikan untuk isteri dan anak. Jika semua bukti telah lengkap maka isteri boleh mengajukan dakwaan nafkah agar kewajiban dapat diberikan oleh suami sesuai dengan pendapatan.<sup>150</sup>

Dalam fasal 19 Peraturan Pemerintah Nomor 9 Tahun 1975 tentang pelaksanaan Undang-Undang Perkahwinan Nombor 1 Tahun 1974 tentang perkahwinan, bahawa alasan-alasan perceraian yang disebut di dalam fasal 19 Peraturan Pemerintah Nomor 9 Tahun 1975 tersebut adalah merupakan faktor tidak memenuhi atau kelalaian terhadap kewajiban suami atau isteri sehingga boleh dilakukan tuntutan perceraian yang diajukan ke pengadilan agama.

---

<sup>149</sup>Titon Slamet Kurnia, *Pengantar Sistem Hukum Indonesia*, (PT. Alumni, Bandung, 2009), 49.

<sup>150</sup>Andi Syamsu, *Hukum Perdata Islam Di Indonesia*, (Sinar Grafika. Jakarta. 2002), 144.

Menurut ketentuan fasal 10 Pemerintah Nomor 9 Tahun 1975, penceraian boleh terjadi kerana alasan-alasan sebagai berikut :

1. Salah satu pihak berbuat zina atau minum arak dan perbuatan-perbuatan yang diharamkan oleh syarak.
2. Salah satu pihak meninggalkan rumah selama dua tahun tanpa izin dan alasan yang tidak jelas.
3. Salah satu pihak mendapat hukuman penjara selama lima tahun atau hukuman yang lebih berat selepas perkahwinan.
4. Salah satu pihak mendapat cacat badan atau penyakit dengan sebab tidak dapat menlankan kewajipannya sebagai suami/isteri.
5. Antara suami dan isteri setiap hari berlaku pertengkaran dan tidak ada harapan akan hidup aman dan damai.

Menurut Undang-Undang Perkahwinan Nombor 1 Tahun 1974 putusnya perkahwinan kerana penceraian mempunyai akibat hukum terhadap anak, bekas suami atau isteri dan harta bersama tentang akibat putusnya perkahwinan kerana perceraian diatur dalam fasal 41, iaitu:

- a. Bapa atau ibu tetap berkewajipan menjaga, memelihara dan mendidik anak-anaknya, jika ada perselisihan antara bapa dan ibu mengenai pengasuhan anak-anak maka perlu diselesaikan di pengadilan Agama .
- b. Bapa yang bertanggungjawab keatas semua biaya hidup dan penddikan yang diperlukan anak jika bapa tidak dapat memenuhi kewajipannya, maka pengadilan dapat memutuskan bahawa ibu turut serta bertanggungjawab biaya tersebut.



- c. Pengadilan dapat mewajibkan kepada bekas suami untuk memberikan biaya hidup atau menentukan kewajiban bagi bekas isteri.<sup>151</sup>

Selain daripada itu, jika suami tidak memberikan nafkah kepada isteri, maka ini juga disebut sebagai mengabaikan tanggungjawab rumah tangga. Perbuatan mengabaikan tanggungjawab rumah tangga ini di atur dalam fasal 9 Undang-Undang KDRT seperti berikut:

1. Setiap orang dilarang mengabaikan tanggungjawab orang dalam tanggungan rumah tangganya, diantaranya tidak memberikan nafkah kepada isteri, padahal menurut hukum yang berlaku baginya atau kerana persetujuan dan perjanjian ia wajib memelihara dan menjaga yang dibawah tanggungannya.
2. Pengabaian tanggungjawab yang dimaksudkan di atas adalah jika suami tidak memberikan nafkah kepada anak-anaknya.

Pengabaian tanggungjawab yang dimaksudkan diatas, apabila suami tidak memberikan nafkah rumahtangga, juga termasuk seperti membiarkan isteri bekerja untuk mencari nafkah. SHal ini di mana suami tidak memenuhi keperluan isteri dan anak yang menjadi tanggungjawabnya sebagai seorang suami. Tetapi jika suami dan isteri mempunyai pendapatan (pekerjaan), maka kewajiban nafkah tetap menjadi tanggungjawab suami. Isteri hanya membantu suami unuk memenuhi keperluan rumahtangga.

Meskipun pendapatan isteri lebih besar daripada suami, isteri tetap mendapatkan nafkah sesuai dengan kemampuan suami. Tetapi sekiranya suami memaksa isteri untuk bekerja atau mengabaikan tanggungjawab ke atas isteri dan anak-anaknya yang menjadi tanggungannya, maka suami mendapat ancaman hukuman berdasarkan dengan fasal 49

---

<sup>151</sup>Ibid.

dan 50 undang-undang kekerasan dalam rumahtangga maka jika sabit kesalahan boleh didenda sebanyak Rp.15.000.000 (lima belas juta Rupiah) atau dipenjara sehingga maksimumtiga tahun. Fasal tersebut sebagai berikut:

1. Mengabaikan tanggungjawab ke atas orang lain dalam rumah tangga sebagaimana yang dimaksud dalam fasal 9 ayat (1).
2. Mengabaikan tanggungjawab ke atas orang lain sebagaimana yang dimaksudkan dalam fasal 9 ayat (2) iaitu: Isteri boleh bekerja didalam rumah dan di luar rumah. Tetapi suami berhak m elerang isteri bekerja, apabila pekerjaan isteri bertentangan dengan hukum yang berlaku.

### **Kesimpulan**

Bahawa di dalam Undang-Undang Perkawinan no.1 Tahun 1974, kewajipan suami ialah melindungi isteri dengan memberikan nafkah kepada isteri dan anak-anaknya sesuai dengan kemampuannya. Begitu juga di dalam Kompilasi Hukum Islam (KHI) yang terdapat di dalam fasal-fasal tentang suami harus memberikan nafkah iaitu nafkah seperti makanan, tempat tinggal, pakaian, serta pendidikan isteri dan pendidikan anak-anak.

Apabila suami tidak memberikan nafkah kepada isteri sesuai dengan Undang-Undang Perkawinan no. 1 Tahun 1974 dan Kompilasi Hukum Islam maka isteri berhak memohon kepada pengadilan agama untuk cerai. Suami yang tidak memberikan nafkah kepada isteri maka suami telah mengabaikan tanggungjawab ke atas keluarganya. Suami yang mengabaikan tanggungjawab ke atas isteri dan anak-anaknya iaitu tidak memberikan nafkah kepadanya maka suami telah melakukan kekerasan didalam rumah tangga (KDRT) maka suami mendapatkan hukuman sesuai dengan fasal 49 dan 50 iaitu di denda dan penjara maksimum tiga tahun.

## **BAB IV**

### **ANALISIS AMALAN ISTERI MEMBERIKAN NAFKAH KEPADA SUAMI DI DESA SARI GALUH WILAYAH RIAU INDONESIA PERSPEKTIF UNDANG-UNDANG PERKAHWINAN NO.1 TAHUN 1974**

#### **4.1 Pengenalan**

Dalam bab empat ini, penulis akan mengkaji amalan isteri memberikan nafkah kepada suami di Desa Sari Galuh. Perbahasan ini dimulakan dengan mengenal pasti kawasan kajian dan latar belakang responden. Kemudian penyelidik juga akan berhubung langsung dengan isteri yang memberikan nafkah kepada suami melalui temu bula mendalam (in-depth interview).

#### **4.2 Metodologi Kajian**

##### **4.2.1 Kaedah Temu Bual Mendalam**

Kaedah temu bual mendalam telah dipilih untuk mendapatkan data responden daripada kumpulan ibu (isteri). Kajian lapangan ini telah dilakukan pada bulan Juli hingga September 2016.

##### **4.2.2 :Instrumen Kajian**

Kajian temu bual ini menggunakan borang yang mengandungi soalan temu bual berstruktur separa. Pengkaji telah menemu bual sendiri setiap responden dengan kadar masa selama satu jam tiga puluh minit hingga dua jam bagi setiap responden bergantung kepada data dan maklumat yang dikongsi oleh responden.

#### 4.2.4 Saiz Sampel

Saiz sampel dalam kajian kualitatif ialah sehingga mencapai ketepuan data yang diinginkan. Saiz sampel dalam kajian ini, tidak ditentukan seperti saiz sampel yang telah di piawaikan bilangannya dalam kajian kuantitatif yang bukan menjadi tujuan bagi kajian kualitatif.

Menurut Neuman, proses pensampelan dalam kajian kualitatif berbeza dengan proses pensampelan dalam kajian kuantitatif kerana masing-masing mempunyai tujuan yang berbeza. Strategi kajian pensampelan kajian ini misalnya, bukanlah untuk membuat generalisasi, tetapi untuk memilih responden yang boleh mewakili kepelbagaian pengalaman dan situasi yang menjadi fokus kajian ini.

Bagi kajian ini, titik ketepuan telah dicapai pada pemilihan responden ke-18 Titik ketepuan ialah apabila maklumat yang baharu tidak lagi ditemui atau maklumat yang diperoleh sudah bertindan dengan maklumat yang diperoleh sebelumnya. Drake dan Jonson Reid menyatakan titik ketepuan ini merupakan ukuran asas yang penting dan baik dalam kajian kualitatif dalam menentukan kecukupan data. Bagi kaedah temu bual mendalam, ketepuan telah dicapai pada responden ke-13.<sup>152</sup>

Menurut Othman Lebar, konsep ketepuan maklumat perlu diseimbangkan dengan batasan masa, kewangan dan faktor-faktor lain seperti keterlembihan bahan sumber, kemunculan keseragaman dan had sempadan kajian.<sup>153</sup> Justeru, apabila kajian ini telah mencapai titik ketepuan pada responden pada pemilihan responden ke-18, maka dikira sudah memadai dari sudut kecukupan dan menurut kaedah kajian kualitatif.

---

<sup>152</sup>W. L. Neuman, *Social Research Method: Qualitative and Quantitative Approaches*. cet. ke-7 (Boston: Person, 2011), 241

<sup>153</sup>Othman, *Social Work Research Method : From Conceptualization to Dissemination* (New York : Person Education Inc, 2007), hal. 138-139.

#### **4.2.5 Prosedur Kajian**

1. Persiapan soalan temu bual, menstrukturkan semula soalan temu bual sekiranya bersesuaian.
2. Memilih kawasan temu bual dan responden yang mempunyai kepelbagaian ciri yang dikehendaki.
3. Memasuki lapangan kajian, menjalankan hubungan baik dengan masyarakat, memastikan responden terlibat dengan kajian dengan kerelaan(sukarela) dan bukan paksaan. Kerelaan responden untuk terlibat dalam kajian merupakan salah satu kriteria yang perlu dipatuhi dalam menjalankan dengan responden.
4. Menjalankan temu bual
5. Mendengar, melihat dan mencatat.
6. Merekodkan data melalui catatan.
7. Menganalisis data, membuat laporan dan penulisan

#### **4.3 Keadaan Geografi**

Desa Sari Galuh merupakan salah satu kapung dalam Kecamatan Tapung yang di mana Kecamatan Tapung terdiri daripada 25 Desa dan satu kecamatan. Kemudian secara pentadbirannya, Desa Sari Galuh termasuk dalam Wilayah Kecamatan Tapung Kabupaten Kampar, Riau, Indonesia.

Adapun batas Wilayah Desa Sari Galuh adalah sepertiberikut:

- Sebelah timur bersempadan dengan Desa Karya Indah Kecamatan Tapung.
- Sebelah utara bersempadan dengan Desa Pantai Cermin Kecamatan Rumbio.
- Sebelah selatan bersempadan dengan Desa Tambusai Kecamatan Tapung.
- Sebelah barat bersempadan dengan Desa Pantai Cermin Kecamatan Tapung.

Secara geografi, Desa Sari Galuh berada di bahagian barat bumi dengan longitud 108\_110 BT dengan longitud Lintang 0\_20 LS, ketinggian tiga meter dari permukaan laut dengan curahan hujan sekitar 200 mm setahun,serta beriklim tropika yang dipengaruhi oleh angin laut sehingga dicurahi isi padu hujan yang cukup tinggi.<sup>154</sup>

Keadaan tanah di Desa Sari Galuh seluruhnya terdiri daripada daratan rendah yang landai, subur dan sangat sesuai untuk jenis tanaman kelapa sawit,padi dan palawijaya(seperti kacang, ubi, jagung). Tanah jenis ini terletak lebih kurang 2.330 meter dari tebing sungai. Kemudahan pengangkutan awam yang digunakan ialah sungai.Sungai Kampar merupakan satu-satunya sungai terbesar di Kabupaten Kampar dan merupakan penghubung antara kampung-kampung untuk ke Kecamatan Tapung.

Untuk kemudahan pengangkutan jalan darat,kenderaan awam (motor yang disewa) digunakan kerana jarak perjalanannya dari Kecamatan ke Desa Sari Galuh yang jauh dan keadaan jalannya yang kerosakan. Tanah dikawasan Desa Sari Galuh ialah tanah gambut dan banyak rawa-rawa sehingga menyebabkan Desa ini beriklim panas yang dipengaruhi oleh dua musim iaitu musim hujan dan kemarau.Musim hujan terjadi sekitar bulan Oktober hingga Februari, Manakala musim kemarau terjadi sekitar bulan Mac hingga September dengan suhunya yang sederhana.

Kedua-dua musim tersebut sangat mempengaruhi kehidupan masyarakat,kerana dalam musim kemarau kegiatan pertaniannya begitu pesat,sehingga masyarakat dapat mengerjakan pertaniannya dengan baik.Pada musim hujan juga turut penting kerana selain untuk menyuburkan tanah, takungan hujan juga menjadi sumber air minuman bagi masyarakat.

---

<sup>154</sup>Dokumen Pemerintah Kabupaten Kampar, Profil Desa Sari Galuh Kecamatan Tapung kabupaten Kampar, 2015.

#### 4.2.2 Sosial dan budaya (adat) Desa Sari Galuh

Desa Sari Galuh merupakan salah satu desa terpencil, dan majoriti pekerjaannya terdiri daripadapetani dan peternak, memerlukan perjalanan yang jauh dan masa yang lama untuk sampai kebandar. Namun keadaan Desa Sari Galuh disokong dengan fasiliti kegiatan masyarakat desa, dan memiliki kehidupan sosio budaya yang sangat padat dengan nilai. Hal ini yang membezakan antara keadaan sosial masyarakat kota dan masyarakat desa (kampung).

Desa Sari Galuh mempunyai banyak peraturan adat dan budaya. Seperti dalam hal perkahwinan, sebelum berlangsungnya majlis, ibu bapa sudah memaklumkan kepada anaknya (perempuan) bahawa yang mencari nafkah keluarga adalah isteri dan begitu juga mahar perkahwinan adalah dari isteri, dan isteri bertanggungjawab dalam rumahtangga. Sedangkan suami perlu mengurus rumah dan menjaga anak. Ini adalah aturan adat yang ada di Desa Sari Galuh Kecamatan Tapung.<sup>155</sup> Di samping itu masih kuatnya *tepo seliro* (bertolak angsur) sesama manusia dengan jiran tetangga sekitarnya dan sangat mengutamakan persaudaraan berbanding kepentingan sendiri, yang menjadi bukti wujudnya saling membantu antara satu saam lain.<sup>156</sup>

Kejayaan dalam menerapkan nilai-nilai sosial budaya tersebut disebabkan adanya usaha-usaha masyarakat untuk menjaga persatuan dan persaudaraan melalui kegiatan-kegiatan masyarakat secara langsung dan tidak langsung. Kegiatan-kegiatan kemasyarakatan itu dapat dibezakan mengikut kumpulan umur, seperti berikut:<sup>157</sup>

1. Perkumpulan secara arisan bersama bapa-bapa yang diadakan (dilaksanakan) oleh setiap rukun tetangga (RT). Dalam perkumpulan ini selalu dibincangkan segala yang berkaitan dengan kehidupan dan keperluan masyarakat diperingkat RT dan penyelesaian akan dicari secara bersama-sama.

---

<sup>155</sup> Temu bual dengan Sumanto (ketua Adat Desa Sari Galuh) di Desa Sari Galuh, 25 Jun 2016. 13.00

<sup>156</sup> Temu bual dengan Supardi, ketua Rukun Tangga (RT), di Desa Sari Galuh Pada tarikh 25 Jun 2016. Rukun tangga adalah ketua dari beberapa rumah atau kelompok di Desa Sari Galuh.

<sup>157</sup> Arsip (dokumen) yang menjadi acara-acara yang di laksanakan di Desa Sari Galuh Kecamatan Tapung.

2. Perkumpulan ibu-ibu Pembinaan Kesejahteraan Keluarga (PKK) setiap minggu, terdiri daripada barisan RT dan perkumpulan arisan dasawisma, perkumpulan dan arisan ibu-ibu dilaksanakan di peringkat RT, memiliki fungsi dan manfaat seperti pada perkumpulan arisan bapa-bapa. Perkumpulan arisan dasawisma dan ibu-ibu PKK diadakan di peringkat Rukun Warga (RW). Perkumpulan PKK memiliki fungsi untuk meningkatkan kemampuan dan peranan yang positif bagi ibu-ibu dalam keluarga. Meskipun arisan dasawisma merupakan arisan kelompok yang lebih kepada nilai ekonomi, di dalamnya juga terdapat nilai-nilai sosio budaya.
3. Perkumpulan pemuda setiap RT/RW, dan kelurahan. Perkumpulan pemuda atau disebut dengan Karang Taruna (KT) merupakan pertemuan yang dibentuk dan diadakan bagi pemuda dengan tujuan antara lain:
  - a. Untuk menjaga persatuan dan memperkukuh rasa persatuan antara pemuda.
  - b. Sebagai platform latihan pemuda untuk mengeluarkan pendapat serta untuk menyelesaikan masalah melalui jalan perbincangan.
  - c. Platform latihan berorganisasi dan hidup bermasyarakat bagi pemuda.
  - d. Sebagai Platform transformasi segala informasi daripada pemerintah yang perlu diketahui oleh para pemuda di Desa Sari Galuh Kecamatan Tapung Kabupaten Kampar.
  - e. Sebagai Platform untuk mengembangkan minat dan bakat para pemuda yang akan bermanfaat untuk generasi seterusnya sebagai penerus kehidupan bermasyarakat di Desa Sari Galuh Kecamatan Tapung Kabupaten Kampar.

Adapun kegiatan-kegiatan agamayang masih menjadi budaya dalam kehidupan masyarakat Desa Sari Galuh sebagai berikut:

1. Walimah perkahwinan. Sebelum dimulai dengan walimah perkahwinan, walimah peminangan (tukar cincin menurut adat Jawa) terlebih dahulu didahului dengan



permintaan daripada utusan calon pengantin lelaki atau ibu bapanya sendiri kepada calon pengantin perempuan. Kemudian akan dilanjutkan ke tahap perkahwinan yang mengandungi acara (kegiatan) Islam misalnya bacaan Tahlil dan Yasin yang bertujuan untuk keselamatan kedua-dua pengantin (calon suami-isteri), dengan dihadiri oleh seluruh keluarga, tetangga dan masyarakat setempat.

2. Upacara anak dalam kandungan. Upacara ini ia meliputi beberapa tahap, antaranya; acara anak dalam kandungan, ngepati iaitu suatu acara yang dilaksanakan pada waktu anak masih dalam kandungan berumur 4 bulan, kerana dalam masa 4 bulan, menurut kepercayaan umat Islam, malaikat meniupkan roh kepada janin.
3. Mitoni atau Tingkepan iaitu upacara yang diadakan ketika waktu anak dalam kandungan berumur kurang lebih 7 bulan dan acaranya dilakukan pada malam hari, yang dihadiri oleh keluarga, tetangga dan ustaz-ustaz membaca surah al-Tawbah.
4. Acara kelahiran anak (Babaran atau Brokohan). Acara ini dilakukan ketika anak berumur 7 hari dari hari kelahirannya. Acara diadakan doa selamat yang disebut sebagai "Brokoha". Acara ini diisi dengan pembacaan kitab *Al-Barzanji*. Kemudian jika anak itu lelaki, maka perlu disembelih dua ekor kambing manakala perempuan hanya seekor.
5. Acara Tuden iaitu anak mula boleh berjalan. Selama mana anak dari awal lahir dan belum boleh berjalan, setiap masa kelahirannya biasanya diadakan doa selamat dengan nasi Gungan dan lauk sekadarnya untuk diberikan kepada tetangga.
6. Acara Khitanan/Tetakan. Acara diadakan terutama bagi anak lelaki. Biasanya diadakan secara sederhana atau besar sesuai dengan kemampuan ekonomi keluarga. Tetapi kalau hanya mempunyai satu orang anak (ontang-anting),

kepercayaan dari orang Jawa, anak tersebut perlu di “Ruwat” dengan menanggapi wayang kulit yang isi ceritanya menceritakan “Batara” dengan memberi sesaji tumpengan atau daging panggang agar tidak dimakan rembulan.

7. Selamatan menurut Kelender Jawa(taqwim). Antara tarikh kalendar umat Islam yang biasanya dilakukan selamatan(acara doa): 1 Syura, 10 Syura untuk menghormati Hasan dan Husein cucu Nabi Muhammad SAW, tanggal 12 Maulud (Rabiulawal) untuk memperingati kelahiran Nabi Muhammad SAW, tanggal 27 Rejab untuk memperingati Israk dan Mikraj Nabi Muhammad SAW, tanggal 29 Ruwah(dugderan), 17 Ramadan (memperingati Nuzul al-Qur’ n), 23,24,27 dan 29 malam, 1 Syawal (hari raya puasa), 7 Syawal (katupatan) biasanya diramaikan dengan membuat ketupat dan digunakan untuk selamatan(acara doa) di surau terdekat.<sup>158</sup> Pada bulan Zulkaedah, mereka mengadakan acara sedekah bumi, dan ketua Desamemukul gong sebagai tanda untuk mengingatkan warga masyarakat untuk masak-masak (memasak secara bersama). Setelah maghrib, mereka menyiapkan sebahagian untuk selamatan (doa selamat) di surau terdekat.Upacara pengebumian jenazah. Salah satu daripada upacara pengebumian jenazah adalah upacara “Brobosan”, upacara ini dilakukan oleh keluarga terdekat yang tujuannya untuk mengikhlaskan kematiannya. Adat kebiasaan di atas merupakan nilai/norma yang berasal daripada leluhur(nenek moyang) yang telah dipraktikkan dalam masyarakat.<sup>159</sup>

---

<sup>158</sup>Temu bual dengan Darwis (tokoh Masyarakat) di Desa Sari Galuh Kecamatan Tapung, Pada 18 Juni 2016.

<sup>159</sup>Arsip (dokumen) yang menjadi setiap acara-acara yang di laksanakan di Desa Sari Galuh Kecamatan Tapung.

### **4.2.3 Faktor Pemilihan Lokasi Kajian**

Isu kewajipan isteri memberikan nafkah kepada suami dalam kalangan masyarakat Desa Sari Galuh mengandungi pelbagai reaksi daripada pengadilan agama dan khususnya Majelis Ulama Indonesia (MUI) Kabupaten Kampar. Di Kecamatan Tapung terdiri daripada 24 desa dan Desa Sari Galuh Kecamatan Tapung telah terpilih sebagai lokasi kajian.

Pemilihan lokasi kajian ini adalah kerana ia merupakan antara desa yang banyak berlaku isteri memberikan nafkah kepada suami dalam kalangan masyarakat Desa Sari Galuh. Masyarakat yang mewajibkan isteri memberikan nafkah kepada suami semuanya beragama Islam.

### **4.3 Amalan Isteri Memberikan Nafkah kepada suami**

Apabila seorang perempuan telah menyerahkan dirinya kepada suaminya dengan sebab berkahwin, maka wajiblah atas suami memberi belanja kepada isterinya. Tentang banyak atau sedikitnya belanja, itu adalah mengikut keadaan dan kemampuan suami, bukan mengikut keadaan isteri, tetapi hendaklah suami memberi belanja dalam semua perkara atau bahagian tersebut dengan munasabah, sekalipun isterinya itu daripada golongan orang yang rendah atau miskin. Bagaimanapun, gugurlah segala nafkah tersebut jika isterinya itu tidak taat kepada suaminya. Contohnya, dia diajak berpindah oleh suaminya ke tempat munasabah tetapi dia enggan mengikutinya, atau dia keluar rumah tanpa izin suaminya.

Menurut Datuk Sugiano<sup>160</sup> dalam masyarakat Desa Sari Galuh majlis peminangan (tuakr cincin) daripada permintaan perwakilan lelaki atau ibu bapanya sendiri kepada calon pengantin perempuan biasanya dilakukan terlebih dahulu sebelum dilaksanakan majlis perkahwinan. Setelah itu akan dilakukan perasmian perkahwinan yang ada

---

<sup>160</sup>Temu Bual dengan Datuk Sugiono, Ketua Kampung, di Desa Sari Galuh Kecamatan Tapung, 25 jun 2016

didalamnya aktiviti keagamaan misalnya bacaan tahlil dan yasin yang bertujuan untuk keselamatan kedua-dua pengantin (lelaki dan perempuan).

Menurut Sumanto,<sup>161</sup> amalan isteri yang memberikan nafkah kepada suami di Desa Sari Galuh disebut sebagai pertalian darah atau garis keturunan ibu (*matrilineal*) dan bentuk perkahwinan dinamakan “*Kahwin Samando*” iaitu perkahwinan yang bertujuan meneruskan garis keturunan dari pihak ibu.

Perkahwinan yang mempertahankan tertib *matrilineal* tidak disertai pembayaran-pembayaran seperti “*jujur*” ataupun pemberian perkahwinan. Suami menetap di bawa tanggungan keluarga isteri dan bergaul dengan kerabat isteri “*urang sumando*”. Saat berlakunya pernikahan, yang disebut dengan istilah dijapuik (dijemput) dari rumahnya dengan sekadar upacara untuk meluluskan dia pergi (melepas pengantin dan kemudian dibawa kerumah isteri).

Pada masa akad nikah yang memberi mahar adalah calon isteri kepada calon suami. Kemudian saat perkahwinan calon pengantin lelaki dijemput dari rumahnya dengan sekada acara adat. Kemudian dibawa ke rumah calon isterinya. Acara adat menjemput itu disebut dengan “alat melepas pengantin”. Suami seterusnya berdiam dirumah keluarga isterinya . Setelah mereka hidup bersama sebagai suami isteri, maka yang memberi nafkah adalah isteri. Isteri berkewajipan memberikan nafkah kepada suami kerana mengikut kepada adat yang mereka yakini dari zaman nenek moyang mereka. Suami berdiam diri di rumah dengan melaksanakan aktiviti (pekerjaan) seperti pekerjaan yang biasa dilakukan oleh seorang isteri.<sup>162</sup>

---

<sup>161</sup>Temu Bual dengan Sumanto, Ketua Adat , di Desa Sari Galuh Kecamatan Tapung, 24 jun 2016

<sup>162</sup>Temu bual dengan Tuan Budi Gunawan (toko Masyarakat) di Desa Sari Galuh kecamatan Tapung 30 jun 2016

### 4.3.1 Maklumat Demografi Responden

**Jadual 4. 1 Maklumat Demografi ( Temu bual dengan responden)**

<b>N o</b>	<b>Na ma Responde n (R)</b>	<b>Umur</b>	<b>Suku</b>	<b>Pekerjaan Responden</b>	<b>Pendidikan</b>	<b>Jumlah Anak</b>	<b>Pendapatan Responden</b>
1	Salimah	39	*J	*P	SMP	3	700
2	Ulfa Ningsi	44	*M	*P	SMP	2	600
3	Sarwinda	46	*J	*B	SMA	5	850
4	Rukayyah	41	*J	*N	SD	4	800
5	Zakiah	47	*M	*N	SMP	2	800
6	Ayu	42	*J	*P	SD	4	800
7	Fitria	40	*J	*P	SD	3	750
8	Susanti	47	*J	*P	SD	2	650
9	Hertina	51	*M	*B	SD	5	850
10	Jumiati	48	*J	*N	SD	4	750
11	Rodiah	46	*J	*N	SMP	2	600
12	Ani soraya	53	*M	*P	SMP	4	800
13	Rika Putri	42	*J	*P	SD	3	700
14	Neni sulas	49	*M	*P	SD	3	850
15	Suryani	40	*J	*P	SD	4	800
16	Fera Sari	46	*M	*P	SMP	2	750
17	Neneng	44	*J	*P	SMP	3	850
18	Hasniati	47	*J	*P	SD	2	600

**Catatan :**

R	:	Responden
J	:	Jawa
M	:	Minang
SD	:	Sekolah dasar/ Sekolah rendah
SMP	:	Sekolah Menengah Pertama (tingkatan 1-3)
SMA	:	Sekolah Menengah Atas ( tingkatan 4-5)
P	:	Petani
B	:	Berniaga
N	:	Nelayan

Hasil maklumat daripada temu bual dapat dianalisis berdasarkan beberapa tema. Tema ini dibentuk berdasarkan soalan temu bual dan objektif kajian. Daripada temu bual yang dijalankan di dapati bahawa:

**Pertama: Kerelaan isteri**

Bagi R1 meskipun bekerja untuk keperluan hidup keluarga tetapi dia melihat ini merupakan suatu kebanggaan bagi isteri apabila dirinya bekerja dan memberikan wang kepada suami dan anaknya. R3 tetapi ada juga isteri merasa senang kerana boleh mengerjakan apa yang dikerjakan oleh suami untuk bekerja mencari nafkah segala keperluan isteri dan rumah boleh dibeli tanpa meminta izin dari suami.

“ Saya sangat senang kalau saya bagi duit kat suami dan saya suruh saja dia mengurus anak dan rumah..saya kuat bekerja untuk keperluan hidup di rumah..selagi saya mampu saya akan bekerja”.

Isteri juga berhak bebas menggunakan pendapatannya meskipun dilarang suami kerana isteri yang mencari wang dan isteri dianggap sebagai pemimpin dalam rumah tangga. Kenyataan tersebut turut dipersetujui oleh R4, bahawa sudah semestinya isteri mencari nafkah untuk keluarga (suami dan anak) kalau isteri memang mahu bersama suami(pasangan). Isteri wajib memberikan nafkah kepada keluarga kerana sesuai dengan aturan adat iaitu isteri berkewajipan mencari nafkah manakala suami pula mengurus rumah dan mengurus anak. Walaupun itu rumittetapi perkara ini sudah

menjadi adat di daerah Sari Galuh.

R5 rasa kesenangan ini yang memperkuat hukum adat di Desa Sari Galuh yang diamalkan oleh masyarakat dari nenek moyang mereka hingga saat ini. Kemudian dikatakan bahawa isteri yang memberikan nafkah kepada suami dimasukkan kedalam syurga dan diampuni segala dosa isteri terutamanya dalam berkenaan hal tanggungjawab isteri kepada suami.

Suami hanya duduk di rumah dan menjaga anak-anaknya. Tradisi atau amalan adat di Desa Sari Galuh menempatkan kedudukan isteri seperti kedudukan suami iaitu sebagai pencari nafkah, ini dianggap suatu kebanggaan atau kesenangan di dalam keluarga.

“ Saya memberi duit kat suami sebab adat yang mengatur dan saya suka, apatah lagi saya bekerja sendiri walaupun penat tapi semuanya hilang sebab hasil usaha saya sendiri untk mencari duit”.(R10)

R10 berasa sangat senang boleh memberikan nafkah kepada suami sebab isteri boleh mengatur rumah tangga seperti dalam hal wang, membeli keperluan rumah dengan tidak meminta izin dari suami dan ketika balik dari kerja suami telah memasak makanan untuknya. Inilah yang membuat isteri sangat senang memberikan nafkah kepada keluarga meskipun penat tetapi dia rela. Begitu juga aturan adat yang berlaku di daerahnya iaitu selepas berkahwin isteri harus memberikan nafkah kepada suami.

### **Kedua: Isteri terpaksa memberikan nafkah**

Bagi R2 pula terdapat permasalahan dalam rumah tangga ketika isteri memberikan nafkah kepada suami kerana keterpaksaan untuk mencari nafkah disebabkan peraturan adat yang telah dilakukan semenjak dahulu hingga saat ini. Hal tersebut menjadi beban bagi isteri dalam keluarga, suami hanya duduk (berdiam diri) di rumah sedangkan isteri bertungkus rumus mencari nafkah untuk keperluan anak dan

suami.

Bagi R6 pula, beliau tidak suka dengan tradisi adat di Desa Sari Galuh kerana isteri bekerja dari pagi hingga petang dan mencari nafkah untuk anak dan suaminya. Isteri melakukannya dalam keadaan terpaksa dan hal ini membuatkan isteri tertekan jika isteri tidak melakukannya, maka isteri dikatakan anak yang tidak patuh kepada aturan adat.

“ Amalan ini membuatkan saya tak sanggup kerana sewaktu saya hamil suami enggan bekerja dan dia hanya berdiam di rumah, belanja dan keperluan dibantu oleh orang tua saya, saya tak tau macam mana nak elakkan amalan ini ”. (R6).


Bagi R7 merasa susah kerana jika isteri mengandung dan melahirkan anak, maka siapakah yang akan mencari nafkah, sedangkan suami tidak akan mencari nafkah kerana sudah ada janji adat sebelum akad perkahwinan. Isteri akan menabung (menyimpan wang) sedikit untuk keperluan masa akan datang jika isteri sakit atau melahirkan anak. Bagi R8 pula sering terjadi pergaduhan antara dirinya dan suaminya, sehingga hubungan mereka tidak harmoni kerana keterpaksaan untuk bekerja dalam mencari nafkah. Malahan ketidakharmonian itu juga telah mengakibatkan pergaduhan terus terjadi.

Menurut Suwarno ketika calon suami dan isteri telah menjadi pasangan yang sah dalam perkahwinan maka sesuai dengan adat atau tradisi yang berlaku di Desa Sari Galuh, isteri memberikan nafkah (perbelanjaan) dalam rumah tangga sedangkan suami mengurus anak dan rumah. Kerana sebelum akad nikah sudah dibaritahu bahawa isteri akan menafkahi anak dan suaminya.<sup>163</sup>

---

<sup>163</sup>Temu bual dengan Suwarno (Ketua adat), Desa Sari Galuh 17 Juni 2016, pukul 03.10 Petang.





Rajah 4.2 Isteri memberikan nafkah kepada suami di Desa Sari Galuh Kecamatan Tapung

Berdasarkan graf diatas, 11 daripada 18 responden mengatakan isteri berasa terpaksa memberikan nafkah kepada suami. Isteri yang memberikan nafkah kepada suami 69% tidak bersetuju berbanding 31% isteri yang bersetuju memberikan nafkah kepada suami.

Selain itu, keterpaksaan isteri memberikan nafkah kepada suami juga disebabkan hal mempertahankan adat yang berlaku supaya adat ini tidak hilang. Sekiranya adat ini lenyap maka didakwa akan terjadi musibah di kawasan tersebut.<sup>164</sup> Inilah yang ditakuti oleh sebahagian masyarakat di daerah tersebut. Jika ada yang melanggar perintah (aturan) adat maka akan dikenakan denda sesuai dengan ketentuan adat.

### **Ketiga: Kefahaman masuk syurga**

Bagi R9 pula menyakini apabila memberikan nafkah kepada suami maka akan dimasukkan kedalam syurga kerana telah membantu dan menolong suami untuk memenuhi keperluan rumah tangga.

“Saya bagi nafkah kat suami kerana saya yakin saya masuk syurga sebab boleh menolong suami, kerana menolong orang dapat pahala apatah lagi menolong suami sendiri”.(R9)

<sup>164</sup>Temu bual dengan Saripudin( Tokoh Masyarakat), Desa Sari Galuh, 17 Juni 2016. Pukul 04.30 Petang.

R13 pula, beliau meyakini bahawa kalau memberikan nafkah kepada suami akan mendapat kemudahan hidup dan kemurahan rezeki dalam bekerja. R15 menyatakan bahawa sebahagian isteri-isteri masyarakat di Desa Sari Galuh percaya kalau mencari nafkah untuk keluarga akan membawa ke syurga kerana dapat membantu keluarga.

Kefahaman masyarakat tentang ilmu agama masih kurang sehingga sebahagian masyarakat di Desa Sari Galuh masih percaya dengan tradisi yang dibawa oleh nenek moyang mereka hingga rumit untuk menghilangkannya. Antara juga salah satu penyebabnya juga ialah mereka kurang pendidikan. Terbukti 68% daripada responden-responden yang di temu bual hanya selesai pendidikan sekolah rendah.

#### **Keempat : Terjadinya Pergaduhan Suami Isteri**

Bagi R11 sepanjang memberikan nafkah kepada suaminya, hampir setiap hari terjadi pergaduhan di dalam rumah tangga kerana isteri sudah mencarikan nafkah untuk keluarga tetapi suami tidak menguruskan rumah dan menjaga anak-anak malah suami hanya duduk di rumah dan tidak mengerjakan tugas rumah.

“Aku sudah penat-penat cari nafkah ..eh..dia malah malas-malas dirumah tidak mengerjakan apa yang saya suruh...aku sudah suruh dia jaga anak tak di jag nya ..aku suruh mengurus rumah tapi tak di dengar kannya..kami sering bertengkar gara-gara suami malas .(R11)

Bagi R12 pula, sering terjadi pergaduhan dengan suami kerana suami tidak mahu melaksanakan tugasnya untuk membersihkan rumah dan mengurus anak-anak padahal sudah dibahagikan tugas masing-masing tetapi suami tidak melaksanakannya. R14 yang bekerja sebagai petani pula, sering terjadi pertengkaran kerana merasakan penat nya mencari nafkah untuk keluarga demi memenuhi keperluan hidup rumah tangga tetapi suami tidak mahu bekerja dan menjaga anak-anak di rumah, mereka lebih memilih duduk di kedai daripada melakukan perkerjaan rumah.

“Suami tak mahu melakukan pekerjaan rumah, dia lebih memilih duduk kat kedai berbanding nafkah...eh..dia tak nak mengerjakan..padahal aku penat balik dari kerja”.(R14).

### **Kelima: Memberikan Gambaran Buruk Kepada Masyarakat Lainnya**

Amalan isteri memberikan nafkah kepada suami memberikan impak buruk di dalam rumah tangga salah satunya ialah suami menjadi malas untuk bekerja dan mencari nafkah. Menurut ketua Rukun Tangga (RT) tuan Syahrizal menyatakan :

“Amalan ini sudah lama terjadi di Desa Sari Galuh tetapi agak susah melarangnya kerana tidak ada aturan adat untuk melarangnya, dan juga majoriti di Desa Sari Galuh yang berkebun Sawah (padi) sehingga banyak dilakukan oleh kaum wanita (isteri) berbanding lelaki. Lelaki ramai yang duduk di kedai kopi daripada membantu isterinya”.<sup>165</sup>

Meskipun amalan ini sudah lama diamalkan oleh masyarakat tetapi tidak ada usaha dari pemerintah untuk memberikan pencerahan tentang nafkah kerana Desa Sari merupakan desa yang jauh dari kota sehingga susah untuk dilawati oleh pihak pemerintah. Menurut Sumanto Ketua Desa Sari Galuh:

“Amalan ini buruk, sebab merosak lingkungan warga lainnya, saya fikir ini harus di hilangkan sebab kalau lama nanti akan terpengaruh dengan desa lainnya, saya akan berusaha dan saya cuba minta tolong sama ustad-ustad, macam mana hendak hilangkan amalan itu,”<sup>166</sup>

Amalan isteri memberikan nafkah kepada suami memberikan imapak negatif kepada masyarakat sekitar, di antaranya ialah meningkatnya jumlah pengangguran bagi lelaki dalam masyarakat disebabkan kerana diwajibkan isteri bekerja mencari nafkah. Ketua Desa Sari Galuh berusaha akan menghilangkan amalan ini meskipun banyak diantara mereka masih susah untuk meninggalkannya. Kesan amalan ini antaranya

---

<sup>165</sup>Temu Bual dengan Syahrizal Ketua Rukun Tangga(RT) di Desa Sari Galuh Kecamatan Tapung 26 Jun 2018

<sup>166</sup>Temu bual dengan Sumanto (Ketua Desa Sari Galuh ) di Desa Sari Galuh kecamatan Tapung 30 jun 2018

iaitu suami menjadi malas untuk bekerja dan beraktiviti untuk melakukan suatu pekerjaan lebih-lebih lagi mencari nafkah untuk keluarga.

Islam menekankan bahawa kewajipan suami adalah memberikan nafkah kepada isteri dan anak-anaknya sesuai dengan al qur'an dan sunnah. Majelis Ulama Indonesia (MUI) Kabupaten Kampar belum mengetahui bahawa adanya amalan isteri memberikan nafkah kepada suami. Menurut Dr Johar Arifin mengatakan :<sup>167</sup>

“Saya belum tahu ada amalan isteri memberikan nafkah kepada suami nanti saya cuba pergi ke Desa Sari Galuh dan melihat apakah ada amalan itu atau tidak. Jika ada kami akan beri pencerahan tentang Islam terutama tentang nafkah dan kewajipan suami isteri didalam rumah tangga”.

#### **4.4 Analisis Undang-undang Perkahwinan dan Kompilasi Hukum Islam Isteri Memberikan Nafkah Kepada Suami**

Amalan isteri memberikan nafkah kepada suami di Desa Sari Galuh bercangga dengan Undang-Undang Perkahwinan No.1 Tahun 1974 dan Kompilasi Hukum Islam (KHI) Indonesia. Isteri semestinya memberikan hak-hak suami dengan melaksanakan kewajipan-kewajipan mereka yang telah diatur oleh undang-undang perkahwinan dengan kesedaran dari diri isteri. Begitu juga dengan suami sudah semestinya memberikan hak-hak isteri mereka dengan melaksanakan kewajipan-kewajipan mereka sesuai dengan undang-undang perkahwinan tanpa ada paksaan dari adat.

Walau bagaimanapun di dalam Undang-Undang Perkahwinan No.1 Tahun 1974 telah mengatur tentang hak dan kewajipan suami isteri, masyarakat di Desa Sari Galuh masih mempertahankan amalan adat mereka. Padahal sudah dijelaskan di dalam Undang-Undang Perkahwinan no.1 Tahun 1974 fasal 34 ayat (1) menyatakan

---

<sup>167</sup> Temu bual dengan Sumanto (Timbalan Ketua Desa Sari Galuh Kecamatan Tapung), pada 25Jun 2016.

“Kewajiban suami melindungi dan memberikan nafkah kepada isteri dan keperluan rumah tangga yang diperlukan oleh isteri dan anak-anaknya.<sup>168</sup>

Suami berkewajiban melindungi isteri dengan memberikan nafkah kepadanya misalnya nafkah makanan, pakaian dan tempat tinggal yang diperlukan oleh isteri untuk hidup bersama dengan suami. Apabila isteri sudah mendapatkan nafkah yang cukup daripada suami maka isteri berkewajiban menjalankan hak nya sebagai ibu rumah tangga dalam mengatur dan membelanjakan keperluan hidup rumah tangga.

Kewajiban isteri juga diatur di dalam fasal 31 ayat (3) menyatakan bahawa tanggung jawab isteri sebagai ibu rumah tangga yang mengatur keperluan rumah tangga dan memberikan nafkah harus dilaksanakan. Ketentuan suami memberikan nafkah kepada isteri telah ada dalam fasal 31 ayat (3) yang menyatakan : “Suami sebagai ketua keluarga dan isteri sebaga ibu rumah tangga. Suami sebagai ketua keluarga bertanggungjawab untuk memberikan nafkah kepada isteri sesuai dengan kemampuannya.<sup>169</sup>

Adapun yang menjadi hak dan kewajiban suami isteri yang diatur di dalam Undang-Undang Perkahwinan no.1 Tahun 1974 ialah pertama, suami wajib memperlakukan isteri dengan baik. Kedua, suami wajib menjaga isteri dengan baik. Ketiga, suami wajib bersikap sabar dan selalu membina dan membimbing isteri. Keempat, isteri wajib melayani suami dengan baik. Kelima, isteri wajib memelihara diri.<sup>170</sup>

---

<sup>168</sup>Djubaedah Sulaikin Lubis Prihatini, *Hukum Perkahwinan Islam di Indonesia* (Jakarta: Hecca Mitra Utama, 2005), 65.

<sup>169</sup>Kemal Muchtar, *Asas-asas Hukum Islam Tentang Perkawinan* (Jakarta: Bulan Bintang, 1974 ),11.

<sup>170</sup>Titon Slamet Kurnia, *Pengantar Sistem Hukum Perkawinan Indonesia*,(Bandung : PT Alumni, 2009), 49.

Di dalam Kompilasi Hukum Islam juga mengatakan bahwa kewajiban suami memberikan nafkah kepada isteri berdasarkan pasal 80 menyatakan “ suami wajib memberikan nafkah kepada isteri sesuai dengan pendapatannya. Suami juga wajib memberikan pendidikan agama kepada isterinya dan memberikan kesempatan belajar pengetahuan yang berguna dan bermamfaat bagi agama dan negara. Antara nafkah yang harus ditanggung oleh suami ialah nafkah kishwah, tempat tinggal, biaya rumah tangga, biaya rawatan dan biaya perubatan bagi isteri dan anak.

#### **4.4.1 Isteri Boleh Menuntut Penceraian di Pengadilan Agama Indonesia**

Dalam fasal 34 ayat (3) Undang-Undang perkahwianan No.1 Tahun 1974 menyatakan bahawa “ Jika suami isteri melalaikan kewajibannya maka mereka boleh mengajukan dakwaan atau permohonan kepada pengadilan agama.

Apabila suami tidak memberikan nafkah kepada isteri dan anak-anaknya maka isteri boleh mengajukan dakwaan ke pengadilan agama. Dakwaan isteri ke pengadilan nantinya akan dipertimbangkan oleh hakim. Menurut Andi Syamsu (Hakim Mahkamah Agung) “ Bahawa apabila di dalam rumah tangga, isteri sebagai ketua keluarga dan isteri tidak mendapatkan nafkah dari suaminya maka isteri boleh mengajukan ke pengadilan agama. Meskipun diperbolehkan dalam undang-undang, dakwaan nafkah belum popular dalam masyarakat misalnya isteri tidak diberikan nafkah, anak tidak di sekolahkan padahal bapanya mampu maka boleh diajukan ke pengadilan agama .”

#### **4.4.2 Akibat Hukum Suami melalaikan tanggungjawab kepada isteri**

Suami yang tidak memberikan nafkah kepada isterinya juga disebut sebagai yang mengabaikan tanggungjawab rumah tangga atau sebagai Kekerasan dalam rumah tangga (KDRT).

Menurut Muchsin pengabaian tanggungjawab rumah tangga adalah setiap bentuk kelalaian dalam menjalankan kewajiban dan tanggungjawab seseorang dalam rumah tangga yang menurut hukum seseorang itu ditetapkan sebagai pemegang tanggungjawab terhadap kehidupan orang yang berada bawa tanggungan keluarganya.

Apabila suami melakukan KDRT maka akan dikenakan denda seperti yang terdapat dalam fasal 49 dan 50, membayar sebanyak Rp15.000.000 (lima belas juta Rupiah) atau di penjara maksimum tiga tahun . Namun begitu, apabila isteri bekerja untuk memenuhi keperluan rumah tangga bukan kerana terpaksa, maka dibolehkan dengan syarat isteri harus mendapatkan izin dari suami.<sup>171</sup>

### **Kesimpulan**

Berdasarkan kepada penjelesan diatas dapat disimpulkan bahawa amalan ini menyalahi undang-undang perkahwinan dan Kompilasi Hukum Islam Indonesia kerana isteri yang memberikan nafkah kepada suami majoriti dalam keadaan terpaksa dan mengikuti peraturan adat yang telah berlaku dari zaman dahulu. Sering terjadi pertengkaran dalam rumahtangga kerana isteri terpaksa memberikan nafkah kepada suami.

Walaupun pelbagai usaha telah diusahakan oleh sebahagian masyarakat terutama ustaz yang memberikan penjelasan kepada masyarakat yang mengamalkan isteri berkewajipan memberikan nafkah kepada suami juga tidak ada perubahan kepada masyarakat. Sementara pihak pemerintah seperti pengadilan agama (mahkamah syari'ah) dan Kementerian Agama Kabupaten Kampar tidak ada yang datang ke kawasan tersebut untuk memberikan pengetahuan tentang agama terutama tentang kewajipan nafkahdalam keluarga kepada masyarakat.

---

<sup>171</sup> Intan Kafa Arbina, *Perlindungan Hukum Terhadap Korban Kekerasan dalam Rumah Tangga atau KDRT* (Jakarta:PT.Raja Grafindo Persada), 89.

Amalan isteri yang memberikan nafkah kepada suami ini dapat diselesaikan apabila Majelis Ulama Indonesia (MUI) di Kabupaten Kampar dan pemerintah Kementerian Agama (KEMENAG) serta Pengadilan Agama Kabupaten Kampar dan tokoh masyarakat berkerjasama untuk menghapuskan peraturan adat (kewajiban isteri memberikan nafkah kepada suami) yang telah diamalkan oleh sebahagian masyarakat Desa Sari Galuh. Di samping itu, penyelidik berpendapat bahawa di sebahagian kawasan Desa Sari Galuh yang mengamalkan budaya ini perlu banyak dikaji lagi khusus tentang impak dan kesan buruk daripada amalan kewajiban isteri memberikan nafkah kepada suami. Sehingga amalan ini dapat berkurang sedikit demi sedikit, dan suami berkewajiban memberikan nafkah kepada isteri dan anaknya. Suami menjadi ketua rumahtangga dan anak mendapatkan kasih sayang seorang ibu.



## **BAB V**

### **PENUTUP**

#### **5.1 PENGENALAN**

Bab ini ialah bab terakhir bagi kajian yang dilakukan. Bab ini akan merumuskan dan menyimpulkan maklumat dan keterangan yang diperolehi dari bab-bab yang sebelumnya. Penulis akan memberikan beberapa cadangan dan idea yang baru serta difikirkan relevan dalam menangani masalah atau isu yang timbul.

#### **5.2 PENUTUP**

Berdasarkan nas-nas al-Quran dan hadisserta ijma' ulama, nafkah isteri merupakan hak yang wajib ditunaikan oleh suami selama mana perkahwinan berlangsung dan tidak berlaku sebarang sebab-sebab yang menggugurkan kewajipan tersebut. Ulama bersependapat menyatakan bahawa nafkah diwajibkan bukan semata-mata disebabkan perkahwinan tetapi disyaratkan adanya penyerahan diri isteri sepenuhnya terhadap suami agar suami dapat menikmati diri isteri yang menjadi haknya. Keterikatan diri isteri terhadap suami dengan memberikan komitmen dalam rumahtangga, menunaikan kewajipan dan taat terhadap suami telah mewajibkan suami menanggung segala keperluan yang diperlukan isteri yang meliputi makanan, pakaian, tempat tinggal, perubatan, dan sebagainya.

Selain itu, Undang-Undang Perkahwinan no.1 Tahun 1974 dan kompilasi hukum Islam pula mewajibkan kepada suami memberikan nafkah kepada isteri. Sekiranya suami tidak memberikan nafkah kepada isteri maka isteri boleh membuat aduan cerai kepada pengadilan agama Indonesia (mahkamah).

Dalam kajian ini, terdapat isteri yang memberi nafkah kepada suami di Desa Sari Galuh Kecamatan Tapung kerana mereka patuh dengan aturan adat yang mereka yakini tetapi ada sebahagian daripada isteri-isteri di Desa Sari Galuh Kecamatan Tapung terpaksa untuk mencari nafkah untuk keluarganya dan anak-anaknya tidak mendapatkan kasih sayang ibunya meskipun yang menjaga ialah suami.

Isteri berkewajipan mencari nafkah untuk keluarga dan suami hanya duduk dirumah dan menguruskan anak dan mengerjakan pekerjaan rumah seperti layaknya seorang isteri. Adapun faktor yang mendorong isteri memberikan nafkah kepada suami adalah kerana masyarakat Desa Sari Galuh masih mengamalkan adat yang dianutnya dari nenek moyang mereka.

### **5.3 Cadangan**

Beberapa cadangan akan diberikan oleh penulis, amalan adat yang terjadi di Desa Sari Galuh yang mewajibkan isteri memberikan nafkah kepada suami, supaya tidak terjadi lagi di daerah itu. Antara cadangan yang penulis berikan ialah :

#### **5.3.1 Majelis Ulama Indonesia (MUI) Kabupaten Kampar**

Perlu adanya perhatian oleh ulama. Dalam hal ini Majelis Ulama Indonesia (MUI) di Kabupaten Kampar perlu memberikan pengetahuan agama kepada suami isteri tentang hak dan kewajipan mereka dalam berumah tangga. Supaya mereka mengetahui tanggungjawab masing-masing. Suami sebagai pemimpin dalam rumahtangga iaitu menafkahi isteri dan anak-anaknya manakala isteri melayani dan membantu suami.

MUI perlu membuat kursus-kursus perkahwinan dalam hal ini melalui Kantor Urusan Agama (KUA) bagi masyarakat Desa Sari Galuh yang mahu bernikah, agar mereka dapat memahami dengan jelas fungsi dan peranan mereka dalam rumah tangga.

Perlu di tekankan tentang tanggungjawab seorang suami untuk mencari nafkah dalam rumah tangga.

### **5.3.2 Pendidikan**

Pendidikan agama di Desa Sari Galuh amat kurang kerana terhadnya akses menuju Desa Sari Galuh yang jauh dari kota. Pendidikan agama ini juga penting kerana memberikan pengetahuan bukan hanya kepada masyarakat sahaja tetapi kepada pemuda yang mahu bernikah.

Di masa kini, keseimbangan antara pendidikan agama dan pendidikan umum (pendidikan rohani dan pendidikan jasmani) juga penting. Oleh itu penyaluran maklumat penting adalah melalui pendidikan secara formal (sekolah) atau secara tidak formal (keluarga). Pendedahan awal amat penting bagi pelajar contohnya pendedahan bagi setiap ahli keluarga, tanggungjawab terhadap ibu bapa, masyarakat dan di dalam perkahwinan serta hak-hak perlu ditegakkan. Kesedaran tentang hak dan tanggungjawab yang berkaitan dengan kekeluargaan adalah sebagai persediaan untuk membina keluarga pada masa hadapan kelak. Apatah lagi apabila berhadapan dengan masalah keluarga, masyarakat agar mampu menyelesaikan berdasarkan hukum Islam bukan hukum adat yang melanggar ketentuan hukum Islam.

### **5.3.3 Pemerintah**

Pemerintah perlu segera melihat keadaan yang terjadi di Desa Sari Galuh kerana jika adat di Desa Sari Galuh ini tidak cepat dihapuskan maka masyarakat di beberapa Desa yang ada di Kecamatan Tapung akan terpengaruhi dengan amalan adat yang mewajibkan isteri memberikan nafkah kepada suami. Pemerintah perlu membuka peluang pekerjaan bagi masyarakat Desa Sari Galuh agar masyarakat di Desa Sari Galuh tidak banyak yang menganggur.

## BIBLIOGRAFI

### Buku

- Abū Zahra, Muḥammad Ahmad Muṣṭhafa Abu Zahrah. *Al Ahwal āl Syakhsiyyah*. Kaherah: Dar al Fikr al ‘Arabi, 2001.
- Abū Urwah, *Wanita dan Kekeluargaan*. Petaling Jaya: Pustaka Salam, 1986.
- Al-Buhūti, Manṣūr bin Yūnus bin Idrīs. *Kasyf al-Qinā ‘an Matn al-Iqnā*, Riyad: Dar ‘Alim al-Kutub, 2003.
- Al-Dusūqī, Muḥammad ‘Arafah. *Hāsyiah al-Dusūqī ‘alā al-Syarḥ al-Kabīr*. Jordan: Dar al-Nafais, 1997.
- Al- Jazīri, Abdur Rahmān. *Al Fiqh ‘Alā Maḍzāhīh Al-Arba’āh*. Beirut: Dar al Fikr, 1976.
- Al Kāsānāī, ‘Alā al-Dīn. *Badā’i al Ṣanā’ fī Tartīb al-Syarā’i*. Juz 4. Beirut: Maktabah al ‘Ilmiyyah, 1989.
- Al Māwardī, Abū al-Ḥasan ‘Ali bin Muḥammad bin Hussain, *al Hawi fi Fiqh al Shafi’iyy*, Beirut: Dar Al kutub al –‘ilmiyyah, 1994.
- Al-Nawawi, Muḥyī al-Dīn Abī Zakariyyā Yaḥyā bin Syarf al-Nawawī *Rawdah al Ṭalībīn*. Jil 9. Beirut : al Maktabah al Islami, 1999.
- Al-Shanqīṭī, Muḥammad al-Amin bin Muhammad al-Shanqīṭī, *Aḍwa al-Bayan fi ‘Īdāh al-Qur’ān bi al-Qur’ān*. Lubnan: Dār al-Fikr li al-Ṭība’ah wa al-Nayr wa al Tauzi, 1995.
- Al-Shaukānī, Muhammad bin Ali Muhammad al-Shaukani. *Nail al-Auṭār Sharḥ Muntaqā al-Akbar min Ahadith al-Sayyid al-Akhyar*. Kaherah: Maktabah Dar al-Turath, 1999.
- Al-Shairāzī, Ibrāhim bin ‘Aliyy bin Yusuf al-Shairazi Abu Ishaq. *Al-Muhadhab fi al-Fiqh Imam al-Syafi’iyy*, Beirut: al-Risalah, 1999.
- Al-Suyūṭī, Abd Rahmān bin al-Kamāl Jalāl al-Din al-Suyūṭī. *Ad-Dar al-Munthūr*. Beirut: Dar al-Fikr, 1993.
- Al-Sayyid Sābiq. *Fiqh al-Sunnah*. Kaherah: al-Fath li ‘T’alam al-Arabi. 2000.
- Al-Syarakhsiy, Abu Bakr Muḥammad bin Abi Saḥl al Syarakhsi, *al Mābsuṭh*. Beirut: Dar al Islamiyyah, 1986.
- Al-Syarbīnī, Muhammad bin Ahmad al-Sharbīnī. *Mughnīal-Muhtāj*. Kaherah: Syarikah Maktabah wa Matba’ah al-Mustafa, 1958.
- Al-Zuḥailī, Waḥbah Muṣṭhafā al-Zuḥailī. *Al Fiqh al-Islām wa Adillatuhu*. Beirut: Dar

- al-Fikr, 1984.
- Andrew H. Bachuber Introduction To Logic, New York: Appleton Century-Crofts Inc. 1957.
- Basyir, A. Azhar, *Hukum Perkahwinan Islam*, Yogyakarta: UIIPress, 1999.
- Charles Bettelheim, *Studies in the theory of Planning*. India: Asia Publishing House, 1990.
- Davidson MJ, Cooper CL, *Shattering the Glass Ceiling: The Woman Manager*. Paul Chapman Publishing Ltd., London. 2006.
- Ibn al-Humām, Kamal al-Din Muḥammad bin ‘Abd Wahid. *Syarḥ Faḥ al-Qādir al-Hidayāh: Syarḥ Bidāyah al-Mubtadi*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1970.
- Ibn Ḥajar, Ahmad bin ‘Alī, *Faḥ al-Bārī Sharḥ Sahih al-Bukhārī*. ed. Muhibb al-Din al-Khatib. Beirut: Dar Kutub al-Ilmiyyah, 1997.
- Ibn Manzur, Abu al-Fadl Jamal al-Din Muhammad Ibn Mukarram. *Lisan al-‘Arab*. Kaherah: al-Dar al-Misriyyah li al-Ta’lif wa al-Tarjamah, 1954.
- Ibn Rusyd, Abu al-Walid Muḥammad Ibn Muḥammad al Rusyd. *Biḍāyatulal-Mūjtahid wa Niḥāyahal-Muqtasid*. Beirut: Dar al-Qalam, 1988.
- Ibn Qudamah, Abdullah Ibn Ahmad al-Maqdisi. *Al-Mūghni wa al-Sarḥ alKābīr*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Arabi, 1972.
- Ibn Syathā, Abu Bakar bin Muḥammad Zainal Abidin Syathā, *Ī’anah ath Ṭḥolibīn*, Beirut: Dar Ma’rifah, 1996.
- Ibn Syarbini, Syamsuddīn Muḥammad bin Ahmad al-Khatib al-Syarbini, *Mūghni al Muhtaj ila Ma’rifah Ma’anī al Faz al Minhaj*, Mesir: Maktabah Mustafa, 1956.
- Kuala Abdul Latief Al-Atiki, *Wanita Islam dan Hari Ini Kerja dan Fungsinya*. K.L: Pustaka Ilmi, 1997.
- Michael Armer and Allen D. Grimgham (t.t), *Comparative Social Research: Methodological Problem and Strategies*. New York: John Wilen and Sons, 1999.
- Muhammad Zuhdi bin Abdul Majid, *Sejarah pembinaan Hukum Islam*, Kuala Lumpur : Jabatan Penerbitan Universiti Malaya, 1992.
- Mustafa Sibai, *Wanita Menurut Syari’ah Islam Peradaban Moden*. Halimuddin KL : Pustak Antara, 1986.
- Muhammad Quraisy Shihab, *Bimbingan Keluarga Sejahtera bagi Calon Pengantin dan Keluarga Baru: Menuju Keluarga Sakinah*, Jakarta: Dirjen Bimas Islam dan Urhaji Dit. Urais, 1997.
- Muhammad Baqir al-Habsi, *Fiqh Praktis: Menurut al-Qur’an, al-Sunnah dan Pendapat Para Ulama*, (Bandung: Mizan, 2002).

Muhaqqiq, Abu Yazid, *Fiqh Today 2 Fatwa Tradisional untuk Orang Modern Fikih Keluarga*, Jakarta:Penerbit Erlangga,2008.

Powell GN, Graves LM, *Women and men in management*. Sage Publication. London, 2003.

Sabri Husin. *Pengurusan* . Kuala Lumpur :Thomsan, 2004.

S.f.Baker, *Introduction and Hypothesis*, New York: Cornell University Press, 1957

Syeikh Haji Muhammad Yunus Bin Hj.Muhammad Yatim,*Pedoman Suami Isteri*. Melaka: Jabatan Agama Islam:Jabatan Agama Islam,1999.

Zahry Hamid, *Pokok-Pokok Hukum Perkawinan Islam dan Undang-Undang Perkawinan diIndonesia*,Yogyakarta: Bina Cipta,1978.

### **Rujukan Artikel Jurnal**

Abdul Kadir Hj Muhammad, *Nafkah Hak anak dan Kewajipan Baba''* Jurnal Monograf Syariah, Bil 4, (1996). 90-105

Azizah Mohd, Badruddin Hj. Ibrahim, *Nafkah isteri bekerja Dalam Undang-undang Islam Malaysia*. Kanun, Jurnal Undang-undang Malaysia.( 2005). 134-147

B.Syafuri, *Nafkah Wanita Karier Dalam Perspektif Fiah Klasik*, Jurnal Ahkam:Vol XIII, No.2. (2013). 100-118

Badruddin Hj. Ibrahim, Azizah Mohd. *Hak Anak Terhadap Nafkah Dalam Perundangan Islam:Sejauh Manakah Baba Bertanggungjawab Menanggung Nafkah Anaknya*. Jurnal Kanun. Jilid 25 Bil. (2013). 255-271.

Dahlia Lubis, *Persepsi Pemuka Agama Terhadap Bias Gender Ditinjau Dari Latar Belakang Suku*, Journal Of Cintemporary Islam and Muslim Societies. Vol.1. No.1 (2017). 124-137

Eka Susylawati, Moh.Masyhur Abadi dan H.M Latiep Mahmud, *Pelaksanaan Putusan Nafkah Isteri Pasca Cerai Talak di Pengadilan Agama Pamekasan*. Jurnal Ihkam. Vol.8. No.2. (2013). 65-77

Fitri Meliani, Euis Sunarti, Diah Krisnatuti, *Faktor Demografi, Konflik Kerja Keluarga, dan Kepuasan Perkawinan Isteri bekerja*. Jurnal Ilmu Keluarga dan Konsling. Vol 7.No.3. (2014). 133-142.

Hairul Hudaya, *Hak Nafkah Isteri (Perpektif Hadis dan Komilasi hukum Islam)*, Jurnal Mu'adalah Jurnal Studi Gender dan Anak Vol.1.No.1, (2013). 25-35

Halim Azman hj Sulaiman, Jurnal Hukum ;X;BHG(1), Putra Jaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, (1995). 65-78

- John R. Bowen, *You May Not Give It Away": How Social Norms Shape Islamic Law in Contemporary Indonesian Jurisprudence*, *Islamic Law and Society*, Vol 5, No.3, Journal The Islamic Inheritance system, (1998).
- Khairani. *Penelantaran Ekonomi Dalam Keluarga (Tinjauan Fiqh dan KDRT)*. Jurnal Studi Gender dan Islam serta Perlindungan Anak. Vol.1. No.1. (2012). 100-115.
- Mashita Mohd Yatim. Employment of Women And Family Development Colloquium Population Movements, economic Development and Family Change. Journal
- Nabilah Abdullah dan Wan Zulkifli Wan Hassan. Jurnal Fiqh, No. 7, (2010).
- Noor Rahmah Hj. Abu Bakar. Wanita Bekerja dan Pengurusan Keluarga. *Malaysia Journal Of Society and Space* 8 Issue 7, (2012).
- Nuraisiah, *Hak Nafkah, Mut'ah dan Nusyuz iteri studi Komperatif Undang-undang Hukum Keluarga di Berbaga Negara Muslim*. Jurnal Gender. (2007). 75-116.
- Nurnazli, *Nafkah Dalam Pendekatan Interdisipliner*. Jurnal al Risalah, Makasar, 2000.
- Raihanah Hj Abdullah, *Peruntukan Kewangan bagi Wamita Islam dalam undang-undang Keluarga Islam (wilayah Persektuan )*, Jurnal Syariah, Jil 2, Bil 2, (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, (1993).
- Raihanah Hj Abdullah (1993) "Peruntukan Kewangan bagi Wanita Islam dalam undang-undang Keluarga Islam (wilayah Persektuan )", Jurnal Syariah, Jil 2, Bil 2, (Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, (1984). 209-225.
- Siti Fatimah kasih Sayang San Hormat : *Asas Hubungan Keluarga Nukelar Islam*. Jurnal IKIM, Vol. 6, No. 2, (1998)
- Suwaid bin Tapah. Jurnal Syaria, No 8. (2000)
- Suzara binti Makpol. *Nafkah isteri bekerja: suatu analisis hukum*, Jurnal Syariah, Universiti Malaya, (2003).
- Susiana, Pemeberian Izin dari suami terhadap isteri yang bekerja perspektif Hukum Islam. Jurnal Tamaddun Ummah. Vol.01.No.01. (2015). 1-12
- Syh Noorul Madinah Syed Husin, Raihanah, Asmak ab Rahman, *Analisis Konsep Perbelanjaan Perkahwinan Rasulullah*, Jurnal Usuluddin, (2003).
- Zakaria Stapa. *Status Hak dan Tanggungjawab Wanita Islam*. Jurnal Pemikir, Bil. 24. (2001).